

LAPORAN TAHUNAN  
**2013**  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



# KANDUNGAN

VISI DAN MISI	v
OBJEKTIF	vi
PERUTUSAN MENTERI	vii
PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	viii
PENERAJU KKMM 2013	ix
CARTA ORGANISASI KKMM 2013	x
LAPORAN KPKK	1
• Unit Komunikasi Korporat	2
• Unit Audit Dalam	4
• Penasihat Undang-Undang	4
• Bahagian Antarabangsa	5
• Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik	15
• Bahagian Pengurusan dan Analisis Maklumat	17
• Bahagian Penyelarasan Media	20
• Bahagian Dasar Komunikasi dan Khidmat Pengurusan	24
• Bahagian Kemudahan	27
• Bahagian Infrastruktur, Komunikasi dan Teknologi	32
• Bahagian Kandungan Komunikasi dan Perkhidmatan Pos	35
• Bahagian Khidmat Pengurusan	38
• Bahagian Kewangan	41
• Bahagian Pembangunan	42
• Bahagian Akaun	43
• Bahagian Pengurusan Maklumat	46
• Pusat Sumber	48

# KANDUNGAN

## LAPORAN JABATAN DI BAWAH KKMM

• <b>Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)</b>	<b>51</b>
• <b>Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN)</b>	<b>64</b>
• <b>Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)</b>	<b>73</b>
• <b>Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)</b>	<b>81</b>
• <b>Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)</b>	<b>86</b>
• <b>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)</b>	<b>93</b>
• <b>Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)</b>	<b>101</b>
• <b>Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS)</b>	<b>105</b>
• <b>Perbadanan Pembangunan Multimedia (MdeC)</b>	<b>110</b>
• <b>MyNIC</b>	<b>115</b>

# VISI DAN MISI



## VISI

**Menjadi Peneraju Utama Masyarakat Bermaklumat.**

## MISI

**Membangun Dan Memperkasakan:-**

- Industri Kandungan;
- Teknologi dan Keselamatan Maklumat; dan
- Infrastruktur Komunikasi dan Multimedia Negara.

# OBJEKTIF

- Merancang, membangun, menyelaraskan, melaksana dan memantau dasar-dasar dan perundangan berkaitan keselamatan dan intergriti teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia
- Menyebar dan memasarkan maklumat kerajaan di peringkat kebangsaan dan global
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan industri kandungan secara kreatif dan inovatif
- Membangun dasar dan program keselamatan maklumat dan infrastruktur komunikasi



# KATA-KATA ALUAN

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia

Pewujudan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dalam kerajaan baru selepas pilihan raya umum ke 13 lalu adalah bertepatan dalam penyusunan semula peranan dan fungsi agensi-agensi yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di bawah satu bumbung. Seajar dengan penjenamaan semula Kementerian, fungsi ICT daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan dua buah agensi yang berkaitan iaitu Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan MyNIC juga telah dipindahkan ke KKMM, dibawah Sektor Komunikasi.

Langkah ini dapat memastikan pembangunan industri ICT yang merangkumi pencantuman teknologi telekomunikasi, teknologi maklumat, penyiaran dan teknologi internet dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih tersusun dan berkesan demi mencapai matlamat ICT Nasional. Ia juga penting dalam usaha pengemblengan sumber secara komprehensif dan optimum dalam agenda transformasi negara seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Digital Malaysia yang bakal menyumbang kepada pembangunan industri komunikasi dan multimedia kearah negara berpendapatan tinggi.

Kepantasan maklumat bergerak hari ini adalah satu fenomena yang menuntut kita bergerak selari dengannya. Maka peranan KKMM yang sangat berkait rapat dengan perkembangan teknologi maklumat dan teknologi komunikasi ini, menuntut KKMM untuk mengubah paradigma penyampaian maklumat negara kepada masyarakat mengikut trend dari semasa ke semasa.

Akhir kata, semoga kita dapat memainkan peranan kita dengan lebih cemerlang dan selamat maju jaya.



**DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK**



# KATA-KATA ALUAN

**Dato' Sri Kamaruddin Siaraf**

**Ketua Setiausaha Menteri Komunikasi dan Multimedia**

Selepas pilihanraya umum ke-13, pada 16 Mei 2013, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan rombakan kabinet beserta kementerian-kementerian baru. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah dijenamakan semula sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) di mana Sektor Kebudayaan telah dipindahkan ke Kementerian Pelancongan.

Menteri KKMM yang baharu, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek bersama Timbalannya Dato' Jailani Johari telah diberi tanggungjawab memartabatkan peranan kementerian dalam memberi khidmat kepada rakyat menerusi kandungan dan infrastruktur komunikasi dan multimedia yang terbaik kepada pembangunan negara. Saya amat yakin dan percaya dengan barisan kepimpinan baru KKMM ini, kesinambungan peranan kementerian dapat diteruskan bersama visi dan misi baharu kementerian ini.

Penguasaan dalam sistem penyampaian maklumat merupakan antara modal utama yang menentukan kemajuan sesebuah negara. Namun penguasaan sahaja tidak mencukupi kerana ia juga memerlukan kepastian dan ketepatan supaya maklumat yang disampaikan tidak usang. Dalam konteks ini, KKMM memainkan peranan penting bagi memastikan maklumat mengenai kenegaraan disampaikan kepada rakyat dengan pantas dan tepat serta diterima secara positif oleh masyarakat.

Semoga KKMM mampu menjadi medium perkongsian maklumat ke arah memperkasakan pembangunan teknologi maklumat dan teknologi komunikasi dengan lebih berkesan.



A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Kamaruddin Siaraf'. The signature is stylized and fluid.

**DATO' SRI KAMARUDDIN SIARAF**

# PENERAJU KKMM 2013



**DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia



**DATO' JAILANI BIN JOHARI**  
Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Malaysia



**DATO' SRI KAMARUDDIN SAIRAF**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Malaysia

**Encik S. Elangovan**  
Setiausaha Bahagian Antarabangsa

**(Kosong)**  
Ketua Unit Komunikasi Korporat

**Puan Norizan Zakaria**  
Penasihat Undang-undang

**Puan Norhizan Omar**  
Ketua Unit Audit Dalam



**DATO' K. BALASINGAM**  
Setiausaha Bahagian Kanan  
(Pengurusan)



**DATO' DR. ROTHIAH HAJI OMAR**  
Timbalan Ketua Setiausaha I



**DATUK CHE AZEMI HARON**  
Timbalan Ketua Setiausaha II

**Encik Abdul Rahman Mohamad**  
Setiausaha Bahagian Pengurusan  
Sumber Manusia

**Dr. Ismail Jamaluddin**  
Setiausaha Bahagian Dasar dan  
Perancangan Strategik

**Tuan Haji Mohamad Akbar Haji Mahbat**  
Setiausaha Bahagian  
Dasar Komunikasi

**Dr. Ong Gua Pak**  
Setiausaha Bahagian Kewangan

**Encik Mohd Sukari Ab Hamid**  
Setiausaha Bahagian  
Pengurusan dan Analisis Maklumat

**Encik Mazmalek Mohamad**  
Setiausaha Bahagian  
Kemudahan Komunikasi

**Encik Chek Zainuddin Chek Jusoh**  
Setiausaha Bahagian Pembangunan

**Puan Nur Ashikin Othman**  
Setiausaha Bahagian Penyelarasan  
Media

**Tuan Haji Daud Ismail**  
Setiausaha Bahagian  
Kandungan Komunikasi dan  
Perkhidmatan Pos

**Encik Azman Abdullah**  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Acara

**Encik M. Janagarajan**  
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan


Setiausaha Bahagian  
Infrastruktur, Aplikasi dan Teknologi


**Puan Siti Fatimah Jalal**  
Setiausaha Bahagian Akaun (JMS)

**Puan Che Fuziah Che Ali**  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat

**Puan Narwani Mahmood**  
Ketua Pusat Sumber

# CARTA ORGANISASI KKMM 2013





# LAPORAN KKMM



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Penubuhan UKK di Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan berkuat kuasa mulai 10 April 2009. UKK ditubuhkan dengan objektif untuk memelihara dan meningkatkan imej Kementerian dan mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Disamping itu, UKK bertindak sebagai baris hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam Kementerian.

### Pengurusan Isu

Bagi memelihara nama baik kementerian, UKK bertanggungjawab memantau berita-berita yang disiarkan di media tempatan termasuk media sosial. Sebarang berita negatif diberikan maklum balas bagi menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan supaya rakyat mendapat gambaran yang jelas tentang isu tersebut.

### Aktiviti Promosi dan Hubungan Media

UKK sentiasa menjalinkan hubungan yang baik dengan media terutama dalam hal-hal berkaitan mempromosi dasar dan program kementerian. UKK menjadi orang tengah yang

menghubungkan media dan kementerian. Ini termasuk menyediakan urusan yang berkaitan dengan jemputan membuat liputan majlis, sidang media, media kit, layanan semasa di majlis sehinggalah media selesai menjalankan tugas dan meninggalkan majlis.

Usaha mempromosi dasar dan program kementerian dibuat melalui pelbagai saluran media termasuk televisyen dan radio. Walaupun RTM terletak di bawah kementerian, hubungan dengan organisasi media swasta yang lain terus dijalin dan usaha mempromosi kementerian dibuat melalui media swasta juga. UKK mengatur pelbagai slot temubual di televisyen dan radio dalam menghebah maklumat kementerian kepada rakyat.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, UKK memainkan peranan penting mempromosi pelbagai program-program yang diatur sempena kedua-dua sambutan ini. Media sosial yang telah menjadi saluran media yang penting ketika ini turut menjadi medan bagi UKK untuk menghebahkan pelbagai maklumat mengenai kementerian.

Usaha memupuk dan memelihara jalinan kerjasama yang baik dengan media, UKK sentiasa menjemput pihak media untuk turut serta dalam majlis-majlis keraian kementerian seperti Majlis Berbuka Puasa dan Sambutan Hari Raya bersama-sama dengan Pegawai Tertinggi Kementerian.



## Pengurusan Bahan Penerbitan


UKK bertanggungjawab menguruskan penerbitan Laporan Tahunan Kementerian dan Buletin KKMM. Urusan penerbitan telah dilaksanakan dengan jayanya dengan keluaran terbitan buku Laporan Tahunan KPKK bagi tahun 2012 dan Buletin KKMM sebanyak empat keluaran.

## Pengurusan Aduan

UKK bertindak di barisan hadapan dalam menguruskan aduan daripada rakyat. Pada tahun 2013, Kementerian telah dianugerahkan Sijil Pencapaian Cemerlang Pengurusan Aduan oleh Biro Pengaduan Awam di atas pencapaian menyelesaikan 90 peratus aduan bagi tahun 2013. Carta menunjukkan jumlah aduan yang telah diselesaikan bagi sepanjang tahun 2013 mengikut Kementerian, Jabatan dan agensi. Aduan SKMM adalah aduan paling tinggi yang diterima (75.1%) juga melibatkan aduan terhadap syarikat pembekal telekomunikasi iaitu Celcom, Digi, Maxis dan sebagainya serta syarikat media seperti ASTRO, Media Prima dan sebagainya.



Carta : Jumlah Aduan Selesai mengikut Kementerian, Jabatan dan agensi bagi tahun 2013.



## UNIT AUDIT DALAM

Audit Dalam merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. UAD menjalankan pengauditan secara bebas dan melaporkan hasil pengauditan tersebut kepada Ketua Setiausaha KPPK dan pihak yang berkaitan.

### Objektif

- Membantu pihak pengurusan atasan mencapai matlamatnya melalui pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan proses kawalan kewangan dan tadbir urus.
- Membantu pihak pengurusan mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan serta pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.
- Membantu pihak pengurusan atasan menentukan program dan aktiviti diuruskan dengan berekonomi, cekap, berkesan dan bersesuaian.

### Fungsi

- Membantu pihak pengurusan dalam mencapai objektifnya dengan menentukan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur di semua peringkat.

- Menentukan operasi kewangan KPPK diuruskan dengan teratur dan selaras dengan undang-undang, polisi dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan KPPK.
- Menilai ketepatan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan semua rekod, sistem perakaunan, sistem maklumat pengurusan dan sistem kawalan dalaman yang diwujudkan.
- Menentukan program dan aktiviti yang dijalankan oleh KPPK dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan berkesan dalam mencapai matlamatnya.
- Mengemukakan penemuan audit kepada Ketua Jabatan / Agensi melalui laporan yang objektif, positif, bebas dan tepat pada masanya supaya keputusan boleh dibuat dengan segera bagi mencapai matlamat rancangan dan penggunaan sumber-sumber kewangan dan manusia dengan cekap.
- Mengesyorkan langkah pembetulan bagi memperbaiki kelemahan dalam sistem operasi yang tidak menepati objektif, rancangan, standard atau bajet tahunan.
- Memberi maklumat dan maklum balas kepada Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik Perbendaharaan Malaysia, jika perlu untuk menyemak semula dan memperbaiki dasar kewangan am, prosedur, sistem/program serta skop tugas serta tanggungjawab UAD dari semasa ke semasa.

## PENASIHAT UNDANG-UNDANG

### Fungsi

Di antara fungsi-fungsi utama Unit Undang-Undang ialah:-

- Memberi nasihat perundangan kepada Kementerian / Jabatan / Agensi di bawahnya selaras dengan keperluan dan perkembangan sistem perundangan yang dinamis.
- Menggubal perundangan utama dan perundangan subsidiari yang diperlukan oleh Kementerian / Jabatan / Agensi di bawahnya.
- Memberi nasihat dan menyemak serta meluluskan setiap dokumen perundangan (perjanjian, kontrak dan sebagainya) yang diterima daripada Kementerian / Jabatan / Agensi di bawahnya.

## BAHAGIAN ANTARABANGSA

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah melaksanakan pengurusan perhubungan hal ehwal antarabangsa bagi kedua-dua sektor kementerian iaitu Sektor Penerangan dan Sektor Komunikasi untuk menyelaras urusan berkaitan hubungan antarabangsa seperti mengurus penyertaan Malaysia dalam mesyuarat / persidangan dan aktiviti antarabangsa, persidangan antarabangsa, sesi dialog / forum, taklimat, buletin dan menganjurkan seminar / bengkel antarabangsa untuk sesi pertemuan serta percambahan minda dalam kalangan kumpulan pakar.

Pada pertengahan tahun 2013, *South-South Information Gateway* (SSIG) telah digabungkan dengan Bahagian Antarabangsa. SSIG ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penerangan, pemberitaan, dan penyiaran di kalangan Negara-negara Selatan di samping memberi penekanan dalam mempromosikan kepentingan Negara-negara Selatan ke mata dunia.

### Hubungan Antarabangsa (Penerangan)

#### Mesyuarat / Persidangan

#### 1. Mesyuarat Khas ASEAN Senior Officials Meeting Responsible for Information (Mesyuarat Khas SOMRI-Special SOMRI), Hotel InterContinental, Kuala Lumpur, 22 - 23 Ogos 2013.

KKMM telah menganjurkan Mesyuarat Khas SOMRI di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur pada 22 dan 23 Ogos 2013 dan telah dipengerusikan oleh Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 46 orang delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dalam bidang media dan penerangan dari semua negara ASEAN.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN *Ministers Responsible for Information* (AMRI) telah diberi tanggungjawab untuk menganjurkan Mesyuarat Khas SOMRI buat julung kalinya untuk membincangkan mengenai penstrukturan semula dan penambahbaikan kepada rangka kerjasama yang sedia ada bagi AMRI dan SOMRI. Persidangan telah berjaya mengenalpasti isu, permasalahan dan cabaran dalam bidang penerangan dan media di kalangan Negara Anggota ASEAN. Oleh itu, penstrukturan semula rangka kerja SOMRI melalui penubuhan tiga Kumpulan Kerja Pakar, merupakan satu resolusi penting yang telah dicapai oleh Mesyuarat Khas SOMRI ini untuk menangani cabaran-cabaran tersebut supaya tindakan-tindakan untuk merealisasikan pembentukan Komuniti ASEAN (*ASEAN Community*) menjelang tahun 2015 berjalan lancar.



Dato Sri KSU KKMM, Dato' TKSU (I) KKMM dan delegasi Mesyuarat Khas SOMRI.

#### 2. Lawatan Kerja Pengamal Media Korea Selatan ke Malaysia, 23-25 Oktober 2013, Kuala Lumpur.

Bahagian Antarabangsa selaku Urus setia Kebangsaan ASEAN *Committee on Culture and Information* (COCI) telah menyelaras lawatan kerja pengamal media dari Korea Selatan ke Malaysia. Lawatan ini merupakan program kerjasama di bawah ASEAN untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta meningkatkan kefahaman masyarakat Korea Selatan mengenai setiap Negara Anggota ASEAN. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai *Islamic Banking and Finance in Malaysia*.

Delegasi tersebut telah dibawa melawat ke beberapa tempat seperti BERNAMA (*Malaysia National News Agency*), Bank Negara (*Central Bank of Malaysia*), dan INCEIF (*International Centre for Education in Islamic Finance*).



Delegasi daripada Korea Selatan semasa lawatan ke BERNAMA.

### 3. *1st Workshop on ASEAN Integrated Quiz, 30 September - 1 Oktober 2013, Kuala Lumpur.*

Bahagian Antarabangsa dan Jabatan Penerangan Malaysia telah bekerjasama untuk menganjurkan bengkel ini. Penganjuran bengkel ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Malaysia selaku Pengerusi AMRI (*ASEAN Ministers Responsible for Information*).

Seramai 18 orang peserta dari semua Negara ASEAN dan tiga pegawai daripada Sekretariat ASEAN telah menghadiri bengkel ini. Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai projek ini dengan dibantu oleh Thailand.

Bengkel ini merupakan usaha ASEAN untuk menyeragamkan dan menstruktur semua format dan kandungan bagi Kuiz ASEAN di peringkat serantau. Bagi menentukan kaedah penyeragaman yang sesuai dan dipersetujui oleh negara-negara anggota ASEAN, tiga (3) bengkel seumpama ini perlu diadakan sebelum Kuiz ASEAN kali ke-6 dianjurkan pada bulan Ogos 2014.

Bengkel pertama yang telah diadakan di Kuala Lumpur adalah khusus untuk membincang mengenai format dan skop soalan di samping untuk memperincikan soalan-soalan yang dikumpulkan melalui databank. Bengkel kedua dan ketiga akan dianjurkan secara bergilir-gilir oleh Thailand dan Malaysia pada tahun 2014.



Peserta Bengkel *1st Workshop on ASEAN Integrated Quiz*.

### 4. *Hari UNESCO Malaysia, 3 - 5 Oktober 2013, Melaka.*

KKMM selaku urus setia Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) Komunikasi telah sekali lagi dipertanggungjawabkan untuk menerajui Jawatankuasa Promosi dan Publisiti bagi Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2013 di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka pada 3 - 6 Oktober 2013. Program sambutan ini telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan dan Presiden SKUM.

Tahun 2013 bukan sahaja merupakan tahun ketiga sambutan seumpama ini diadakan, malahan ianya adalah bersempena dengan sambutan 55 Tahun Keanggotaan Malaysia di UNESCO. Justeru itu, pelbagai pengisian dan program yang menarik telah diadakan di sepanjang sambutan ini seperti Heritage Walk, Karnival Kebudayaan UNESCO, demonstrasi penggunaan alatan tradisional, permainan tradisional, Explorace dan pameran tentang pencapaian serta kejayaan Malaysia menganggotai UNESCO pada tahun 1958.

*Booth* pameran oleh KKMM selaku Pengerusi JKT Komunikasi telah dijayakan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Pusat Operasi Pertukaran Berita dan Bahan Penyiaran (SSIG), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR).



Timbalan Perdana Menteri Malaysia melawat *booth* pameran salah satu ahli JKT Komunikasi iaitu SSIG, KKMM.

Selain itu, Bahagian Antarabangsa juga terlibat dalam program / aktiviti berkaitan penerangan seperti yang disenaraikan pada jadual di bawah :

**Jadual : Senarai Aktiviti Antarabangsa (Penerangan) Bagi Tahun 2013**

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
1,	Mesyuarat Terbuka Peringkat Pakar OIC	25-26 Februari 2013	Jeddah, Arab Saudi	OIC
2.	<i>World Summit on the Information Society Forum 2013</i> (WSIS)	13-17 Mei 2013	Geneva, Switzerland	WSIS
3.	Lawatan Kerja oleh Ketua Pengarah UNESCO ke Malaysia	20 - 23 Mei 2013	Kuala Lumpur	UNESCO
4.	<i>14<sup>th</sup> ASEAN-COCI Sub-Committee on Information Meeting</i>	10-12 Jun 2013	Brunei Darussalam	ASEAN
5.	Lawatan Kerja Menteri KKMM	14-16 Jun 2013	Jakarta, Indonesia	KKMM
6.	Lawatan Sambil Belajar Mengenai Dasar dan Pengurusan Spektrum Radio	17-20 Jun 2013	Belgium dan Jerman, Eropah	Kesatuan Eropah (EU)
7.	<i>World Summit on the Information Society Forum 2013</i> (WSIS)	8-12 September 2013	Geneva, Switzerland	WSIS
8.	Liputan Media bagi Musim Haji 1434 Hijrah/ 2013 oleh Wakil Media Massa Malaysia	2-25 Oktober 2013	Makkah, Saudi Arabia	Saudi Arabia
9.	<i>48<sup>th</sup> ASEAN Committee on Culture and Information (ASEAN-COCI) Meeting</i>	18-22 November 2013	Brunei Darussalam	ASEAN
10.	Festival Muzik ASEAN-Japan	26-29 November 2013	Tokyo Jepun	ASEAN / Japan
11.	<i>Regional Workshop on ASEAN Media Ethics</i>	25 - 27 November 2013	Bangkok, Thailand	ASEAN / Thailand
12.	<i>Festival Of Photo-Reportage And Documentary Film On Environmental Protection And Climate Change In ASEAN Community</i>	1 - 7 Disember 2013	Ha Noi, Viet Nam	ASEAN / Vietnam

## Hubungan Antarabangsa (Komunikasi)

Sepanjang tahun 2013, bagi memantapkan kolaborasi pada peringkat antarabangsa dalam bidang komunikasi, beberapa program utama telah disertai iaitu:

### 4. *ASEAN-Japan Ministerial Policy Meeting On Cybersecurity Cooperation* di Tokyo, Jepun pada 12 dan 13 September 2013.

Menteri KKMM telah mengetuai delegasi Malaysia ke *ASEAN-Japan Ministerial Policy Meeting On Cybersecurity Cooperation* yang telah diadakan di Tokyo, Jepun pada 12 dan 13 September 2013. *Ministerial Policy Meeting* ini menyediakan platform bagi menteri-menteri bertanggungjawab untuk memperkukuhkan jalinan usaha kerjasama dalam bidang keselamatan informasi dan siber ASEAN - Jepun.

Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Jepun, H.E. Shinzo Abe dan dihadiri oleh semua menteri negara anggota ASEAN. Dengan kesempatan yang ada, Menteri KKMM telah mengadakan pertemuan dua hala

dengan H.E. Mr. Yoshitaka SHINDO, Menteri Komunikasi dan Hal-Ehwal Dalamn Jepun (*Ministry of Internal Affairs and Communications* - MIC) semasa mesyuarat ini.



Delegasi Malaysia bersama PM Jepun semasa *Ministerial Policy Meeting* di Tokyo, Jepun dari 12-13 September 2013.

## 2. Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN (ASEAN TELMIN) ke-13 di Singapura dari 14 - 15 November 2013.

Menteri KKMM telah menyetujui delegasi Malaysia ke Mesyuarat ASEAN TELMIN ke-13 yang telah diadakan di Singapura dari 14 - 15 November 2013. Mesyuarat TELMIN ke-13 ini merupakan landasan tahunan bagi negara-negara ASEAN membincangkan projek-projek ICT baru dan sedia ada dalam usaha memantapkan sektor ICT di rantau ASEAN ini.

Mesyuarat ASEAN TELMIN13 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Sempena Mesyuarat ASEAN TELMIN13 ini, satu majlis penyampaian anugerah kepada pemenang-pemenang ASEAN ICT Awards bagi tahun 2013 telah diadakan pada malam 14 November 2013. MDT Innovations Sdn. Bhd. dan Soft Space Sdn. Bhd. daripada Malaysia, masing-masing telah memenangi tempat pertama (Emas) bagi kategori Syarikat Swasta dan kategori Syarikat Baru.



Mesyuarat ASEAN TELMIN Ke-13 di Singapura, 14-15 November 2013.



Soft Space Sdn Bhd, pemenang tempat pertama (emas) Kategori Syarikat Baru (Malaysia) bersama Menteri KKMM.

## 3. ASEAN Cyberkids Camp 2013 di Kuala Lumpur, 29 Oktober – 2 November 2012.

Sekali lagi, KKMM dengan kerjasama Maxis Berhad telah menganjurkan Kem ASEAN Cyberkids atau ASEAN

Cyberkids Camp (ACC) bagi tahun 2013 dari 25 - 29 November 2013 di Hotel Flamingo Ampang, Kuala Lumpur. Seramai 66 orang pelajar dan guru daripada 6 negara anggota ASEAN telah menyertai ACC 2013 ini. Tema ACC ialah "Impacting Lives with Technology". Program ini dilaksanakan melalui aktiviti team building (pembinaan semangat berkumpulan), latihan dalam kelas dan aktiviti di luar kelas.

Program ACC ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada penggunaan komputer dan internet secara positif, tetapi telah juga dapat memupuk ciri keyakinan dan kepimpinan dalam diri para peserta. Menteri KKMM telah menghadiri Majlis Penutup Program ACC yang diadakan pada 28 November 2013.



ASEAN Cyberkids Camp 2013 di Kuala Lumpur 25 - 29 November 2013.

## 4. Penganjuran Mesyuarat Pertama Kluster Infrastruktur ICT Brunei-Indonesia-Malaysia- Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA).

KKMM telah menganjurkan Mesyuarat Pertama Kluster Infrastruktur ICT BIMP-EAGA di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah pada 2 - 4 April 2013. Datuk Che Azemi Haron, Timbalan Ketua Setiausaha (II) KKMM telah menyampaikan ucapan pembukaan, selaku wakil tuan rumah, untuk mesyuarat ini.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 50 orang delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai dalam industri komunikasi dan kerajaan dari semua negara BIMP-EAGA, termasuklah Malaysia. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan status pelaksanaan projek-projek berkaitan dengan pembangunan infrastruktur ICT di rantau BIMP-EAGA, cadangan projek-projek baru ICT, menyelesaikan sebarang isu-isu berbangkit dan mengamati peluang untuk membina synergy pelbagai stakeholder terlibat dalam agenda pembangunan ICT.



Ketua Delegasi bagi Mesyuarat Pertama Kluster Infrastruktur ICT BIMP-EAGA Kota Kinabalu, Sabah pada 2 - 4 April 2013.

### Program/aktiviti Lain

Selain itu, Bahagian Antarabangsa juga terlibat dalam program / aktiviti berkaitan komunikasi seperti yang disenaraikan pada jadual di bawah :

**Jadual : Senarai Aktiviti Antarabangsa (Komunikasi) Bagi Tahun 2013**

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	PENGANJUR
1.	BIMP-EAGA -- ICT Strategic Planning Meeting + SOM Meeting	7 - 10 Januari 2013	Kota Kinabalu, Sabah	Sekretariat BIMP-EAGA
2.	1st ASEAN TELSOM Joint WG / WG & Dialog Partners	5 - 7 Mac 2013	Vientiane, Laos	Laos
3.	ASEAN Telecommunications Regulators Council (ATRC) Convergence Masterclass	11 - 13 Mac 2013	Kuala Lumpur, Malaysia	Malaysia (SKMM)
4.	1st ASEAN TELSOM-ATRC Leaders Retreat	8 - 12 April 2013	Haiphong, Viet Nam	Viet Nam
5.	Mesyuarat WG APECTEL ke-47	22 - 27 April 2013	Bali, Indonesia	Indonesia
6.	5th World Telecommunication / ICT Policy Forum (WTPF-13)	13 - 17 Mei 2013	Geneva, Switzerland	International Telecommunication Union
7.	E-Waste Management Technical Visit and Workshop	28 Mei - 4 Jun 2013	China	China
8.	2nd ASEAN CIO Forum	10 - 11 Jun 2013	Jakarta, Indonesia	Brunei
9.	2nd ASEAN TELSOM Joint WG / WG & Dialog Partners	24 - 25 Jun 2013	Brunei Darussalam	Brunei Darussalam
10.	ASEAN Special TELSOM Meeting	26 - 28 Jun 2013	Brunei Darussalam	Brunei Darussalam
11.	2nd ASEAN TELSOM-ATRC Leaders Retreat	3 - 5 Sept 2013	Yangon, Myanmar	Myanmar
12.	Mesyuarat WG APECTEL ke-48	16 - 21 Sept 2013	Hawaii, Amerika	Amerika

## Kerjasama Dua Hala

### 1. Penyertaan Mesyuarat Suruhanjaya Kerjasama Dua Hala (JCBC) Malaysia dan Indonesia.

KKMM telah menyertai Mesyuarat Suruhanjaya Kerjasama Dua Hala (JCBC) Malaysia dan Indonesia yang diadakan pada 1 dan 2 Disember 2013 di Jakarta, Indonesia. Mesyuarat ini adalah mesyuarat tahunan yang diadakan bagi membantu menyelesaikan isu-isu dua hala yang berbangkit di antara Malaysia dan Republik Indonesia. Mesyuarat ini dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Luar Negeri Malaysia dan Republik Indonesia. Penyertaan KKMM ke mesyuarat ini pada tahun 2013 adalah berkaitan dengan Memorandum Persefahaman dalam bidang Informasi dan Komunikasi di antara Malaysia dan Republik Indonesia yang masih di peringkat perbincangan.

### 2. Lawatan Kerja dari Kementerian Informasi dan Teknologi Komunikasi, Republik Uganda.

Pada tahun 2013, Kementerian telah menyelaraskan satu lawatan kerja dari Kementerian Informasi dan Teknologi Komunikasi, Republik Uganda. Republik Uganda telah memilih Malaysia sebagai salah satu contoh negara yang berjaya dalam formulasi dasar ICT. Maka dengan itu, lawatan tersebut adalah lawatan untuk menjadikan Malaysia sebagai penanda aras dalam formulasi dasar strategik dalam bidang ICT. Lawatan tersebut juga telah diadakan bagi menimba dan mempelajari pengalaman Malaysia terutamanya bagi aspek pembentukan dasar yang berkaitan dengan pembangunan ICT di negara ini. Lawatan kerja tersebut telah berlangsung dari 21 hingga 25 April 2013. Antara bahagian dan agensi-agensi yang dilawati termasuklah Sektor Komunikasi, KKMM, Pos Malaysia Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Multimedia Corporation Development Berhad (MDeC) dan MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd.

### 3. Kunjungan Hormat dari Luar Negara.

Menteri dan Timbalan Menteri KKMM turut menerima kunjungan hormat daripada pemimpin luar negara. Penerimaan kunjungan hormat ini merupakan pengiktirafan dan kesediaan Malaysia untuk berurusan secara strategik dan memperluas hubungan kerjasama dua hala dalam bidang komunikasi dan multimedia dengan negara-negara luar. Pada 3 Julai 2013, KKMM telah menerima satu kunjungan hormat daripada TYT U Thaug Tin, Timbalan Menteri KKMM, Myanmar ke atas Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM bertempat di pejabat Timbalan Menteri di Angkasapuri, Kuala Lumpur.



Kunjungan hormat daripada TYT U Thaug Tin, Timbalan Menteri KKMM, Myanmar ke atas Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM.

## South-South Information Gateway (SSIG)

SSIG ditubuhkan untuk tujuan mempromosi kepentingan Negara-negara Selatan. Penubuhan ini bukan saja dapat mengeratkan kerjasama antara Negara-negara Selatan, malahan juga dapat memupuk usaha komunikasi baru yang memberi ruang dalam aliran maklumat yang lebih bebas dan seimbang selaras dengan kepesatan globalisasi dan merupakan faktor penting untuk menjadi negara yang berdaya saing. Adalah menjadi harapan SSIG untuk menjadi pemangkin untuk meningkatkan perkongsian pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi cabaran globalisasi yang semakin meningkat.

Penubuhan SSIG sebagai *one-stop information centre* diharapkan dapat mewujudkan platform kepada Negara-negara Selatan untuk menyalur maklumat dan mengeratkan hubungan antara Malaysia dengan Negara-negara Selatan.

Sepanjang tahun 2013, SSIG telah menganjurkan lapan program iaitu tiga forum termasuk satu diperingkat antarabangsa dan tiga seminar. Program anjuran SSIG memberi keutamaan kepada isu-isu semasa yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan sosial Negara-negara Selatan.

## Perhubungan dan Promosi (PP)

Fungsi dan peranan unit PP adalah merancang dan menyelaras aktiviti SSIG. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit PP adalah menerima kunjungan hormat dari kedutaan, menganjurkan seminar, forum, *Luncheon Talk*, pameran bagi tujuan untuk memperkenalkan Negara-negara Selatan ke mata dunia di samping menyebarkan maklumat, berita dan bahan penyiaran melalui medium yang menjadi *focal point* iaitu Portal SSIG.

**1. Seminar On Media and 13th General Election.**

SSIG dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Analisis Maklumat (BPAM), KKMM dan juga Institut Pengajian Kewartawanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Seminar Media dan Pilihan Raya Umum 2013 pada 4 Julai 2013 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Media dan Pilihan Raya Umum 2013 dipilih sebagai tema seminar pada kali ini.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Menteri KKMM dan dihadiri seramai 148 orang peserta. Objektif seminar ini diadakan adalah untuk mempertemukan warga akademik, masyarakat sivil, ahli politik, media, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam penambahbaikan sistem Pilihan Raya Umum untuk masa akan datang.



Menteri KKMM di Seminar On Media and 13th General Election.

**2. International Conference on Media and Communication Transformation: Synergizing Communities, Government and Industries.**

SSIG dengan kerjasama Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa bertemakan "Transformasi Media dan Komunikasi: Mensinergi Komuniti, Kerajaan dan Industri" pada 26 – 28 November 2013 bertempat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Menteri KKMM dan dihadiri seramai 200 orang peserta. Objektif persidangan ini adalah untuk menyediakan landasan wacana mengenai kesinergian dalam konteks Komuniti, Kerajaan dan Industri.



Menteri KKMM di International Conference on Media and Communication Transformation: Synergizing Communities, Government and Industries.

Jadual di bawah adalah antara program perhubungan dan promosi yang dilaksanakan oleh SSIG bagi tahun 2013:

**Jadual: Pelaksanaan Program SSIG bagi Tahun 2013.**

BIL	AKTIVITI PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	<i>Forum on Upholding Peace &amp; Stability: Protecting Civillians</i>	21 Februari 2013	Hotel InterContinental, Kuala Lumpur
2.	<i>SSIG With Students: Information For All with UITM</i>	30 Mac 2013	Hotel Hilton Petaling Jaya
3.	<i>SSIG With Students: Information For All with UITM</i>	11 Mei 2013	Cyberview Lodge, Cyberjaya
4.	<i>Seminar On Media and 13<sup>th</sup> General Election</i>	4 Julai 2013	Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
5.	<i>WDID Forum On Media Trends in Developing Nations</i>	24 Okt 2013	Cyberview Lodge, Cyberjaya
6.	<i>International Conference on Media and Communication Transformation: Synergizing Communities, Government and Industries</i>	26-28 Nov 2013	Dewan UKM, Bangi, Selangor

Pada tahun 2013, SSIG telah menyertai dan mengadakan sebanyak dua (2) pameran seperti jadual di bawah :

**Jadual : Pameran SSIG tahun 2013.**

BIL	AKTIVITI PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1,	<i>SSIG Exhibition with MuslimBiz Business Conference</i>	25-28 September 2013	PWTC, Kuala Lumpur
2.	<i>SSIG Exhibition in conjunction with UNESCO day Celebrations</i>	26-28 November 2013	Dataran Memorial Kemerdekaan, Melaka

Penyertaan ini adalah untuk memberikan penjelasan dan kefahaman kepada NGOs dan Rakan Pintar SSIG mengenai konsep pertukaran berita dan bahan penyiaran secara virtual dan fizikal bagi Negara-negara Selatan. Ruang pameran SSIG telah dikunjungi oleh penjawat awam, media dan ahli korporat dari pelbagai negara.

Pada tahun 2013, SSIG telah berjaya menerbitkan sebanyak empat edisi buletin GATEWAY dan telah mengedarkan kepada Pejabat Kedutaan-kedutaan Asing di Malaysia dan semua Pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara. Buletin ini memaparkan tema yang berbeza untuk setiap keluaran. Artikel yang diterbitkan adalah sumbangan dari ahli akademik, ahli politik dan para diplomat.

Unit PP juga terlibat dalam penerbitan buku dokumentasi hasil daripada penganjuran program yang telah dijalankan. Berikut adalah senarai nama buku yang telah diterbitkan oleh Unit PP sepanjang tahun 2013.

**Jadual: Senarai tajuk buku yang diterbitkan oleh SSIG pada tahun 2013.**

BIL	NAMA BUKU
1,	<i>Media and Regional Issues: Media as a Bridge Towards Understanding Regional Issues</i>
2.	<i>Collection of Conference Papers SSIG 2009-2011</i>
3.	<i>Annual Report SSIG 2012</i>
4.	Media dan PRU 13
5.	<i>Media and the 13<sup>th</sup> General Election</i>

## Penerbitan Media

Unit Penerbitan Media diwujudkan untuk mendapatkan bahan penyiaran untuk tujuan dimuat naik dalam portal SSIG. Di antara fungsi Unit Penerbitan Media yang amat penting dan berkesan ialah merancang, menyelaras dan melaksanakan program radio *Voices From The South* di Traxxfm, RTM.

Kejayaan program ini adalah kerana mendapat kerjasama yang amat menggalakkan daripada semua kakitangan di Traxxfm dan sokongan daripada kedutaan Negara-negara Selatan di Malaysia. Di samping itu, unit ini juga membantu dan menyokong program-program yang dilaksanakan oleh Unit Perhubungan dan Promosi.

Aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 ialah:

1. Merancang, menyelaras dan melaksanakan penerbitan program radio *Voices from the South* di Traxxfm, RTM di mana temu ramah telah dilakukan dengan wakil kedutaan Negara-negara Selatan di Malaysia;
2. Menyelaras temu ramah di TV 2 dalam program *Hello On Two*;
3. Menyelaras penerbitan video dan pengambilan gambar untuk aktiviti yang dilaksanakan oleh SSIG;
4. Mendapatkan bahan seperti lagu, dokumentari dan lain-lain bahan promosi untuk dimuat naik dalam portal SSIG;
5. Menerima dan membuat kunjungan hormat ke kedutaan Negara-negara Selatan yang berada di Malaysia.



Temu ramah bersama Duta Ecuador dan Duta Argentina di rancangan *Hello On Two*, TV2 pada 25 November 2013 untuk mempromosikan *12th Latin American Film Festival 2013*.

Pada tahun 2013, Unit Penerbitan Media telah berjaya menyelaras sebanyak 14 program *Voices from the South*. Negara-negara Selatan yang telah mengambil bahagian dalam program ini adalah seperti berikut:-

**Jadual: Senarai Negara-negara Selatan yang mengambil bahagian dalam program *Voices from the South* bagi tahun 2013.**

BIL	NEGARA	TARIKH RAKAMAN	TARIKH SIARAN
1.	Cuba	22 Januari	30 Januari
2.	Philippines	5 Februari	20 Februari
3.	PNG	26 Februari	6 Mac
4.	Columbia	5 Mac	13 Mac
5.	Pakistan	19 Mac	27 Mac
6.	Thailand	2 April	10 April
7.	Uzbekistan	16 April	8 Mei
8.	Columbia – Latin America's Fest	15 Mei	15 Mei
9.	Croatia	11 Jun	19 Jun
10.	Azerbaijan	9 Julai	17 Julai
11.	Venezuelan Week	2 Oktober	2 Oktober
12.	Cuba	19 November	27 November
13.	Mexico–Latin American Film Festival	20 November	20 November
14.	Peru	4 Disember	4 Disember



Temu ramah dengan Duta Columbia di Traxx\_fm, RTM pada 15 Mei 2013. Temu ramah ini adalah untuk mempromosikan *Latin American Fest* yang diadakan pada bulan Mei 2013 di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2013, Unit Penerbitan Media telah mengadakan kunjungan dan perbincangan di 11 Kedutaan Negara-negara Selatan seperti berikut:-

**Jadual: Senarai Negara-negara Selatan yang diadakan kunjungan oleh SSIG bagi tahun 2013.**

BIL	NEGARA	TARIKH KUNJUNGAN / PERBINCANGAN
1.	Fiji	4 Februari
2.	PNG	18 Februari
3.	Columbia	28 Februari
4.	Iran	7 Mac
5.	Pakistan	16 April
6.	Uzbekistan	25 April
7.	Azerbaijan	8 Julai
8.	Morocco	13 September
9.	Thailand	30 September
10.	Azerbaijan (ke SSIG)	17 Oktober
11.	Peru	25 Oktober

## Portal SSIG

Bagi mempertingkatkan peranan SSIG sebagai Pusat Operasi Pertukaran Berita dan Bahan Penyiaran bagi Negara-negara Selatan, Portal SSIG menjadi *focal point* yang menawarkan ruangan bagi perkhidmatan perkongsian berita, penyiaran, gambar dan video, program *talk show*, dokumentari, treler, kapsul dan maklumat-maklumat umum. Justeru itu, Portal SSIG telah dimuatkan dengan pelbagai berita mengenai Negara-negara Selatan yang dibekalkan oleh BERNAMA di samping sumbangan bahan-bahan berita dari Negara-negara Selatan sendiri.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 12,171 berita, bahan penyiaran dan gambar telah dimuat naik ke portal SSIG.

Pelbagai laporan dari bahan *pictorial news* turut dimuat naik ke Portal SSIG iaitu rakaman *Voices from the South* daripada 14 buah negara dengan kerjasama Traxx fm, RTM, 52 Asian Roundup dan 52 ASEAN Perspective. Negara yang paling banyak menyumbangkan bahan untuk dokumentari *Asian Roundup* sepanjang tahun 2013 ialah Thailand 25%, Singapore dan Brunei 22% diikuti Vietnam 12% serta Cambodia 9%.

Manakala untuk rancangan *Asian Roundup* pula, negara paling banyak menyumbangkan bahan berita bagi tahun 2013 ialah China 23%, Jepun 21%, diikuti Iran 14%, Bangladesh 13% dan Sri Lanka 13%.



Kunjungan hormat pegawai-pegawai kanan SSIG ke Kedutaan Iran pada 7 Mac 2013. Kunjungan ini bertujuan untuk menjadikan Kedutaan Iran sebagai Rakan Pintar SSIG.

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) terbahagi kepada empat (4) cawangan utama iaitu Cawangan Dasar Penyiaran dan Perfileman, Cawangan Dasar Penerangan dan Keurusetiaan, Cawangan Penyelidikan dan Cawangan Dasar Industri Kreatif serta dibantu oleh Unit Pentadbiran.

### Urusan Parlimen dan Urusan Jemaah Menteri

BDPS telah menyelaras urusan Jemaah Menteri bagi tahun 2013 dengan penyediaan 25 Memorandum Jemaah Menteri, 34 Nota Jemaah Menteri dan 34 Ulasan Memorandum Jemaah Menteri daripada Kementerian lain.

Bahagian ini juga menyelaras urusan Parlimen yang melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Parlimen pada setiap persidangan yang diadakan sepanjang tahun 2013 dengan menyedia dan menyelaraskan 234 pertanyaan dari Dewan Rakyat dan 89 pertanyaan dari Dewan Negara.

### Jawatankuasa Penyelaras KKMM (JKPKKMM)

JKPKKMM merupakan jawatankuasa KKMM yang bertindak di peringkat negeri yang dianggotai oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi di bawah KKMM seperti Jabatan Penerangan Negeri, Jabatan Penyiaran negeri, JASA Negeri, BERNAMA Negeri dan SKMM Negeri.

JKPKKMM akan bertindak sebagai pelaksana bagi KKMM di peringkat negeri dalam usaha menjadikan sistem penyampaian dan penyaluran maklumat ke peringkat akar umbi sekali gus mempertingkatkan kerjasama dan semangat sepilin antara Jabatan/Agensi di bawah KKMM. Program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di peringkat JKPKKMM akan dilaksanakan secara bersepadu bersama Jabatan/Agensi peringkat negeri yang lain sekali gus dapat mengoptimalkan penggunaan sumber dan kos pelaksanaan.

### Kajian Pengkorporatan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)

Kertas Kerja Cadangan Pengkorporatan Jabatan Penyiaran Malaysia telah dibentang oleh KKMM pada 25 Oktober 2011 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara Bil.13/2011. Kajian menyeluruh ini diperlukan bagi mencadangkan opsyen dan strategi pengkorporatan Jabatan Penyiaran Malaysia selaras dengan perkembangan terkini industri penyiaran.

Kajian ini bertujuan bagi merumus, memperkemas strategi dan tindakan ke arah pengkorporatan Jabatan Penyiaran Malaysia sebagai badan penyiaran yang lebih kompetitif seiring dengan era penyiaran digital sepenuhnya pada tahun 2015. KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd telah dilantik sebagai perunding bagi Kajian Pengkorporatan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM).

Sepanjang tahun 2013, Mesyuarat Penyelaras Kajian Pengkorporatan RTM telah diadakan sebanyak 12 kali manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah diadakan sebanyak 2 kali. Semakan dokumen berkaitan kajian telah dilaksanakan sebanyak 4 kali.

### Pelan Strategik Jangka Panjang (PSJP)

Satu Bengkel Hala Tuju KKMM mengenai penetapan Visi, Misi, Dasar dan Strategi baru KKMM telah diadakan pada 7 dan 8 Jun 2013 bertempat di Hotel One World Damansara.

### Jawatankuasa Perancangan Dasar (JKPD)

KKMM menerusi JKPD telah membincangkan serta memfokuskan kepada perancangan dasar strategik KKMM dalam meningkatkan keberkesanan fungsi dan peranan KKMM melalui pelaksanaan dasar oleh semua Jabatan/Agensi di bawah KKMM. JKPD turut membincangkan perkara berkaitan pemantauan pelaksanaan dasar dan penilaian impak yang bertujuan membuat penambahbaikan terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan.

Sepanjang tahun 2013, Mesyuarat JKPD yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKMM telah diadakan sebanyak 3 kali dan sebanyak 12 kertas dasar telah dibentangkan.

### Kajian dan Penyelidikan

Pada tahun 2013, KKMM telah melaksanakan sembilan kajian-kajian lapangan seperti berikut:

1. Kajian Kepuasan Pekerja Dalam Kalangan Warga KPKK 2013
2. Kajian Kepuasan Pelanggan 2013
3. Kajian Keberkesanan Kempen Nilai-nilai Murni 2013
4. Kajian Kampung Tanpa Wayar dan Pusat Jalur Komuniti
5. Kajian Tahap Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia
6. Kajian Impak Penggunaan Media Sosial Dalam Menyampaikan Maklumat

7. Kajian Penentuan Faktor Pendorong Penglibatan Bukan Melayu Dalam Program Jabatan Penerangan
8. Kajian Maklum balas Pendengar Terhadap Radio Nasionalfm
9. Kajian Maklum balas Terhadap Program/Aktiviti KKMM Sempena Perhimpunan Agung UMNO 2013

## Industri Kreatif

Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) merupakan satu dasar yang signifikan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi kreatif negara.

Pelaksanaan DIKN melibatkan satu Pelan Tindakan yang menyeluruh yang diterajui oleh KKMM dan dilaksanakan secara

bersepadu oleh beberapa Kementerian, agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

BPDS telah mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Geran Pemandaran MTV sebanyak 12 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Geran Sokongan Lawatan Artis Ke Luar Negara sebanyak 7 kali, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) sebanyak 2 kali dan Mesyuarat Jawatankuasa Kandungan Kreatif Filem dan TV (Skrip Bank) sebanyak 4 kali.

KKMM juga telah mengemukakan laporan projek pemangkin jangka pendek DIKN kepada PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri sebanyak 18 kali.



Bengkel Penetapan Hala Tuju KKMM.

## BAHAGIAN PENGURUSAN DAN ANALISIS MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2013, KKMM telah melaksanakan beberapa aktiviti strategi gerak saraf serta aktiviti yang berdasarkan kepada *outcome* yang diperoleh di bawah operasi pengurusan dan analisis maklumat.

Aktiviti dilaksanakan menerusi operasi pengurusan isu dan penyelidikan, perhubungan media, dan perhubungan komuniti dengan tujuan untuk memastikan maklumat yang diterima oleh setiap sasaran dapat diterjemahkan dan disampaikan ke peringkat akar umbi.

Laporan *analytical arm* mengenai isu-isu semasa dan maklum balas terhadap penerimaan sasaran mengenai dasar-dasar kerajaan dihasilkan menerusi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk rujukan pihak-pihak tertinggi kerajaan.

### Pengurusan Isu dan Penyelidikan

Sepanjang tahun 2013, sebanyak tiga program Jelajah Isu Negeri bertempat di negeri Johor, Sabah dan Sarawak telah diadakan. Manakala dua Jelajah Isu Nasional dilaksanakan di Auditorium Perdana Angkasapuri dan Dewan Serbaguna KKMM.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran penyampaian *key communicators* di bawah agensi KKMM mengenai isu-isu nasional yang memberi impak negatif kepada negara. Di samping itu, Program Sayembara Deklamasi Puisi yang melibatkan orang awam turut diadakan bagi menyemarakkan semangat patriotik.

Maklumat terperinci berkenaan program-program Pengurusan Isu dan Penyelidikan adalah seperti jadual di bawah :

**Jadual : Program Pengurusan Isu dan Penyelidikan bagi tahun 2013.**

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BIL.PESERTA
<b>KEY COMMUNICATORS KKMM</b>			
31 Jan 2013	Program Jelajah Isu Negeri Sarawak	Miri, Sarawak	200
14 Feb 2013	Jelajah Isu Nasional	Angkasapuri, Kuala Lumpur	700
6 Mac 2013	Program Jelajah Isu Negeri Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	200
26 Sept 2013	Program Jelajah Isu Zon Selatan (Johor, Negeri Sembilan dan Melaka)	Johor Bahru	200
30 Okt 2013	Jelajah Isu Nasional	Dewan Serbaguna KKMM	650
<b>ORANG AWAM</b>			
23 – 24 Nov 2013	Program Deklamasi Puisi Patriotik (Peringkat Kebangsaan)	Dataran Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan	300

### Perhubungan Media

Sepanjang tahun 2013, sebanyak empat program Dialog Media Negeri yang melibatkan pengamal media telah dilaksanakan di negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Johor. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran penyampaian pengamal media mengenai isu-isu yang memberi impak negatif kepada negara.

Di samping itu, program bersama Pegawai Perhubungan Awam (PPA) berkenaan taklimat isu bekalan air Selangor

diadakan. Program ini mendapat maklum balas positif dan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan PPA dibekalkan dengan maklumat isu-isu semasa.

Maklumat terperinci mengenai program Perhubungan Media adalah seperti jadual di sebelah :

## Jadual : Program Perhubungan Media bagi tahun 2013.

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BIL.PESERTA
<b>PENGAMAL MEDIA</b>			
21 Mac 2013	Program Dialog Media Negeri Johor	Hotel KSL, Johor Bharu	150
03 Sept 2013	Program Dialog Media Negeri Sabah	Hotel Promenede, Kota Kinabalu, Sabah	200
08 Okt 2013	Program Dialog Media Negeri Sarawak	Hotel Tanahmas, Sibul, Sarawak	150
19 Nov 2013	Program Dialog Media Negeri Pulau Pinang	Hotel Cititel, Pulau Pinang	150
<b>PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM</b>			
26 Mac 2013	Taklimat Isu Bekalan Air.	Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya	200



Program Dialog Media Negeri Sarawak.

## Perhubungan Komuniti

Di bawah operasi perhubungan komuniti, aktiviti dijalankan mengikut kumpulan sasar iaitu Pemimpin Pelajar IPT dan ahli Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk mendengar 'denyut nadi' rakyat melalui suara Pemimpin Pelajar IPT dan wakil ahli NGO.

Sepanjang tahun 2013 bagi kumpulan sasar Pemimpin Pelajar IPT, program Bual Mesra dilaksanakan sebanyak empat kali melibatkan pemimpin pelajar USM, UUM, Politeknik Ungku Omar dan Uniten. Manakala program forum dilaksanakan sebanyak dua kali bersama pelajar IPT dari Negeri Sembilan

dan Terengganu. Program Khemah Kerja bersama Pemimpin Pelajar IPT dilaksanakan dengan penglibatan 42 orang wakil pelajar IPT dari Terengganu.

Bagi kumpulan sasar ahli NGO, program Bual Mesra dilaksanakan sebanyak empat kali melibatkan ahli pertubuhan NGO dari negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Manakala program forum dilaksanakan sebanyak dua kali melibatkan komuniti NGO dari Negeri Sembilan dan Perak.

Maklumat terperinci berkaitan program cawangan Perhubungan Komuniti adalah seperti jadual di bawah :

**Jadual : Program Perhubungan Komuniti bagi tahun 2013.**

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	BIL.PESERTA
<b>INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)</b>			
18 Feb 2013	Program Bual Mesra Bersama Pemimpin Pelajar Politeknik Ungku Omar, Perak.	Hotel Impiana, Ipoh, Perak	35
19 Feb 2013	Program Bual Mesra Bersama Pemimpin Pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.	Hotel Copthorne Orchid, Pulau Piang	61
20 Feb 2013	Program Bual Mesra Bersama Pemimpin Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah	Hotel Holiday Villa, Alor Setar, Kedah	70
21 Sept 2013	Forum Bersama Institut Pengajian Tinggi Negeri Sembila "Mensyukuri Nikmat Keamanan".	Dewan Kuliah Pusat 2, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan	300
3 - 6 Okt 2013	Khemah Kerja 2013 " Mensyukuri Nikmat Keamanan" Bersama Wakil Pelajar IPT Terengganu	Batu Burok Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu	42
22 Nov 2013	Program Bual Mesra Bersama Pemimpin Pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Selangor	Bangi Golf Resort, Bangi, Selangor	45
<b>PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)</b>			
22 Jun 2013	Forum Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Perak "Perpaduan Menjamin Kestabilan dan Keamanan"	IKBN Seri Iskandar Bota, Perak	500
06 Julai 2013	Forum Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Sembilan "Mesyukuri Nikmat Keamanan".	Dewan Pasaraya Rapid, Seremban 2, Negeri Sembilan	515
26 Ogos 2013	Program Bual Mesra Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Johor.	Hotel Mutiara Johor, Johor Bahru.	58
06 Okt 2013	Forum Bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT) Negeri Terengganu.	Dewan Besar, Batu Burok Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu.	450
18 Nov 2013	Program Bual Mesra Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Sembilan.	Hotel Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan	40
19 Nov 2013	Program Bual Mesra Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Melaka	Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka	30
27 Nov 2013	Program Bual Mesra Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Selangor.	Bangi Golf Resort, Bangi, Selangor	40

## BAHAGIAN PENYELARASAN MEDIA

Bahagian Penyelaras Media (BPMd) memainkan peranan dalam merancang dan mengurus publisiti dan promosi bagi acara-acara rasmi kerajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. BPMd juga bertanggungjawab untuk memberikan khidmat nasihat, merancang dan menyediakan pelan media bagi menjayakan acara-acara rasmi atau kempen yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan. Senarai kempen yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 seperti jadual di bawah.

Sepanjang tahun 2013, BPMd telah menghadiri sebanyak 217 mesyuarat-mesyuarat publisiti dan promosi yang melibatkan kementerian-kementerian lain. BPMd yang mewakili KKMM

akan merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti publisiti dan promosi dengan kerjasama agensi-agensi di bawah KKMM seperti Jabatan Penyiaran (RTM), Jabatan Penerangan (JaPen), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Bagi tempoh tahun 2013 juga, BPMd telah menyediakan 37 pelan media. Program-program yang dilaksanakan merangkumi publisiti melalui media elektronik (RTM, BERNAMA dan TV Swasta), penggunaan media sosial, program bersemuka (Jabatan Penerangan) dan media atas talian.

**Jadual: Senarai Kempen Kerajaan yang dilaksanakan oleh BPMd bagi tahun 2013.**

BIL	AKTIVITI	PENGANJUR	TEMPOH KEMPEN
1.	<b>Kempen Keselamatan Jalan Raya</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Sempena Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2013. (4 Februari 2013)</li> <li>Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2013. (2 Ogos 2013)</li> <li>Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES)</li> </ul>	Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia  Kementerian Pengangkutan Malaysia	Januari - Februari 2013  Julai - Ogos 2013  Dis 2011 dan berterusan
2.	<b>Kempen Pembelajaran Sepanjang Hayat</b>	Kementerian Pengajian Tinggi	April 2013 dan berterusan
3.	<b>Kempen Kurangkan Pengambilan Gula</b>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan	September 2013 dan berterusan
4.	<b>Kesedaran Awam mengenai Pelaksanaan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)</b>	Kementerian Kewangan Malaysia	November 2013 dan berterusan
5.	<b>Kesedaran Awam Mengenai Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC)</b>	Kementerian Kewangan Malaysia	November 2013 dan berterusan
6.	<b>Kesedaran Awam Mengenai Rasionalisasi Subsidi</b>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan	November 2013 dan berterusan
7.	<b>Kempen Nak Sihat 2013</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia	September 2013 dan berterusan
8.	<b>Kempen 1Malaysia Family Care</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Jun 2012 dan berterusan
9.	<b>Kempen MyDaftar</b>	Kementerian Dalam Negeri	19 Februari 2011 dan berterusan

BIL	AKTIVITI	PENGANJUR	TEMPOH KEMPEN
10.	<b>Program Kesedaran Awam Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional</b>	Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Jabatan Penyiaran Malaysia  Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	Mac 2011 - Disember 2015
11.	<b>Kempen Kesedaran Awam Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim</b> • Kajian Tahap Kesedaran Masyarakat Awam Khususnya Generasi Muda Malaysia Terhadap Perubahan Iklim Global Dan Penggunaan Teknologi Hijau (Tahun 2013)	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air  Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	2011 dan berterusan
12.	<b>Kempen Kurangkan Penggunaan Gula</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia	2010 dan berterusan
13.	<b>Kempen Kesedaran Dan Promosi Jalur Lebar Nasional (Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia)</b>	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	2010 dan berterusan
14.	<b>Kempen Menghargai Warga Emas Di Bawah Dasar Warga Emas Negara (DWEN)</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2010 dan berterusan
15.	<b>Kempen Kesedaran Anti Pmerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran / <i>Anti-Trafficking In Persons And Anti-Smuggling Of Migrants Act (ATIPSOM) 2013</i></b>	Majlis Anti Pmerdagangan Orang (MAPO) Kementerian Dalam Negeri	Ogos 2009 dan berterusan
16.	<b>Kempen Kesedaran Dasar Kanak-Kanak Negara</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2009 dan berterusan
17.	<b>Kempen Kesedaran Dan Membentuk Sikap Positif Di Kalangan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU)</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2009 dan berterusan
18.	<b>Kempen Bersepadu Kesedaran Dan Penghayatan Keselamatan Jalan Raya</b>	Kementerian Pengangkutan Malaysia	Berterusan
19.	<b>Kempen Kesedaran Anti Jenayah Dan Rasuah</b>	Kementerian Dalam Negeri  Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Berterusan
20.	<b>Kempen Penghayatan 1Malaysia</b>	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	Berterusan
21.	<b>Kempen Anti Dadah</b>	Kementerian Dalam Negeri	Berterusan

## Mengurus liputan media bagi acara lawatan rasmi negara.

KKMM adalah ahli Jawatankuasa Majlis Rasmi Kerajaan yang dipengerusikan oleh Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri.

Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab merancang dan mengurus persiapan / pelaksanaan majlis-majlis rasmi kerajaan termasuk Lawatan Negara / Rasmi luar negara SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong.

Selain daripada menguruskan publisiti dan promosi bagi acara-acara rasmi kerajaan, BPMd juga dipertanggungjawabkan mengurus liputan media bagi Lawatan Negara. Sepanjang tahun 2013, BPMd telah mengurus liputan media bagi dua lawatan rasmi SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong ke luar negara.

Secara umumnya, BPMd terlibat dalam lawatan tinjau bersama pihak Wisma Putra dan juga Jabatan Perdana Menteri (BIUPA) ke Negara yang akan dilawati oleh SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong.

Antara perkara penting yang diselaraskan adalah memastikan lawatan tersebut mendapat liputan media yang menyeluruh bagi setiap program rasmi yang dijadualkan.

Bagi lawatan sebenar, BPMd yang dilantik sebagai Ketua Media bagi menyelaras pergerakan media rasmi (RTM, BERNAMA dan JaPen) yang turut serta dalam lawatan SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong.

Pada tahun 2013, sebanyak empat lawatan Pembesar Negara Asing telah diadakan iaitu oleh Presiden Afrika Selatan, Presiden Singapura, Presiden Republik Rakyat China dan Pengiran Muda Mahkota Brunei.

Senarai lawatan rasmi SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong ke luar negara dan lawatan ketua negara asing ke Malaysia adalah seperti jadual-jadual di bawah.

**Jadual: Lawatan Negara / Rasmi SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong ke Luar Negara sepanjang tahun 2013**

BIL	TARIKH	TAJUK LAWATAN
1.	2 – 5 September 2013	• Lawatan Negara SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong Ke Thailand
2.	5 – 8 September 2013	• Lawatan Negara SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong Ke Vietnam

**Jadual: Senarai Lawatan Pembesar-Pembesar Negara Asing ke Malaysia sepanjang tahun 2013**

BIL	TARIKH	TAJUK LAWATAN
1.	25 – 27 Ogos 2013	• Lawatan Rasmi Presiden Afrika Selatan dan Isteri Nompumelelo Ntuli-Zuma
2.	18 September 2013	• Lawatan Rasmi Presiden Singapura Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri Mary Chee Bee Kiang
3.	4 – 6 Oktober 2013	• Lawatan Rasmi Presiden Republik Rakyat China TYT Xi Jinping dan Isteri Peng Liyuan ke Malaysia
4.	8 – 12 November 2013	• Lawatan Rasmi Pengiran Muda Mahkota Brunei dan Isteri

## Penyelaras Pusat Media

Antara tugas utama BPMd adalah menubuhkan Pusat Media semasa Pilihan Raya Umum (PRU) dan Pilihan Raya Kecil (PRK) dan menyelaras operasinya. Penubuhan Pusat Media adalah penting bagi memberi kemudahan kepada wartawan, jurugambar dan jurufoto untuk membuat liputan dan menghasilkan berita sepanjang pilihan raya berlangsung.

Di samping itu, Pusat Media PRU / PRK menjadi *focal point* bagi wartawan-wartawan mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti pemimpin negara yang turun ke lokasi semasa proses pilihan raya berlangsung. Bagi tahun 2013, sebanyak tiga Pusat Media telah ditubuhkan seperti jadual di bawah.

**Jadual: Pusat Media yang telah dikendalikan oleh BPMd sepanjang tahun 2013**

BIL	TARIKH	TAJUK LAWATAN
1.	10 April – 5 Mei 2013	• Pusat Media Pilihan Raya Umum ke-13
2.	9 – 25 Julai 2013	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil DUN N.01 Kuala Besut, Terengganu
3.	20 Oktober – 5 November 2013	• Pusat Media Pilihan Raya Kecil DUN N.20 Sungai Limau, Kedah

## Pendokumentasian Aktiviti Kementerian

BPMd turut memainkan peranan dalam pendokumentasian program kementerian menerusi penerbitan video. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 144 liputan video telah dilaksanakan bagi acara rasmi KKMM termasuk acara-acara rasmi yang dihadiri oleh Menteri dan Timbalan Menteri. Manakala sebanyak 148 acara-acara rasmi atau kempen kerajaan berjaya dirakam salin dalam bentuk visual dan telah diedarkan kepada kumpulan sasar seperti Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Antaranya Sidang Parlimen, Program temubual / bicarawara, majlis perasmian dan acara rasmi kerajaan.

## Pembelian Ruang Media

BPMd juga melaksanakan promosi dan publisiti bagi program jabatan dan agensi-agensi di bawahnya melalui aktiviti pembelian ruang media cetak bagi acara rasmi kementerian seperti Hari Kemerdekaan, Hari Malaysia, Hari ASEAN, UNESCO, Akta Data Perlindungan Peribadi, MERS999 dan lain-lain.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 623 pembelian ruangan telah diuruskan dalam akhbar-akhbar utama di Semenanjung, Sabah dan Sarawak merangkumi 177 advertorial, 266 iklan, laporan bergambar dan penulisan rencana. Pelaksanaan program promosi dan publisiti ini telah dapat memberi pendedahan dan penerangan kepada rakyat mengenai dasar dan program-program yang dilaksanakan KKMM.

## BAHAGIAN DASAR KOMUNIKASI DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Dasar Komunikasi berperanan menyemak dasar-dasar sedia ada serta menggubal dasar-dasar baru sewajarnya bagi memantapkan lagi pembangunan dan perkembangan sektor perkhidmatan komunikasi seiring dengan perkembangan global. Di samping itu, bahagian ini turut membantu Bahagian Antarabangsa sebagai penghubung dengan agensi-agensi antarabangsa dalam bidang telekomunikasi.

### Dasar Liberalisasi Sektor Perkhidmatan dan Perkara Berkaitan Urusan Perniagaan

Bahagian Dasar Komunikasi juga telah diamanahkan untuk menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar liberalisasi sektor perkhidmatan di bawah Kementerian. Sehingga kini, liberalisasi subsektor perkhidmatan di dalam ASEAN *Framework Agreement Services (AFAS)* Pakej 8 telah selesai. Manakala bagi AFAS Pakej 9 dan Pakej 10, subsektor perkhidmatan baru telah dikenalpasti. Bahagian ini telah menghadiri sesi rundingan dengan negara-negara anggota Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) bagi mencapai kata sepakat dalam merangka strategi ekonomi termasuk liberalisasi perkhidmatan dan peluang pelaburan serta memelihara kepentingan negara. Sepanjang tahun 2013, sebanyak empat mesyuarat rundingan perjanjian TPP telah diadakan seperti berikut :

- i. Mesyuarat Rundingan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) di Singapura pada 4 – 8 Mac 2013;
- ii. Mesyuarat Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) di Peru, Lima pada 15 – 24 Mei 2013;
- iii. Mesyuarat Rundingan *Intersession* Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) di San Francisco, Amerika Syarikat pada 3 – 5 September 2013; dan
- iv. Mesyuarat Rundingan *Intersession* Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) di Salt Lake City, Amerika Syarikat pada 22 – 24 November 2013.

Di samping itu, bahagian ini juga menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan perniagaan (*trade related matters*) dan menjadi pegawai penghubung dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Memandangkan rundingan perdagangan bebas yang diterajui oleh MITI melibatkan perkara-perkara dasar sektor komunikasi maka bahagian ini telah memainkan peranan penting menerajui perundingan FTA bagi hal yang berkaitan dengan telekomunikasi. Sepanjang tahun 2013, Sektor Komunikasi telah menghadiri sebanyak lima kali Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan di bawah Perkongsian Komprehensif Ekonomi ASEAN-JAPAN.

### Kerjasama Dengan Agensi Antarabangsa

Bahagian Dasar dan Khidmat Pengurusan Sektor Komunikasi terlibat dalam aktiviti antarabangsa seperti berikut :

#### i. *International Telecommunications Union (ITU)*

*International Telecommunications Union (ITU)* ditubuhkan pada tahun 1865 dan merupakan pertubuhan antara kerajaan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diberi mandat menangani isu-isu dasar dan kawalselia berhubung dengan pembangunan, penetapan piawai serta penggunaan gelombang radio bagi industri telekomunikasi. ITU beribu pejabat di Geneva, Switzerland dan dianggotai oleh 193 negara ahli dan 700 entiti swasta sebagai anggota Sektor.

Semenjak menyertai ITU pada tahun 1957, Malaysia telah dipilih menganggotai Majlis ITU selama enam kali dengan yang terkini pada tahun 2010. Di samping Ahli Majlis, Malaysia telah dipilih menjadi Ahli *Radio Regulation Board (RRB)* pada tahun 2007 dan 2010 selain mengambil bahagian secara aktif di dalam "*Council Working Group*" ITU. Malaysia juga telah dipilih sebagai Timbalan Pengerusi bagi *Council Working Group "Child online Protection"*. Sepanjang tahun 2013, KKMM sebagai Ahli Majlis ITU, telah menghadiri mesyuarat-mesyuarat seperti berikut :

- i. *Council Working Group on Financial Regulation and Related Financial Management Issues*, 30 Januari hingga 6 Februari 2013 di Geneva, Switzerland;
- ii. *Regional Preparatory Meeting ITU for WTDC*, 30 April 2013 di Phnom Penh, Cambodia;
- iii. *ITU Council Meeting*, 11 hingga 21 Jun 2013 di Geneva, Switzerland; dan
- iv. *Telecommunication Development Advisory Group (TDAG)*, 11 hingga 13 Disember 2013 di Geneva, Switzerland

Melalui mesyuarat-mesyuarat ini, Malaysia telah dapat menyuarakan pendapat serta memberi komen terhadap pendirian dari negara lain berhubung isu-isu telekomunikasi di peringkat antarabangsa.

Malaysia juga telah menghadiri *Global Symposium for Regulators (GSR)* yang diadakan di Warsaw, Poland pada 3 hingga 5 Julai 2013. GSR merupakan acara global berprofil tinggi yang bertujuan untuk berkongsi dan bertukar-tukar maklumat di kalangan Badan Regulatori Kebangsaan daripada negara-negara maju dan negara membangun mengenai isu regulatori serta isu-isu yang berkaitan. Tema bagi GSR pada tahun 2013 ialah "*4th Generation Regulation : Driving Digital Communication Ahead*".



Menteri KKMM bersama Perdana Menteri Thailand dan Menteri-menteri Komunikasi/ICT Asia Pasifik semasa pembukaan *The Connect Asia-Pacific Summit* di Bangkok, Thailand.

Selain itu, Malaysia juga telah menyertai dalam acara kemuncak ITU iaitu *The Connect Asia-Pacific Summit* yang telah diadakan pada 18 November 2013 bertempat di *IMPACT Exhibition and Conference Centre*, Bangkok, Thailand. Ia merupakan *Connect Summit* kelima yang diadakan dalam siri *Regional Summit* dan diadakan dengan tema Asia Pacific : *Smartly DIGITAL (Digital Inclusive Green Innovative Transformative Affordable Connect Summit Living)*. Menteri KKMM telah mengetuai delegasi Malaysia menghadiri sidang kemuncak ini. Beliau juga dijemput menjadi ahli panel dalam *Ministerial Roundtable Connect Asia Pacific* melalui topik "Digital Inclusion".

ITU Telecom World merupakan agenda tahunan ITU telah diadakan pada 19 hingga 21 November 2013 di Bangkok, Thailand. Malaysia telah mengambil bahagian dengan mendirikan pavilion kebangsaan dan telah menarik perhatian ramai pengunjung melalui pavilion yang berkonsepkan rumah melayu tradisional. Selain dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), pavilion Malaysia turut disertai oleh agensi/syarikat komunikasi dan multimedia seperti Telekom Malaysia (TM), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), MEASAT, DiGi, MAXIS dan U-Mobile.



Menteri KKMM bersama pegawai Kanan KKMM dan SKMM semasa *The Connect Asia-Pacific Summit*.



Menteri KKMM bersama Ketua Pengarah ITU menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi program kerjasama ITU-MCMC Digital Icon Award 2013.

Majlis Perasmian Pavillion Malaysia telah diadakan pada 19 November 2013 (Selasa) dengan ucap utama oleh Ketua Pengarah ITU, Dr. Hamadoun Toure dan Menteri KKMM. Penyampaian hadiah bagi program kerjasama ITU-MCMC *Digital Icon Award 2013 for Detransformational Power of Broadband Initiative connecting at the roots* turut diadakan. Menteri KKMM juga telah dipilih sebagai panel dalam salah satu sesi *Ministerial Roundtable* di bawah tajuk "Education Transformation : Importance of ICT in 21st Century Education".



Menteri KKMM semasa sesi *Ministerial Roundtable* ITU Telecom World 2013 di Bangkok, Thailand.

## ii. Asia Pacific Telecommunity (APT)

*Asia Pacific Telecommunity* (APT) merupakan pertubuhan antara kerajaan yang ditubuhkan pada Julai 1979 melalui inisiatif bersama *United Nations Economic and Social Commission for Asia & The Pacific* (UN ESCAP) dan *International Telecommunication Union* (ITU). APT merupakan organisasi dinamik kepada perkara berkaitan komunikasi dan teknologi informasi di rantau Asia Pasifik. Melalui APT, Malaysia telah dibantu di dalam persediaan ke persidangan di peringkat global seperti *Plenipotentiary Conference* (PP), *World Telecommunication Development Conference* (WTDC), *World Radiocommunication Conference* (WRC), *World Summit on the Information Society* (WSIS), *World Conference on International Telecommunications* (WCIT) dan mesyuarat-mesyuarat ITU yang lain.

Sepanjang tahun 2013, Malaysia telah mengambil bahagian yang aktif di dalam aktiviti APT terutamanya mesyuarat-mesyuarat persediaan ke Persidangan Antarabangsa seperti *World Telecommunication Development Conference* (WTDC) dan *Plenipotentiary Conference* (PP) yang akan diadakan pada tahun 2014. Malaysia juga telah menjadi hos kepada 2 forum APT iaitu *Policy and Regulatory Forum* pada Oktober 2013 dan *Cybersecurity Forum* pada Disember 2013.

## iii. International Telecommunications Satellite Organization (ITSO)

*International Telecommunications Satellite Organisation* (ITSO) merupakan pertubuhan antara Kerajaan yang beribu pejabat di Washington D.C. Sehingga tahun 2013, ITSO dianggotai oleh 150 negara termasuk Malaysia dan berfungsi sebagai badan antara kerajaan yang mengawalselia operasi Intelsat Ltd. berdasarkan perjanjian penswastaan (*Public Service Agreement* atau PSA) Intelsat Ltd.

Malaysia telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat ITSO (IAC) mewakili Wilayah E (Asia dan Australasia) sebanyak empat (5) kali berturut-turut iaitu bagi tahun 2004, 2006, 2008 dan 2010 dan 2012. Malaysia juga telah dipilih sebagai Naib Pengerusi Region E semasa *Assembly of Parties* (AP) yang diadakan di Kampala, Uganda pada 3 – 7 Julai 2012. 1 mesyuarat Jawatankuasa Penasihat ITSO telah dihadiri oleh wakil KKMM sepanjang tahun 2013. Melalui mesyuarat ini Malaysia dapat menyuarakan pendapat dan mempertahankan sebarang tindakan berkaitan isu satelit di peringkat antarabangsa.

## Rancangan Malaysia Ke-11

Perancangan untuk Rancangan Malaysia ke-11 telah bermula pada penghujung 2013 di mana KKMM terlibat di dalam IAPG Sektor ICT. Terdapat 5 kumpulan fokus bagi Sektor ICT dan KKMM dilantik sebagai Ketua Kumpulan Fokus bagi Infrastruktur ICT. Kumpulan fokus yang lain ialah Industri ICT (Perbadanan Pembangunan Multimedia), Peluang Digital (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia), Modal Insan ICT (Universiti Malaya) dan Teknologi Indigenous (MIMOS).

## Khidmat Pengurusan

Bahagian Dasar juga turut diberikan amanah untuk mengurus tadbir hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan Sektor Komunikasi. Ianya memaikan peranan penting dalam memastikan kelancaran operasi Sektor Komunikasi seperti hal ehwal pentadbiran, kualiti, pengurusan sumber manusia, pengurusan latihan, pengurusan kewangan, pengurusan aset dan dokumen pejabat serta urusan Parlimen kepada semua bahagian di bawah Sektor Komunikasi.

Selain itu, Sektor Komunikasi juga telah mengadakan 2 sesi retreat iaitu :

- i. Penstrukturan semula Sektor Komunikasi selaras dengan fungsi baru KKMM pada Jun 2013 di Port Dickson; dan
- ii. Pencapaian 2013 dan Perancangan 2014 pada Disember 2012 di Pahang.
- iii. Melalui pengurusan kewangan yang efisien di Sektor Komunikasi, prestasi perbelanjaan bagi Peruntukan Mengurus telah mencapai 90.17% manakala prestasi bagi Peruntukan Pembangunan pula mencapai 96.1%.

## BAHAGIAN KEMUDAHAN

KKMM menerusi Sektor Komunikasi bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan perlesenan dan pembangunan industri komunikasi dan multimedia. Ia dilaksanakan dengan perancangan, koordinasi, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti-aktiviti pelesenan dan memastikan pembangunan yang efisien serta berkesan bagi industri komunikasi dan multimedia.

### Aktiviti Pelesenan

Pengeluaran lesen-lesen akan menyumbang terhadap pembangunan industri komunikasi dan pewujudan suasana aplikasi yang giat untuk pengguna. Butir-butir mengenai aktiviti pelesenan adalah seperti Jadual 1 di bawah:

**Jadual: Bilangan lesen yang dikeluarkan oleh KKMM bagi tahun 2013.**

NAMA LESEN	BILANGAN LESEN		JUMLAH LESEN
	INDIVIDU	KELAS	
Penyedia Kemudahan Rangkaian (NFP)	134	20	154
Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (NSP)	133	22	155
Penyedia Perkhidmatan Aplikasi (ASP)	-	541	541
Penyedia Perkhidmatan Aplikasi Kandungan (CASP)	39	27	66
<b>Jumlah</b>	<b>306</b>	<b>610</b>	<b>916</b>

### Aktiviti Regulatori

#### i. Peraturan Kawalan Spam

Peraturan Kawalan Spam telah digubal pada Q4, 2013.

#### ii. Keselamatan Siber

##### **6th ASEAN-JAPAN Information Security Policy Meeting, Manila, Filipina pada 9-10 Oktober 2013.**

Semenjak tahun 2009, negara-negara anggota ASEAN dan Japan telah bekerjasama untuk mewujudkan kesepakatan dalam isu sekuriti maklumat yang dijalankan di bawah kolaborasi rangka kerja Polisi Sekuriti Maklumat ASEAN-Japan. Mesyuarat mengenai Polisi Sekuriti Maklumat kali ke-6 ini akan dianjurkan oleh negara Filipina dengan tajaan bersama oleh *Information and Communications Technology Office, Department of Science and Technology (DOST)*, Filipina dan Pusat Informasi Sekuriti Kebangsaan (NISC), Japan. Mesyuarat ini juga mendapat kerjasama daripada Sekretariat ASEAN. Mesyuarat ini adalah merupakan kesinambungan mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan sebelum ini dalam peranan untuk memantapkan kerjasama di dalam bidang sekuriti maklumat dan ekonomi negara-negara ASEAN.

Mesyuarat Polisi ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang selamat dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan, membangunkan persekitaran penggunaan ICT yang selamat dan untuk mempromosi peranan Kerajaan dalam memacu strategi sekuriti maklumat di kalangan negara-negara ASEAN dan Japan. Selain itu, di bawah rangka kerja ini juga, ASEAN dan Japan turut bekerjasama dalam memupuk kesedaran dan membangunkan sumber manusia untuk menangani isu-isu ancaman siber di kalangan negara-negara anggota.

Di antara pencapaian yang dicapai menerusi kerjasama ASEAN-Japan ini ialah pewujudan aktiviti kesedaran ASEAN-Japan dalam sekuriti maklumat; pewujudan rangka kerja perkongsian maklumat antara negara ASEAN dan Japan; bertukar-tukar pandangan mengenai topik sekuriti maklumat seperti langkah-langkah pencegahan menangani isu ancaman siber; seminar dan latihan kepada kakitangan kerajaan, operator dan syarikat swasta serta kolaborasi dalam kajian dan pembangunan (R&D).



Buku Panduan Keselamatan Maklumat dan fridge magnet yang telah dicetak di bawah kerjasama ASEAN-Japan.

### c. Dasar Meningkatkan Akses

#### i. Liputan Perkhidmatan Telefon

Liputan perkhidmatan telefon selular di seluruh Malaysia adalah sebanyak 97% di kawasan berpenduduk pada Q4, 2013.

#### ii. Perkhidmatan Aplikasi Dikehendaki (Required Applications Applications Service atau RAS) (b)

##### **Malaysian Emergency Response Services (MERS) 999**

- Pembangunan dan pelaksanaan Projek MERS 999 telah mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) pada tahun 2007 yang melibatkan pelaksanaan di Kawasan Tengah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Seterusnya, pelaksanaan pembangunan MERS 999 diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10).

- Tujuan pelaksanaan MERS 999 adalah untuk:
  - » Menyelaraskan nombor-nombor kecemasan sedia ada (999,991,994) kepada satu nombor sahaja iaitu 999 - 'Satu Malaysia Satu Nombor'.
  - » Untuk menyediakan bantuan perkhidmatan kecemasan yang berkesan kepada orang awam dengan objektif berikut:
    - \* memberi perlindungan dan keselamatan kepada orang awam;
    - \* menjaga dan melindungi harta dan alam sekitar; dan
    - \* mempertingkatkan kualiti kehidupan dan keadaan sosial.
  - » Untuk mewujudkan budaya keselamatan awam melalui konsep "1Malaysia 1Nombor" dalam perkhidmatan kecemasan negara.
  - » Status pelaksanaan projek daripada tahun 2007 sehingga tahun 2014 adalah seperti jadual di sebelah.
- Sasaran pelaksanaan MERS 999:
  - » Meningkatkan perluasan perkhidmatan talian kecemasan 999 secara menyeluruh ke seluruh negara.
  - » Meningkatkan tahap perkhidmatan talian kecemasan 999:
    - \* semua (100%) panggilan akan dijawab dalam masa 10 saat (4 deringan);
    - \* tiada (0%) *queue call*; dan
    - \* semua panggilan kecemasan yang tulen akan disalurkan kepada Agensi Kecemasan yang berkaitan dalam masa 40-45 saat.
  - » Meningkatkan kesedaran awam kepada masyarakat umum agar tidak menyalahgunakan perkhidmatan talian kecemasan.
  - » Mengurangkan jumlah panggilan palsu yang diterima.

**Jadual: Status pelaksanaan projek MERS 999 dari tahun 2007 hingga 2013.**

TAHUN	NEGERI	STATUS
2007-2010 (Fasa 1)	<b>2 buah negeri iaitu di WP Kuala Lumpur dan Selangor:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 Response Center (RC) MERS 999 di KL, Melaka dan Kuching, Sarawak</li> <li>• Aplikasi CAD di 32 buah Pusat Panggilan/Kawalan Agensi</li> <li>• 6 Pusat Sokongan di Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur</li> </ul>	100% siap
2011-2012 (Fasa 2)	<b>Perluasan ke 9 buah negeri iaitu Melaka, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah (Langkawi), Sabah, Sarawak, W.P. Labuan &amp; tambahan lokasi di W.P. Kuala Lumpur dan Selangor:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 Service Technology Center (STC) di KL, Melaka &amp; Kuching, Sarawak</li> <li>• Aplikasi CAD di 68 buah Pusat Panggilan/Kawalan Agensi</li> <li>• Aplikasi Lite CAD di 178 balai bomba</li> <li>• Aplikasi Mobile CAD untuk 100 unit kenderaan JPAM</li> </ul>	100% siap
2013-2014 (Fasa 3)	<b>Perluasan ke 5 buah negeri iaitu Perak, Kedah, Perlis, Kelantan &amp; Terengganu &amp; tambahan lokasi di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya serta Selangor:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aplikasi CAD di 36 buah Pusat Panggilan/Kawalan Agensi</li> <li>• Aplikasi Lite CAD di 92 balai bomba</li> <li>• Aplikasi Mobile CAD untuk 200 unit kenderaan KKM &amp; 100 unit kenderaan JBPM</li> </ul>	Dalam pelaksanaan

- Sasaran pelaksanaan MERS 999:
  - » Meningkatkan perluasan perkhidmatan talian kecemasan 999 secara menyeluruh ke seluruh negara.
  - » Meningkatkan tahap perkhidmatan talian kecemasan 999:
    - \* semua (100%) panggilan akan dijawab dalam masa 10 saat (4 deringan);
    - \* tiada (0%) *queue call*; dan
    - \* semua panggilan kecemasan yang tulen akan disalurkan kepada Agensi Kecemasan yang berkaitan dalam masa 40-45 saat.
  - » Meningkatkan kesedaran awam kepada masyarakat umum agar tidak menyalahgunakan perkhidmatan talian kecemasan.
  - » Mengurangkan jumlah panggilan palsu yang diterima.
- Aplikasi telefon pintar bagi perkhidmatan kecemasan iaitu SaveME 999 telah dibangunkan di bawah pelaksanaan MERS 999. Pada asasnya aplikasi SaveME 999 dibangunkan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) terutama bagi golongan yang mempunyai masalah pendengaran dan pertuturan. Aplikasi ini telah dilancarkan oleh Menteri KKMM pada 9 September 2013. Selain itu, aplikasi SaveME untuk golongan OKU yang mempunyai masalah penglihatan juga sedang dalam proses untuk dibangunkan.



Menteri KKMM sedang berucap di Majlis Pelancaran Aplikasi SaveME 999.



Menteri KKMM merasmikan aplikasi SaveME 999 dan diiringi oleh Pegawai Tertinggi Agensi Kecemasan yang terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Encik Mohamad Sazali Shaari.

Pengarah Projek MERS 999 TM, Pn. Ir Rozinah Anas memberi penerangan tentang penggunaan aplikasi SaveME 999.



Pegawai MERS 999 memberikan penerangan berkenaan aplikasi SaveME kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

#### d. Pusat Internet Desa (PID)

Pusat Internet Desa (PID) ditubuhkan bertujuan sebagai medium dan pusat bagi merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar. PID menjadi tempat rujukan sekurang-kurangnya bagi 42 PID setiap tahun (e-Kerajaan, e-perdagangan dan e-pembelajaran. Anggaran (1 PID – terima 100 pengguna setahun). Terdapat sebanyak 42 buah pusat PID dengan lokasi seperti berikut:

1. Simpang Empat, Perlis
2. Bukit Kayu Hitam, Kedah
3. Yan, Kedah
4. Kupang, Kedah
5. Kuala Nerang, Kedah
6. Tasek Gelugor, P.Pinang
7. Balik Pulau, P.Pinang
8. Selama, Perak
9. Kuala Kurau, Perak
10. Langkap, Perak
11. Tanjung Malim, Perak
12. Parit, Perak
13. Rasa, Selangor
14. Beranang, Selangor
15. Hulu Langat, Selangor
16. Sungai Pelek, Selangor
17. Tanjung Sepat, Selangor
18. Sungai Air Tawar, Selangor
19. Kota, N.Sembilan
20. Bandar Seri Jempol, N.Sembilan
21. Lenggeng, N.Sembilan
22. Tanjung Kling, Melaka
23. Sungai Mati, Johor
24. Pagoh, Johor
25. Labis, Johor
26. Seri Medan, Johor
27. Bandar Tenggara, Johor
28. Bandar Penawar, Johor
29. Sungai Koyan, Pahang
30. Bukit Goh, Pahang
31. Bandar Tun Razak, Pahang
32. Kuala Besut, Terengganu
33. Marang, Terengganu
34. Kuala Balah, Kelantan
35. Kuala Krai, Kelantan
36. Tenom, Sabah
37. Kota Belud, Sabah
38. Kota Marudu, Sabah
39. Song, Sarawak
40. Mukah, Sarawak
41. Betong, Sarawak
42. Bau, Sarawak

- Sehingga Disember 2013, PID telah memberikan latihan ICT kepada sekurang-kurangnya 64,424 orang ahli komuniti bagi 42 PID.
- Sebanyak 21,254 sesi latihan telah diadakan di mana setiap sesi adalah selama 2 jam.
- Seramai 7,524 pengguna baru telah didaftarkan.
- Antara aktiviti lain yang dijalankan oleh PID adalah :
  - » Program Latihan *Get Malaysia Business Online* (GMBO).
  - » Program bersama pelajar dan juga aktiviti semasa cuti sekolah.
  - » Mesyuarat berkala warga PID bersama AJK PID dan AJK KUSPID (Kelab Usahawan Sosial PID).
  - » Program Penyelenggaraan, Pembaikan dan Penaiktarafan Kemudahan di PID.
  - » Penerimaan Sumbangan PC dan Pencetak (baru dan yang terpakai)
  - » Mesyuarat Penyelarasan eP@Desa Bil 1 dan 2 / 2013 dan latihan berkala kepada agen eP@Desa
  - » Latihan kepada warga PID
  - » Aktiviti bersama komuniti dan juga bersama usahawan setempat
  - » Kolaborasi bersama pihak akademia, GLC, agensi Kerajaan, swasta dan NGO
  - » Lawatan ke PID untuk pemantauan dan bersama pihak yang ingin datang melawat.

PID juga menjadi tempat komuniti setiap tahun (e-Kerajaan, e-perdagangan dan e-pembelajaran). Anggaran (1 PID – terima 100 pengguna setahun). Ia telah meningkatkan pendapatan seramai 42 orang usahawan tempatan sehingga RM1,000 sebulan melalui pemasaran produk mereka melalui internet. Setiap PID diselia oleh seorang Pengurus PID (Gred F 29) dan turut mempunyai 10 Ketua Zon (Gred F41), 10 Pembantu Tadbir (Gred N17) dan 10 Juruteknik Komputer (Gred FT17) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) secara kontrak (*contract of services*).



Jadual: Senarai lokasi dan tarikh pelaksanaan Karnival Jalur Lebar 1Malaysia bagi tahun 2013.

LOKASI	TARIKH
Permy Mall, Miri	2-3 Februari 2013
PPR Gua Musang	22-23 Februari 2013
Pekan Sipitang	23 Februari 2013
Dataran Bandar, Lawas	16-17 Mac 2013
Pekan Kota Belud	5 April 2013
Dataran Bekenu	23-24 Mac 2013
Lot 777 Dataran Limbang	30-31 Mac 2013
Pekan Weston	18-19 Mei 2013
Padang Awam, Kulim	27-29 September 2013
Padang Astaka, Kemaman	25-26 Oktober 2013

### Latihan Pembangunan Modal Insan (ICT dan Jalur Lebar) untuk orang ramai

Program Latihan Pembangunan Modal Insan (ICT dan Jalur Lebar) untuk Orang Ramai yang dilaksanakan dengan kerjasama TM telah berjaya dilaksanakan dengan sebanyak 10,000 sijil penyertaan telah dikeluarkan. Latihan ini diberikan secara percuma di mana 2 modul telah diketengahkan iaitu Asas Pembangunan dan Pengurusan Media Baru dan Asas Pembangunan Laman Web.

### Rangkaian Sensor Tanpa Wayar (WSN)

Pada tahun 2013, tiga sub projek bagi Kajian Pembangunan Rangkaian Sensor Tanpa Wayar (*Wireless Sensor Network* (WSN)) telah dilaksanakan. Sub projek tersebut adalah Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi WSN untuk Pertanian Tepat, Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi WSN untuk Pemantauan Cerun dan Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi WSN untuk Struktur/Infrastruktur Kritikal.

### Latihan ICT untuk orang ramai



Sub Projek Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi WSN untuk Pertanian Tepat melibatkan 3 tapak projek iaitu di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Besut dan TKPM Lekir untuk pertanian Rock Melon. Manakala Stesen MARDI Tanjung Karang untuk pertanian padi. Teknologi WSN digunakan untuk membantu meningkatkan kualiti dan hasil pertanian bagi 3 tapak projek tersebut.

Di bawah sub projek Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi WSN untuk Pemantauan Cerun, 2 lokasi telah terlibat iaitu Simpang Pulai, Perak dan Bukit Permai, Ampang. Lokasi ini dipilih berdasarkan cadangan oleh Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya berdasarkan kawasan cerun aktif di bawah pemantauan agensi tersebut.

Pelaksanaan sub-projek Pembangunan dan Pelaksanaan Aplikasi WSN untuk Struktur / Infrastruktur Kritikal pula melibatkan 2 lokasi iaitu Jambatan Pulau Pinang dan

Kondominium Impian Selatan, Bukit Antarabangsa. Dalam projek ini teknologi WSN digunakan untuk mengesan gegaran dan gerakan yang memberi kesan kepada struktur jambatan dan bangunan.

Bahagian ini juga telah menyertai 2 pameran untuk mewarwarkan hasil kajian WSN yang dilaksanakan iaitu Program *Digital Lifestyle* di Universiti Multimedia, Cyberjaya anjuran SKMM pada 12 November 2013 dan Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri di Putrajaya *International Convention Centre* (PICC) anjuran Jabatan Perdana Menteri pada 13 November 2013. Bahagian ini turut menganjurkan Bengkel Hala Tuju WSN di Malaysia pada 25-27 November 2013 bertempat di Hotel Royale Chulan yang melibatkan penyertaan 40 orang peserta dari agensi yang terlibat dengan projek ini dan agensi yang berpotensi untuk melaksanakan system WSN yang dibangunkan.

### Aplikasi WSN dalam Pertanian Tepat



### Aplikasi WSN dalam Sistem Pemantauan Cerun



## BAHAGIAN KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN PERKHIDMATAN POS

Dasar Kerajaan menetapkan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sebagai 'Teras Komunikasi' Kerajaan yang berkesan dan berwawasan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi mencapai matlamat ini, Bahagian Kandungan Komunikasi dan Perkhidmatan Pos telah melaksana pelbagai program dan berperanan secara efektif dalam melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan industri kandungan kreatif Negara di samping aktiviti-aktiviti perkhidmatan pos.

### Program Peluasan Siaran Televisyen Dan Radio RTM Melalui Satelit (PSRTVSAT)

Bagi mendekati rakyat, Program Peluasan Siaran Televisyen Dan Radio RTM Melalui Satelit (PSRTVSAT) KPKK-ASTRO NJOI telah dilaksanakan. Program ini merupakan satu usaha sama Kerajaan melalui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulu) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama stesen penyiar berbayar, Measat Broadcast Network System Sdn. Bhd. (ASTRO). Program ini secara langsung dapat membantu Kerajaan menyebarkan dan menyampaikan maklumat, dasar dan program yang dirancang atau sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyejahterakan kehidupan rakyat.

Program dilaksanakan secara berperingkat-peringkat ini bermula kepada masyarakat di Sabah, Sarawak dan seterusnya ke Semenanjung Malaysia khususnya kepada masyarakat Orang Asli.

Tumpuan program diberikan kepada penduduk yang menetap di kawasan-kawasan yang selama ini tidak mendapat siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM). Sehingga kini, seramai 3,800 penerima di Sabah dan Sarawak dan 1,331 di Semenanjung Malaysia telah mendapat manfaat menerusi agihan set televisyen oleh SKMM dan set dekoder ASTRO-NJOI oleh pihak ASTRO.

### Penglibatan Dalam Jawatankuasa Pengurusan Dana Di Bawah MDEC

Dalam usaha menggalakkan pembabitan penggiat kandungan tempatan menghasilkan produk animasi yang berkualiti untuk pasaran tempatan dan luar Negara, Bahagian Kandungan

Komunikasi dan Perkhidmatan Pos turut menganggotai jawatankuasa pengurusan dana di bawah seliaan Multimedia Development Corporation (MDeC). Antara jawatankuasa yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. **Creative Industry Life Long Learning Program (CILLP)**  
CILLP merupakan program pembangunan modal insan yang bertujuan membantu meningkatkan kualiti dan kemahiran tenaga kerja dalam sektor Industri Kreatif Multimedia Tempatan.
- ii. **Integrated Content Development Assistance Program (ICONDAP)**  
ICONDAP merupakan program pembiayaan yang bertujuan menggalakkan dan memudahkan penciptaan aplikasi mudah alih tempatan dengan meningkatkan keupayaan dan membina ekosistem untuk pemaju tempatan.
- iii. **Malaysia Animation and Creative Content Fund (MAC3)**  
Dana MaC3 yang dahulunya dikenali sebagai Dana MAC3 Co-Pro telah dilancarkan pada tahun 2009 merupakan sokongan pembiayaan untuk membantu syarikat tempatan yang inovatif dalam membangun dan menghasilkan kandungan untuk pembangunan Industri Media Kreatif dan MSC Malaysia. Antara bidang-bidang yang ditawarkan untuk tujuan pembiayaan menerusi dana ini adalah seperti Animasi, Permainan, Filem Digital dengan komponen VFX, *Beyond Entertainment*, *High-End Technology Deployment* dan Muzik Digital.
- iv. **Bumiputera Creative Industry Fund (BCI2)**  
Pembiayaan sokongan untuk membantu syarikat-syarikat Bumiputera tempatan yang inovatif untuk membangunkan, mengeluarkan dan penghasilan bersama kandungan yang akan menyumbang kepada pembangunan keseluruhan Industri Multimedia Kreatif dan MSC Malaysia.

### Kongres Ke-11, Asian Pacific Postal Union (APPU) 2013 Di New Delhi, India

APPU merupakan organisasi pos rantau Asia Pasifik di bawah Universal Postal Union (UPU) yang ditubuhkan untuk menjadi forum serantau bagi menangani isu-isu pentadbiran dan pengurusan pos serta membawa kebaikan kepada kualiti perkhidmatan mel di kalangan negara-negara anggota. APPU dianggotai oleh 32 buah negara dan beribu pejabat di Bangkok Thailand. Malaysia adalah ahli kepada Kesatuan Pos Asia Pasifik (Asian Pacific Postal Union - APPU) sejak 25 Oktober 1976.



Delegasi negara-negara ahli yang hadir semasa Mesyuarat APPU-EC 2013.

Kongres APPU diadakan pada setiap empat tahun dan bagi tahun 2013, mesyuarat ini telah berlangsung dari 2 – 7 September 2013 di Hotel Le Meridien, New Delhi India. Sebanyak 28 dari 31 negara ahli telah hadir. Selain daripada perwakilan negara-negara ahli, pegawai-pegawai dari Universal Postal Union (UPU) dan Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Pos serta syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan pos seperti La Post Perancis dan DHL German juga telah turut hadir. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Datuk Che Azemi Haron, Timbalan Ketua Setiausaha II turut disertai oleh pegawai-pegawai KKMM yang lain di samping wakil SKMM serta wakil Pos Malaysia Berhad (PMB).

Wakil Malaysia telah berjaya dalam pemilihan Timbalan Pengerusi Mesyuarat APPU-EC bagi penggal 2014-2017 yang telah diadakan secara cadangan (*nomination*) oleh mana-mana negara ahli APPU. Penglibatan negara merupakan salah satu strategi penting dalam proses melobi bagi Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat APPU-EC pada 2016. Sebagai tuan rumah kelak, Malaysia dapat menyuarakan pendapat serta pandangan Malaysia mengenai kedudukan dan kepentingan Malaysia di dalam pentadbiran badan kerjasama perkhidmatan pos di rantau Asia Pasifik.



Delegasi Malaysia ke Mesyuarat APPU-EC 2013 di New Delhi, India.

## Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia 2013

Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia 2013 merupakan anjuran bersama PMB dan SKMM dengan kerjasama KKMM serta Kementerian Pendidikan selama empat tahun berturut-turut.

Objektif Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia ini adalah untuk menggalakkan peserta mengasah bakat penulisan mereka menerusi pemikiran yang kritis dan kreatif dengan penggunaan Bahasa Malaysia yang betul dan tepat.



Timbalan Menteri KKMM memberikan ucapan semasa Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia 2013.

Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia 2013 bermula pada 15 April 2013 sehingga 31 Julai 2013 dan ia dibahagikan kepada tiga kategori di mana setiap satunya mempunyai tema yang khusus iaitu: Kategori A untuk pelajar Sekolah Rendah (Tema : Sayangi Malaysia), Kategori B untuk pelajar Sekolah Menengah (Tema : Malaysia Impianku) dan Kategori C untuk rakyat warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas (Tema : Semangat Patriotisme).

Pada kali ini juga, buat julung-julung kalinya, penganjur telah mengadakan kategori yang baru untuk rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas bagi memberikan peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk meluahkan pandangan positif mereka dengan menulis surat.

Pertandingan ini menerima sambutan yang amat menggalakkan di mana sebanyak 79,875 penyertaan telah diterima. Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri KKMM pada 14 November 2013 di Kuala Lumpur bersempena Minggu Setem 2013.



Timbalan Menteri KKMM menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini mengurus aspek pentadbiran seperti keselamatan, penyelenggaraan, pengurusan aset/hartanah dan keperluan logistik serta memberi bantuan khidmat sokongan berkaitannya kepada warga KKMM serta Jabatan/Agensi di bawahnya bagi memastikan semua aktiviti KKMM dapat dilaksanakan dengan lancar.

### Keselamatan

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 2,464 pas keselamatan terdiri daripada pas tetap dan pas sementara telah dikeluarkan untuk kakitangan, tetamu dan pelawat. Sistem Keselamatan SPKB telah dipasang di semua pejabat KKMM di seluruh negeri. Bantuan logistik dari segi keselamatan juga diberikan untuk majlis-majlis rasmi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya. KKMM juga mengeluarkan laporan TMS, menerima dan menyelesaikan aduan kes yang melibatkan kawasan Kompleks Angkasapuri, Kompleks KKMM Putrajaya serta tugas-tugas keselamatan yang lain.

### Penyelenggaraan

Secara keseluruhannya, sebanyak 257 penyelenggaraan yang melibatkan kerja-kerja pembaikan kecil seperti kebocoran paip, bumbung, siling, longkang, kerja-kerja pembentungan dan pembersihan kumbahan, kerja-kerja pembersihan bangunan oleh kontraktor serta pengubahsuaian atau naiktaraf bangunan telah dilaksanakan bagi tahun 2013. Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah bagi memastikan tahap penyelenggaraan bangunan dan persekitaran terutama di Kompleks Angkasapuri dan Kompleks KKMM Putrajaya sentiasa di tahap yang memuaskan.

### Pengurusan Aset/Hartanah

- **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)**  
Mesyuarat JKPAK dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan). Mesyuarat JKPAK diadakan sekali dalam tempoh tiga bulan dan hasil mesyuarat dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).



Mesyuarat JKPAK Bil1/2013 yang diadakan pada 16 April 2013 di Kompleks Sultan Abdul Samad.

- **Laporan Tahunan Pengurusan Aset**  
Laporan Tahunan Pengurusan Aset perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Sebelum 15 Mac setiap tahun bagi melaporkan Laporan seperti berikut:-

#### Pengurusan Aset

- » Laporan Tahunan Harta Modal dan Inventori/Laporan Pemeriksaan Aset/ Laporan Tahunan Pelupusan/ Laporan Kehilangan dan Hapuskira aset.

#### Pengurusan Stor

- » Laporan Kedudukan Stok Tahunan/Laporan Pemeriksaan Aset/Verifikasi Stor/Laporan Tahunan Pelupusan Stok/Laporan Tahunan Kehilangan dan Hapuskira Stok.

Nilai Keseluruhan perolehan Aset Harta Modal dan Inventori Bahagian Khidmat Pengurusan, KKMM yang didaftarkan sehingga tahun 2013 adalah sebanyak RM11,873,174.35. Nilai perolehan asal aset Bahagian Khidmat Pengurusan, KKMM yang telah dilupuskan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM775,544.85.

- **Kursus Tatacara Pengurusan Aset/Tatacara Pengurusan Stor (TPA/TPS)**

Kursus Tatacara Pengurusan Aset/Tatacara Pengurusan Stor anjuran bersama Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKMM telah dilaksanakan sebanyak dua kali yang melibatkan pegawai dari Kementerian dan Jabatan di Peringkat Ibu Pejabat/ Negeri seperti di jadual berikut:-

Jadual : Kursus TPA/TPS yang dilaksanakan bagi tahun 2013

BIL	SESI	TEMPAT KURSUS	TARIKH
1.	Bil 1/2013	Pulau Langkawi, Kedah	28-31 Oktober 2013
2.	Bil 2/2013	Bachok, Kelantan	26-29 November 2013





Aktiviti Latih amal secara berkumpulan yang telah dilaksanakan oleh peserta kursus TPA/TPS.

- Pemeriksaan Aset Tahunan**  
 Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan bagi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya telah diadakan pada 2 hingga 30 September 2013 selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Pemeriksaan Aset telah dilaksanakan secara manual memandangkan ketika itu Perbendaharaan Malaysia sedang menaik taraf Sistem Pengurusan Aset (SPA) di KKMM. Pegawai Pemeriksa Aset dari Bahagian Khidmat Pengurusan telah ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan aset di tiga lokasi iaitu di Bahagian Pengurusan Maklumat; Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik; dan Bahagian Pengurusan dan Analisis Maklumat.
- Taklimat Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan**  
 Sesi Taklimat Pemeriksaan Aset telah diadakan di Kompleks KKMM, Putrajaya pada 30 Ogos 2013 yang melibatkan Pegawai Aset dan Pegawai Pemeriksa Aset di Peringkat Kementerian dan Jabatan (Ibu Pejabat).



Taklimat Pemeriksaan Aset di Peringkat Kementerian/Jabatan (Ibu Pejabat).

- Hartanah**  
 Pada tahun 2013, KKMM telah menguruskan sebanyak 10 urusan berkaitan dengan permohonan tukarguna / serah balik / pelepasan tanah ke Kementerian dan Jabatan/Agensi yang lain. Bagi urusan permohonan hakmilik adalah sebanyak 4 permohonan dan sebanyak 1 urusan berkaitan dengan pemagaran tapak tanah. Manakala sebanyak 9 permohonan untuk urusan sewa tapak tanah KKMM dan Jabatan/Agensi di bawah KKMM.

## Inovasi dan Majlis Rasmi

- Pertandingan Inovasi Terbaik**  
 Pertandingan Inovasi Terbaik telah menerima penyertaan seramai 5 penyertaan secara berkumpulan dan penilaian telah diadakan pada 6 Disember 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 34, Kompleks KKMM, Putrajaya. Senarai penyertaan Pertandingan Inovasi Terbaik tersebut dirujuk pada jadual di bawah.

Jadual: Senarai Penyertaan dalam Pertandingan Inovasi Terbaik KKMM bagi Tahun 2013

BIL	JABATAN / AGENSI	TAJUK PROJEK
1.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	U-Pustaka
2.	Jabatan Penerangan Malaysia (Pusat Sumber dan Fotografi)	Portal My1Foto
3.	Jabatan Penerangan Malaysia (Penerbitan Dasar Negara)	Digital Book (DBook)
4.	Jabatan Penyiaran Malaysia Perak	Radio Android Perak FM (RAP)
5.	Jabatan Penyiaran Malaysia Pahang	Kamera Stabilizer

- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**  
 Penganjuran KIK KKMM telah diadakan pada 10 dan 11 Disember 2013 di Dewan Serbaguna, Aras B1, Kompleks KKMM, Putrajaya serta Sambutan Hari Inovasi KKMM 2013 telah diadakan pada 19 Disember 2013 bertempat di Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR). Pelbagai aktiviti telah diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi KKMM bagi membudayakan aktiviti inovasi iaitu Inovasi Terbaik, Penulisan Kreatif, Pameran Terbaik, Reka Cipta Logo Inovasi, Keceriaan Pejabat Terbaik dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Terbaik (KIK).

Jadual di sebelah menunjukkan penyertaan bahagian-bahagian dan Jabatan/agensi yang terlibat dalam Konvensyen KIK Peringkat Kementerian pada 10 hingga 11 Disember 2013 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras B1, Kompleks KKMM, Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha I, Dato' Dr. Rothiah Omar.

**Jadual: Senarai Kumpulan Penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KKMM bagi Tahun 2013**

BIL	NAMA KUMPULAN	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI	TAJUK PROJEK
1.	Digimax	Jabatan Penyiaran Malaysia	Kekerapan Gangguan Siaran Radio Di Bilik Siaran Angkasapuri
2.	Sigar Kinabalu	Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah	Peningkatan Kadar Pelaporan Isu Lapangan
3.	Koningau	Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah	Gangguan Lintas Langsung Radio Di Pendalaman
4.	Estima	Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Sembilan	Masa Yang Panjang Bagi Memindahkan Bahan Rakaman Dari Alat Rakaman Siaran
5.	Optik	Jabatan Penyiaran Malaysia Sarawak	Sistem Penyelenggaraan Online Remote (SPORE)
6.	Seri Pelangi	Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak	Inovasi Penambahbaikan e-Kursus
7.	Harumanis	Jabatan Penyiaran Malaysia Perlis	Penembusan Capaian Pendengar Radio Terhad
8.	Infiniti 2.0	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	Kelewatan Meluluskan Permohonan Sewaan Kemudahan dan Peralatan Perfileman Yang Disediakan oleh FINAS
9.	JP Kelantan	Jabatan Penerangan Malaysia Kelantan	Arahan Laporan Khas Sukar Disebarkan Kepada Anggota Penerangan Daerah
10.	Solusi	Bahagian Pengurusan Maklumat, KKMM	Aduan Kerosakan Peralatan ICT Yang Kurang Sistematik
11.	Pelangi	Bahagian Akaun, KKMM	Pemantapan Proses Permohonan dan Pemakluman Pergerakan / Aktiviti Kakitangan
12.	Akok	Jabatan Penyiaran Malaysia Kelantan	Memperluaskan Liputan Siaran Radio Kelantan FM

- Majlis Rasmi KPKK**

Sepanjang tahun 2013, KKMM telah melaksanakan sebanyak 10 majlis yang terdiri daripada majlis anjuran peringkat kementerian termasuk majlis peringkat KKMM bagi menyokong penganjuran majlis di peringkat kebangsaan.

Semua majlis ini melibatkan keperluan dan khidmat nasihat serta penyertaan warga KKMM yang perlu disediakan oleh KKMM. Jadual di bawah menunjukkan majlis yang melibatkan kerjasama khidmat pengurusan bagi tahun 2013.

**Jadual: Majlis-Majlis Yang Melibatkan Kerjasama Khidmat Pengurusan KKMM bagi tahun 2013**

BIL	MAJLIS	TARIKH
1.	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H / 2013M	24 Januari 2013
2.	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat KPKK Tahun 1434H / 2013M	25 Januari 2013
3.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2012 Peringkat KPKK	18 April 2013
4.	Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja 2013	22 Jun 2013
5.	Majlis Berbuka Puasa Sektor Pengurusan, KKMM Tahun 2013	19 Julai 2013
6.	Majlis Berbuka Puasa KKMM Tahun 2013	1 Ogos 2013
7.	Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri KKMM Tahun 2013	22 Ogos 2013
8.	Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H / 2013M	5 November 2013
9.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KKMM Tahun 2013	10 hingga 11 Disember 2013
10.	Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat KKMM Tahun 2013	19 Disember 2013

## BAHAGIAN KEWANGAN


### Prestasi Perbelanjaan Mengurus KKMM Tahun 2013

Peruntukan Belanja Mengurus tahun 2013 bagi KKMM secara keseluruhannya adalah sebanyak RM 1,605,083,877.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 1,574,097,565.68 atau 98.07% telah dibelanjakan. Ringkasan peruntukan dan perbelanjaan sehingga suku tahun keempat bagi tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

Jadual: Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan mengurus mengikut Suku Tahunan bagi Tahun 2013

SUKU TAHUNAN BAGI 2013	JUMLAH PERUNTUKAN ASAL (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)	% PERBELANJAAN
PERTAMA	1,605,083,877.00	445,400,314.94	1,159,683,562.06	27.75
KEDUA	1,605,083,877.00	912,723,397.82	692,360,479.18	56.86
KETIGA	1,605,083,877.00	1,154,846,831.70	450,237,045.30	71.95
KEEMPAT	1,605,083,877.00	1,574,097,565.68	30,986,311.32	98.07

Carta: Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan mengurus mengikut Suku Tahunan bagi Tahun 2013



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

KKMM secara khusus melaksana, memantau, menyelia dan menguruskan projek-projek pembangunan dalam RMK-10 bagi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya dengan lebih cekap dan efisien setelah penggunaan sistem *Rolling Plan* (RP).

KKMM juga telah memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan baik bagi mencapai prestasi perbelanjaan yang telah ditetapkan pada setiap tahun. Bagi tahun 2013, KKMM telah mengurus perbelanjaan jumlah siling yang diperuntukkan dalam tempoh RMK-10 sebanyak RM887.45 juta. Jadual di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan KKMM RMK-10 (2013-2014) sehingga 31 Disember 2013.

**Jadual: Prestasi Perbelanjaan Projek-projek Pembangunan RMKe-10 (2013-2014)**

SEKTOR	BILANGAN PROJEK	SILING RMK-10 (RM JUTA) (RP3:2013-2014)
Sektor Penerangan	3	83.10
Sektor Komunikasi	5	498.41
Sektor Multimedia	21	55.72
Projek-projek NKEA	2	283.15
Sektor Kebudayaan (Sebelum waran sekatan bertarikh 20 Jun 2013)	-	22.79
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>943.17</b>

### Projek Perkhidmatan Respon Kecemasan Malaysia 999 (MERS 999)

MERS 999 adalah perkhidmatan talian kecemasan yang menggunakan satu nombor sahaja iaitu 999 – ‘Satu Malaysia Satu Nombor’ bagi menggantikan nombor-nombor kecemasan sedia ada.

Sistem MERS 999 dilengkapi dengan *Computer Aided Dispatch* (CAD), *Computer Telephony Interface* (CTI) dan *Geographical Information System* (GIS).



Workstation Projek MERS 999.

### Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan

KKMM telah membelanjakan sebanyak RM421.20 juta atau 96 peratus daripada peruntukan yang disalurkan sebanyak RM438.88 juta bagi tahun 2013 (RP 3). Perbelanjaan pembangunan KKMM yang dibahagikan kepada Sektor Penerangan, Komunikasi Multimedia, Sektor Komunikasi dan Projek-projek NKEA secara keseluruhannya menunjukkan prestasi sebanyak 96 peratus adalah merupakan melebihi peratus nasional iaitu 94.7 peratus. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan KKMM untuk tahun 2013 (RP 3) adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual: Prestasi Perbelanjaan Projek-projek Pembangunan KKMM bagi tahun 2013**

SEKTOR	PERUNTUKAN 2013 (RM JUTA)	BELANJA 2013 (RM JUTA)	PERATUS (%)
Sektor Penerangan	34.95	34.23	97.9
Sektor Komunikasi	196.92	189.49	96.2
Sektor Multimedia	55.72	55.72	100.0
Projek-projek NKEA	128.50	118.97	92.6
Sektor Kebudayaan (Sebelum waran sekatan bertarikh 20 Jun 2013)	22.79	22.79	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>438.88</b>	<b>421.20</b>	<b>96.0</b>



Mobile CAD (MCAD).

## BAHAGIAN AKAUN

Pengurusan Akaun KKMM berperanan sebagai pejabat perakaunan yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kementerian. Ia dilaksanakan menerusi cawangan pengurusan dan cawangan operasi yang mempunyai fungsi dan peranan tersendiri dalam memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan Kementerian termasuk Jabatan/Agensi di bawah KKMM untuk mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan.

### Perunding

Seksyen ini bertanggungjawab ke atas dua aktiviti utama bagi tahun 2013 iaitu pengurusan latihan dan aktiviti pelaksanaan perakaunan akruan peringkat KKMM selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Perakaunan Akruan mulai tahun 2015.

#### a. Pengurusan Latihan

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Perunding telah menganjurkan beberapa latihan/kursus/sesi pembelajaran untuk PTJ-PTJ di bawah KKMM. Ia bertujuan untuk memberi pemahaman dan pengetahuan berkaitan pengurusan perakaunan dan kewangan kepada warga KKMM bagi mempertingkatkan tahap kompetensi mereka dalam melaksanakan tugas seharian.

Selain itu juga, ia merupakan platform untuk Bahagian Akaun memberikan kesedaran dan pendedahan awal berkaitan transformasi sistem perakaunan asas tunai kepada sistem akruan kepada setiap peringkat pegawai. Pengurusan latihan tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual: Senarai kursus / bengkel / seminar yang dilaksanakan untuk PTJ di bawah KKMM bagi tahun 2013.**

BIL	JENIS KURSUS	AKTIVITI	PESERTA (GRED & BILANGAN)	TARIKH
1.	Fungsional – Perakaunan dan Kewangan	Kursus Pengurusan Bayaran Kepada Skim Bukan Kewangan	Gred 17-41 pelbagai skim 50 orang	Mac 2013
2.	Fungsional – Perakaunan Akruan	Kursus Akruan Peringkat Asas Mengikut Zon: a. Sabah dan Sarawak b. Selatan dan Tengah c. Utara dan Timur	Gred 17-22 pelbagai skim 50 orang setiap siri	April – Julai 2013
3.	Fungsional – Perakaunan Akruan	Kursus Akruan Peringkat Pertengahan	Gred 27-36 pelbagai skim 50 orang setiap siri	September 2013
4.	Fungsional – Perakaunan Akruan	Bengkel Perakaunan Akruan	Gred 41-48 50 orang	November 2013
5.	Fungsional – Perakaunan Akruan	Seminar Perakaunan Akruan	Gred 48 ke atas termasuk Ketua Jabatan/PTJ seluruh Malaysia 100 orang	November 2013
6.	Generik – Pengurusan Integriti/Jati Diri	Kursus Dalaman Bahagian Akaun dengan penceramah daripada agensi luar a. JPA b. SPRM c. Institut Integriti Malaysia d. JAKIM	Gred 17-54 pelbagai skim 50 orang setiap siri	Diadakan selama 6 jam setiap sesi bagi tempoh Jan, Jun, Sept dan November 2013
7.	Generik – Pengurusan Integriti/Jati Diri	Kursus <i>Teambuilding</i> 2013 Bahagian Akaun	Gred 17-54 pelbagai skim 65 orang	September 2013

Antara gambar sekitar kursus / bengkel / seminar yang dilaksanakan untuk PTJ di bawah KKMM bagi tahun 2013.



#### b. Pelaksanaan Perakaunan Akruan Peringkat KKMM

Bagian Akaun melalui Seksyen Perunding bertindak sebagai agen perubahan dan pelopor dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan di peringkat KKMM selaras peranan yang telah digariskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Tanggungjawab Seksyen Perunding dalam melaksanakan perakaunan akruan di peringkat KKMM adalah seperti berikut:

- i. Melatih semua warga kementerian/jabatan/agensi berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan dengan menentukan program latihan yang akan diadakan berpandukan arahan daripada JANM;

- ii. Menyediakan laporan kepada JANM mengenai perkembangan pelaksanaan perakaunan akruan di KKMM dari masa ke semasa;
- iii. Mengumpul data aset dan liabiliti KKMM bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan KKMM mulai 2015. Pengumpulan data merangkumi data bagi Aset Tak Alih (tanah dan bangunan), Aset Alih, Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar dan Inventori.; dan
- iv. Menjadi pakar rujukan dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan KKMM.

Status Pelaksanaan Perakaunan Akruan KKMM sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti di bawah.

Jadual: Pelaksanaan Perakaunan Akruan KKMM yang dilaksanakan bagi tahun 2013

BIL	AKTIVITI	STATUS SEHINGGA DISEMBER 2013
1.	Pengurusan Latihan Akruan	6 siri kursus akruan telah dijalankan meliputi 40% warga KKMM seluruh Malaysia
2.	Pengurusan Perubahan ( <i>Change Management</i> )	2 kali sesi dialog telah diadakan dengan penglibatan pegawai kewangan dari PTJ di Lembah Kelang. Sebarang perkembangan/ maklumat akruan turut dimaklumkan melalui Buletin eSPKB dan rujukan mengenai akruan boleh dirujuk di dalam laman web KKMM.
3.	Pengurusan Mesyuarat Akruan	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JKPPA) yang dipengerusikan oleh KSU telah diadakan pada September dan November 2013. Mesyuarat Jawatankuasa Pengumpulan Data (JKPD) yang dipengerusikan oleh SUBK(P) telah diadakan pada Oktober 2013. Beberapa siri mesyuarat pengumpulan data telah diadakan sepanjang tahun 2013 yang dipengerusikan oleh SUB (AK).
4.	Pengumpulan Data	Data aset tak alih selesai dikumpulkan dengan 97% maklumat kos bangunan perlu dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

## Pengumpulan data dan pengesahan audit aset tak alih di RTM Melaka.



### Naziran eSPKB

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 22 lawatan naziran e-SPKB telah dilaksanakan ke atas 19 Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan ini mengambil kira 3 lawatan naziran ulangan ke atas 3 PTJ yang mempunyai tahap ketidakpatuhan melebihi 50 peratus. Fungsi naziran e-SPKB dijalankan adalah bagi memastikan semua PTJ mematuhi panduan pengguna e-SPKB serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

### Audit Terimaan

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 80 Pusat Pemungut di seluruh Malaysia telah menghantar Penyata Kira-kira Wang Tunai (KKWT). Bulanan untuk diaudit dan semua penyata KKWT tersebut telah berjaya disemak dan disahkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu juga, lawatan audit telah dijalankan ke atas 20 Pusat Pemungut yang terpilih.

### Bayaran

Sehingga berakhirnya tempoh Akaun Kena Bayar 2013, semua baucar bayaran berjumlah 90,195 bil telah berjaya diproses dalam tempoh 4 hari dari tarikh ia diterima lengkap. Jumlah ini menurun sebanyak 19.54% berbanding tahun sebelumnya (112,100 bil) berikutan penstrukturan semula kementerian pada bulan Mei 2013.

Seksyen Bayaran juga dipertanggungjawabkan untuk mengumpul dan merumus laporan pemprosesan bayaran bil melebihi 14 hari dari PTJ seluruh Malaysia. Jumlah baucar yang diproses bagi seluruh PTJ di bawah kementerian adalah sebanyak 171,418 bil dan hanya 48 bil sahaja telah diproses melebihi 14 hari bagi tahun 2013 yang memberikan prestasi keseluruhan bayaran bil adalah 99.97%.

### Gaji

Seksyen ini telah melaksanakan pembayaran gaji bagi seluruh warga kerja KKMM di Lembah Klang termasuk juga pembayaran

kepada kakitangan kontrak berdasarkan kepada tarikh yang telah ditetapkan sepanjang tahun 2013. Secara puratanya, proses pembayaran gaji bulanan ini melibatkan seramai 7,700 orang warga kerja KKMM.

Selain itu, seksyen ini telah berjaya memproses Bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada kakitangan yang layak dari Gred 1 hingga 54 pada bulan Julai 2013 serta pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada bulan Januari 2013.

Di samping itu juga, seksyen ini bertanggungjawab dalam mengedarkan Penyata Pendapatan Tahunan 2013 melalui laman web e-penyata gaji Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Januari 2013 untuk rujukan semua warga kerja KKMM.

### Akaun

KKMM telah melaksanakan pengurusan perakaunan bagi pembayaran dan terimaan jabatan yang diberi khidmat dengan betul dan tepat pada setiap bulan di sepanjang tahun 2013. Ini berdasarkan semakan yang dibuat ke atas laporan perbelanjaan dan penyata penyesuaian yang dikemukakan oleh semua PTJ pada setiap bulan.

Pemantauan ke atas keperluan dana bukan sahaja dapat memastikan keperluan dana bagi tujuan pembayaran sentiasa mencukupi malah membolehkan semua bayaran dapat disalurkan ke akaun penerima dengan segera.

Bagi tujuan penutupan akaun dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013, KKMM melalui bahagian ini telah berjaya mengemukakan kertas kerja sokongan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 12 Februari 2014 sebelum tarikh akhir yang ditetapkan.

### Pinjaman

Sepanjang tahun 2013, KKMM telah memproses sebanyak 83 urusan pinjaman komputer dan 1,428 permohonan wang pendahuluan diri serta pendahuluan pelbagai. Dari jumlah ini, 98.80% telah berjaya diproses dalam tempoh 2 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

KKMM telah menyelaraskan program ICT seiring dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) di peringkat KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya dengan lancar. Pengurusan ICT dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang di bawah Pembangunan Aplikasi dan Portal; Teknikal dan Operasi; dan Rangkaian dan Keselamatan.

### Pembangunan Aplikasi dan Portal

Bagi tahun 2013, laman portal rasmi KKMM menerima pengunjung sebanyak 674,333 manakala 10 perkhidmatan dalam talian disediakan dengan jumlah 8,030 transaksi.

- **Pengiktirafan Malaysia *Government Portals And Websites Assessment (MGPWA) 2013***

Portal Rasmi KKMM telah mendapat pengiktirafan 5 bintang dalam penilaian MGPWA 2013.

Pencapaian ini merupakan kejayaan kali ke-4 bagi Portal Rasmi KKMM yang berjaya mengekalkan pengiktirafan 5 bintang untuk tempoh empat tahun berturut-turut. Hasil pemantauan dan sesi pementoran yang dilaksanakan oleh BPM maka empat (4) Jabatan/Agensi di bawah KKMM turut mendapat pengiktirafan 5 bintang di dalam MGPWA 2013 iaitu Jabatan Penyiaran Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Manakala Portal Rasmi/Laman Web Jabatan Hal Ehwal Khas, Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia juga telah mendapat peningkatan pencapaian.

- **Pembangunan dan Pengukuhan Sistem Aplikasi**

BPM telah membangunkan Sistem Pendaftaran Pengguna Data menggunakan kepakaran personel ICT dalaman untuk kegunaan Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

### Teknikal dan Operasi

- **Peralatan ICT**

KKMM telah membuat beberapa perolehan melalui tender dan sebutharga bagi memenuhi keperluan peralatan ICT warga KKMM dan Jabatan/Agensi.

KKMM turut memberikan khidmat sokongan teknikal untuk program-program peringkat Kementerian termasuk Pusat Media KKMM dan Bilik Gerakan sempena pilihanraya.

### Rangkaian dan Keselamatan

- **Peningkatan Kelajuan Rangkaian 1Gov\*Net**

KKMM telah menyelaraskan peningkatan kelajuan rangkaian 1Gov\*Net di KKMM dan Jabatan/Agensi dari 256Mbps dan 512Mbps ke 2Mbps, 4Mbps, 6Mbps, 10Mbps, 20Mbps dan 30Mbps. BPM telah menyediakan kemudahan rangkaian seperti jadual di bawah.

Jadual: Senarai kemudahan rangkaian yang disediakan bagi tahun 2013

LOKASI	MEDIUM	KELAJUAN
Putrajaya (Lot 4G9)	Rangkaian Wired: Putrajaya Campus Network (PCN)	155Mbps* * Kelajuan Talian dikongsi oleh Blok 4G8 (KKLW), 4G9 (KKMM), 4G10 (KPKT) & 4G11 (KPWKM)
	Rangkaian WiFi: HSBB (Unifi)	* 180Mbps * [20Mbps x 9 Talian]
Angkasapuri (Wisma TV)	Rangkaian Wired: 1Gov*Net (GITN / MAMPU)	30Mbps
	Rangkaian WiFi: HSBB (Unifi)	20Mbps
Stesen Pengesan Siaran Klang	Rangkaian Wired: 1Gov*Net (GITN / MAMPU)	6Mbps
	Rangkaian WiFi: Streamyx	2Mbps

## Program / Aktiviti

- **Majlis Exit Conference Pembangunan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Jabatan/Agensi KKMM**

Majlis *Exit Conference* Pembangunan PSTM Jabatan/Agensi KPKK telah diadakan pada 31 Mei 2013 di Dewan Serbaguna Kompleks KKMM, Putrajaya. Majlis ini diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah Jabatan/Agensi KKMM, Pengurusan Tertinggi KKMM, Pasukan Projek PSTM bagi 3 Jabatan/Agensi terlibat dan Pasukan Perunding ICT

Sektor Awam, MAMPU. Ia telah dirasmikan oleh Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha KKMM. Jabatan/Agensi yang terlibat adalah Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).



Tetamu Kehormat Bersama Jabatan/Agensi Terlibat pada Majlis *Exit Conference* PSTM 2013.

- **Bengkel Pengukuhan BPM Bersama Personel ICT Jabatan/Agensi**

Bengkel Pengukuhan Pasukan telah diadakan pada 27 hingga 29 September 2013 di D' Ambang Resort, Pekan Pahang. Pelbagai aktiviti dilaksanakan bertujuan

meningkatkan semangat berpasukan dan jati diri di kalangan warga BPM dan personel ICT Jabatan/Agensi.



Warga BPM dan Personel ICT Jabatan/Agensi bersama Fasilitator.

## PUSAT SUMBER

Pusat Sumber KKMM menyediakan perkhidmatan dan mengadakan aktiviti galaguna Pusat Sumber ke arah membina warga kerja KKMM yang berilmu dan berpengetahuan.

Pada tahun 2013 jumlah kumulatif keahlian Pusat Sumber adalah seramai 2,947 orang. Keahlian baru bagi tempoh Jun-Disember adalah seramai 160 orang. Jumlah pembaca/pengguna yang mengunjungi Pusat Sumber bagi tempoh yang sama adalah seramai 5,080 orang. Sebanyak 2,754 naskhah bahan telah dipinjam oleh 1,061 pembaca/pengguna dan 1,999 hit capaian Internet dan Perkhidmatan Pangkalan Data Atas Talian (*Lawnet*, Bernama *Library and Infolink Service* (BLIS), NSTP e-Media) telah direkodkan.

Pada tahun 2013 juga, RM80,000.00 telah diperuntukan untuk pembelian buku. Dengan peruntukan ini sebanyak 1,028 naskhah buku diperoleh melalui pembelian. Sehingga 31 Disember 2013 jumlah kumulatif koleksi bahan rujukan Pusat Sumber adalah sebanyak 48,818 naskhah. Jumlah koleksi keseluruhan ini meningkat sebanyak 7% meliputi buku, terbitan bersiri, koleksi kementerian dan lain-lain bahan (CD-ROM, Akta, Pekeliling).

### Aktiviti Pusat Sumber

Pusat Sumber mengadakan beberapa aktiviti sepanjang Jun-Di. 2013 bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan warga KKMM. Pendekatan yang dijalankan bagi mendampingi pembaca iaitu melalui aktiviti berbentuk program galak guna Pusat Sumber dan perkongsian ilmu (*knowledge sharing*) hebahan maklumat secara mingguan/bulanan melalui e-mel dan Portal Pusat Sumber.

- **Bengkel Resource Description And Access (RDA)**

Aktiviti ini telah diadakan pada 25 September 2013 bertempat di Bilik Latihan Pusat Sumber KKMM. Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi maklumat, pengetahuan dan pendedahan kepada kakitangan Pusat Sumber KKMM serta perpustakaan di Jabatan/Agensi mengenai *Resource Description and Access* (RDA) merupakan satu standard pengkatalogan baru bagi menggantikan standard pengkatalogan sediaada berasaskan AACR2 (*Anglo-American Cataloguing Rules, 2nd*) yang telah diguna pakai sejak tahun 1978. RDA adalah lebih flexible dan relevan di era digital kini dan memenuhi piawaian antarabangsa. Seramai 24 peserta mewakili jabatan/agensi KKMM menghadiri bengkel ini dan telah didedahkan dengan prosedur baru ini yang akan digunapakai secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2014.

- **Program Literasi Maklumat**

Aktiviti ini telah dijalankan pada 3 Oktober 2013 bertempat di Bilik Latihan Pusat Sumber KKMM. Aktiviti seumpama ini diadakan setiap tahun secara berterusan khususnya kepada warga baru bertugas di kementerian. Program

bertujuan untuk memberi panduan kepada peserta tentang strategi pencarian maklumat dengan cepat dan berkesan menggunakan pangkalan data langganan Pusat Sumber di samping mempromosi Portal Pusat Sumber kepada pengguna. Peserta telah diberi penerangan mengenai penggunaan pangkalan data WebOPAC, Web *Infolink* dan juga BLIS. Program ini member manfaat dan kefahaman kepada peserta mewakili Jabatan/Agensi/Bahagian KKMM mengenai perkhidmatan yang disediakan di Pusat Sumber.

- **Program Book To You (Book2U)**

Merupakan satu lagi perkhidmatan tambah nilai terkini disediakan bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran dan galaguna perkhidmatan dan kemudahan di Pusat Sumber. Program Book2U ini adalah aktiviti outreach Pusat Sumber mendekati warga KKMM melalui sesi lawatan kakitangan Pusat Sumber ke bahagian-bahagian bagi mempromosi koleksi rujukan khususnya judul-judul buku baru untuk pinjaman oleh warga KKMM. Perkhidmatan ini pertama kalinya telah diadakan pada Oktober dan Disember 2013 di Bahagian Akaun dan Antarabangsa. Seramai 66 orang warga meminjam bahan rujukan dengan 33 warga baru KKMM didaftarkan ke sistem Pusat Sumber. Melihat sambutan yang menggalakkan, pihak Pusat Sumber akan meneruskan aktiviti ini ke bahagian-bahagian lain pada tahun 2014 secara berjadual.

- **Jom Ke Pusat Sumber Bersempena Hari Terbuka**

Program ini telah diadakan pada 12 Disember 2013 di mana program Jom Ke Pusat Sumber telah diadakan serentak dengan Hari Terbuka Pusat Sumber. Objektif utama program adalah untuk menggalakkan penggunaan di samping mempromosikan Pusat Sumber di kalangan warga KKMM, memberi bimbingan penggunaan pangkalan data serta mengemas kini keahlian.

Pada hari tersebut pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya Sesi Kreativiti Melukis Kaca, Kuiz Teka Berat Buku, Khidmat Nasihat, Kuiz Ringkas dan Pameran Jualan Buku dari pembekal buku terpilih. Pengguna juga diberi keistimewaan tiada denda dikenakan bagi buku lewat pulang pada hari tersebut. Seramai 140 orang pengunjung telah mengambil pada Hari Terbuka Pusat Sumber tahun ini.

- **Perkhidmatan Kesedaran Semasa**

Hebahan/promosi (*Knowledge Sharing*) Melalui E-mel:

Edaran 160 judul buku dalam *Ruangan Santapan Minda* (*Mind's Menu*) di Portal Pusat Sumber yang mengandungi paparan ulasan dan sinopsis buku-buku terbaru oleh pegawai-pegawai Pusat Sumber untuk makluman pengguna.

Edaran 490 artikel terpilih dari akhbar tempatan kepada juruhebah RTM bertujuan membantu mereka membuat

hebahan isu-isu semasa kepada pendengar radio seluruh Malaysia.

Edaran satu artikel terpilih setiap bulan berkaitan pengurusan dan kepimpinan/kepastakawanan/ICT dan

pelbagai lagi kepada pihak pengurusan kementerian dan kakitangan di bawah KKMM/Jabatan/Agensi sebagai perkhidmatan tambah nilai dalam menggalakkan budaya membaca.



Hari Terbuka Pusat Sumber



Program Book To You (Book2U)



Program Literasi Maklumat



# LAPORAN JABATAN DI BAWAH KKMM

## JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) secara berterusan menyediakan perkhidmatan penyiaran terbaik kepada umum melalui saluran TV1, TV2 dan TVi, serta 34 saluran radio serta media baharu.

Perkhidmatan percuma yang diberikan RTM kepada umum ini selari dengan visinya sebagai organisasi penyiaran utama yang berwibawa dan dinamik. Misinya pula ke arah memainkan peranan sebagai pemberi maklumat, mendidik, membimbing serta membentuk sikap peribadi, pemikiran dan nilai-nilai murni yang sesuai dan menghiburkan berteraskan konsep Gagasan 1Malaysia. Di samping itu RTM berusaha sedaya upaya untuk menghasilkan program yang berkualiti, inovatif dan berdaya saing bagi membawa RTM ke dunia dan dunia ke RTM serta pada masa yang sama turut menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak-pihak tertentu termasuk dengan badan-badan penyiaran di seluruh dunia.

Dalam program RTM khususnya TV1 turut mendapat rancangan perolehan luar negara sebanyak 4 peratus rancangan setahun atau melibatkan sebanyak 468 jam setahun dan 7 jam seminggu. Secara keseluruhannya TV1 menyiarkan sebanyak 8,736 jam setahun atau 168 jam seminggu bagi kesemua rancangan termasuk 20 peratus rancangan ulangan melibatkan 1,820 jam atau 35 jam seminggu.

Rancangan TV2 dan TVi pula sama ada terbitan *in-house* mahupun swasta yang disiarkan sentiasa memenuhi dasar kerajaan terutama ke arah pemupukan semangat 1Malaysia. Perancangan bagi penerbitan rancangannya juga turut tertumpu pada siaran persembahan remaja yang menjadi pilihan penonton.

### Bahagian Pembangunan Strategik

RTM menerusi Bahagian Pembangunan Strategik adalah untuk memacu hala tuju RTM ke arah mencapai Visi dan Misi Jabatan; menyediakan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang; dan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada peningkatan kualiti rancangan dan pembangunan modal insan jabatan.

Antara fokus utama ialah merancang dan melaksanakan aktiviti ke arah peningkatan kualiti pengurusan, kandungan rancangan dan pembangunan modal insan melalui pelbagai bengkel dan juga latihan bersepadu. Ia turut merangka, menggubal, membantu dan menyediakan kertas dasar kementerian dan jabatan, merancang serta membuat kajian dan menganalisis hasil kajian dan latihan yang lebih khusus untuk pembangunan kandungan rancangan TV dan Radio.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 16 kajian telah dilaksanakan untuk Bahagian Program Radio dan TV, 16 bengkel dan enam kegiatan berbentuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan tumpuan khas kepada masyarakat Orang Asli. Selain itu, bahagian ini telah mendapatkan sebanyak sepuluh siaran program terbitan TV, RTM yang disiarkan mulai 2014 melalui stesen TV iaitu Arirang TV di Korea yang mempunyai seramai lebih 15 juta penonton.



Bengkel Pengkopraton RTM.

### Bahagian Operasi Penyiaran

Bahagian Operasi Penyiaran di RTM adalah bahagian yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan teknikal untuk penerbitan dan siaran Radio & TV, menyediakan perkhidmatan teknikal bagi pemancaran Radio (FM & SW) dan TV serta merancang dan melaksana projek-projek pembangunan peralatan dan infrastruktur.


#### Pencapaian

##### 1.1 Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Operasi Penyiaran menetapkan lima (5) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2013. Berikut merupakan pencapaian sepanjang tahun 2013 (juga boleh dirujuk pada carta):

- i. **Kelancaran siaran TV** ke udara dengan jumlah siaran selama 26,280 jam meliputi siaran TV1, TV2 dan TVi. Pencapaian KPI: 99.993%
- ii. **Kelancaran perkhidmatan teknikal siaran radio** dengan jumlah siaran sebanyak 43,800 jam meliputi 4 stesen radio utama iaitu Klasik FM, Nasional FM, Traxx FM dan Ai FM. Pencapaian KPI: 99.999%
- iii. **Prestasi perbelanjaan Anggaran Belanjawan Mengurus** dengan pencapaian 101.04%. Sejumlah RM 148,264,000.00 diperuntukkan untuk pengurusan kewangan. Pencapaian KPI: 101.04%
- iv. **Prestasi perbelanjaan Anggaran Belanjawan Pembangunan** dengan pencapaian 99.97%. Sejumlah RM 30,990,942.23 telah digunakan untuk projek Pembangunan Jabatan Penyiaran Malaysia. Pencapaian KPI: 99.97%

Carta : Pencapaian prestasi Petunjuk Utama (KPI) Operasi Penyiaran bagi tahun 2013.



Pencapaian KPI Operasi Penyiaran.

## 1.2 Latihan

Operasi Penyiaran turut memfokuskan pembangunan modal insan pada tahun 2013 dengan perbelanjaan sebanyak RM 1,135,155.89 bagi menjayakan penganjuran kursus sebanyak 65 kali dengan pencapaian bilangan peserta seramai 1714 orang.

Peningkatan bilangan kursus yang dianjurkan adalah melebihi 200% dari jumlah latihan dan 270% jumlah peserta berbanding tahun sebelumnya iaitu 31 kursus dengan bilangan peserta kursus seramai 615 orang sahaja.

Secara khususnya, Operasi Penyiaran mempunyai seramai 822 orang kakitangan di Ibu Pejabat, Angkasapuri. Ini meliputi 5 bahagian utama yang terdiri dari Bahagian Pusat Siaran dan Rangkaian Kawalan *Multichannel* (313 orang kakitangan), Bahagian Perkhidmatan Teknikal (224 orang kakitangan), Bahagian Pembangunan Fasiliti (17 orang kakitangan), Seksyen Program Studio (170 orang kakitangan) dan Bahagian Berita E-hwal Semasa (98 orang kakitangan).

## 1.3 Teknologi

### Penghijrahan Penyiaran dari Format Analog kepada Digital

Sesuai dasar kerajaan yang menetapkan tahun 2015 sebagai penghijrahan kepada format penyiaran digital (digital roll-out), RTM telah melengkapkan kesemua sistem Pengumpulan Bahan, Pasca Penerbitan, Studio dan Pusat Kawalan kepada peralatan digital. Proses ini telah berterusan secara berperingkat mulai dari tahun 2003 sehingga kini. Kini 100% fasiliti penerbitan TV di

Angkasapuri telah menggunakan peralatan digital. RTM telah bersedia untuk memancarkan 7 saluran digital sebagaimana dirancang dalam *digital roll-out*.

### Penerbitan dalam format *High Definition* (HD)

Bermula dengan kamera bagi pengumpulan bahan dalam format *High Definition*, RTM juga telah melengkapkan Studio 3 bagi penerbitan Berita TV, Studio IBC untuk penerbitan Program TV dan Auditorium Perdana dengan peralatan berformat *High Definition*. Bagi menyokong penerbitan dan pemancaran program TV dalam format HD, Studio Pasca Penerbitan dan Pusat Kawalan Penyiaran TV turut dilengkapi dengan format HD. Bermula tahun 2014 RTM akan berkemampuan menerbitkan program TV berformat HD dan bersedia untuk memancarkan program TV dalam format HD. Hingga kini 40% fasiliti RTM adalah dalam format HD.

## 1.4 Kompleks Angkasapuri Sebagai Bandar Media (Media City).

Kawasan Angkasapuri akan dibangunkan semula dengan konsep Bandar Media yang dilaksanakan secara *Build, Lease, Maintain and Transfer* (BLMT). Dua komponen utama adalah pembinaan bangunan baru dan pembekalan kemudahan fasiliti penyiaran.

Infrastruktur penyiaran berteknologi tinggi akan disediakan selaras dengan perancangan KKMM untuk mewujudkan perkhidmatan TV digital sepenuhnya menjelang tahun 2015. Bahagian Operasi Penyiaran telah memainkan peranan penting membantu kerja-kerja awalan (EW01, EW02, EW03 dan EW 04) supaya pelaksanaan projek ini dapat dilaksanakan mengikut jadual.



Gambar: Media City Angkasapuri.

## 1.5 Projek Pembangunan 2013

### a. *Rolling Plan 3 (RP3) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)*

Pada tahun 2013, Jabatan diperuntukkan dua projek di bawah *Rolling Plan 3 (RP3) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10)* yang merupakan sambungan kepada projek *Rolling Plan Kedua (RP2)*. Kedua-dua projek telah diperuntukkan sejumlah RM 31 juta dan telah mencapai perbelanjaan sebanyak RM 30,990,942.23 atau 99.97%.

Projek 1 ialah Perolehan Kandungan Digital dan telah dilaksanakan oleh Bahagian Program TV. Manakala, Projek 2 terdiri daripada dua sub-projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Fasilitas dan kedua-dua projek ini telah disiapkan dalam tahun 2013. Dua sub-projek tersebut adalah:

- i. Sistem Pencahayaan di RTM Ipoh dan RTM Kota Kinabalu (Kos projek: RM9,045,903.00).
- ii. Sistem Akustik di RTM Kota Kinabalu (Kos Projek: RM1,669,882.00).



Sistem Pencahayaan di Auditorium RTM Perak.



Sistem Pencahayaan di Studio Berita TV RTM Kota Kinabalu.



Sistem Akustik di Studio Berita TV RTM Kota Kinabalu.

### b. Projek NKEA-CCI (*My Creative Content*)

Selain itu, terdapat juga projek pembangunan di bawah Projek NKEA-CCI (*My Creative Content*) yang dikawal selia oleh PEMANDU iaitu Perkhidmatan Restorasi Bahan Kandungan Analog ke Format Digital dengan nilai kontrak RM6,221,058.00. Dalam tahun 2013, jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM2,042,867.00 (32.83%). Tempoh pelaksanaan projek ini adalah dari 8 Oktober 2013 hingga 28 Februari 2014.

## Bahagian Program TV



### i. Saluran TV1

TV1 beroperasi 24 jam menyiarkan 93% rancangan dalam Bahasa Malaysia (sumber kandungan rancangan tempatan) dan tujuh peratus (7%) dalam Bahasa Inggeris (sumber rancangan luar negara).

Saluran TV1 dikenali sebagai "Saluran Informasi" menggunakan tagline "Mewarnaimu".

Antara program tonggak TV1 ialah drama "Tribute To P. Ramlee" dan program bual bicara Forum Perdana Ehwah Islam, Dialog, Lanskap dan Wacana Nasional. TV1 tidak ketinggalan menyiarkan program sukan berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Liga Malaysia, Badminton, Le Tour de Langkawi dan sukan Olimpik yang sentiasa mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Penerbitan program santai dan berinformasi merupakan kekuatan TV1. Rancangan tonggak lain yang mendapat perhatian termasuklah Panorama (Majalah), Agrojournal (Dokumentari), Syahadah (Majalah), Salam Baitullah (Bual Bicara), XPlorasi (Majalah), National Geographic (Dokumentari) dan juga Agrotek (Majalah).

Dalam 2013, TV1 beroleh pendapatan sebanyak RM2,489,223, satu angka yang membanggakan memandangkan TV1 tidak mempunyai banyak peluang dan kekuatan untuk bersaing kerana keutamaannya ialah kepada rancangan berbentuk agenda nasional dan sentiasa memberi laluan kepada siaran langsung dan siaran secara adhoc. Namun, secara keseluruhan rating TV1 mencatat peningkatan dari segi Audien's share, iaitu sebanyak 19.47 peratus mengikut AMAPS. AMAPS adalah sebuah syarikat baharu yang dilanggan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengukur pencapaian ratings.



### ii. Saluran TV2

Saluran TV2 pula menggunakan tagline "Dunia Ria" dengan penonton sasarannya pelbagai kaum menyiarkan rancangan dalam enam bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Punjab/Hindi dan Bahasa Korea.

TV 2 beroperasi 24 jam sehari dan menyiarkan rancangan yang berpotensi serta dapat menjana pendapatan kerajaan. TV 2 menyiarkan berita dalam Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil.



iii. Saluran TVi

TVi memulakan siaran melalui ASTRO 180 pada 10 April 2011, menyiarkan pelbagai rancangan muzikal dan hiburan berinformasi. Selaras dengan objektif utama TVi iaitu untuk menjadikannya sebagai saluran remaja, kandungan tempatan Sabah dan Sarawak menjadi pilihan utama. Ia membawa jenama “Saluran Gaya Hidup” dengan tagline 1@HATI.

Saluran ini merupakan platform untuk inovasi industri kreatif tanah air khususnya penggiat seni dan warisan budaya negara.



Dj Kong Eu Dalam Segmen Traxx 101.

**Bahagian Program Radio**

Saluran radio RTM terdiri daripada enam saluran utama di peringkat nasional melalui siaran dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil, Bahasa Mandarin dan Siaran Orang Asli. Di peringkat negeri pula terdapat 18 saluran dan sembilan saluran tempatan (pelbagai dialek). Ia merupakan satu perkhidmatan yang lengkap untuk mencapai segenap lapisan rakyat Malaysia. Jadual di bawah adalah tagline bagi setiap saluran radio RTM.

**Jadual: Tagline saluran radio RTM.**

BIL	SALURAN	TAGLINE
1.	NASIONALfm	Info, Berita dan Muzik Bergabung di sini.
2.	TRAXXfm	Travel and Music
3.	Aifm	Cergaskan Hidup Anda
4.	MINNAlfm	Ilamai Puthumai Inimai (Muda, Baru, Ceria)
5.	Radio Klasik	Menggamit Kenangan
6.	ASYIKfm	Moi Num Moi (Lain Dari Yang Lain)

Fungsi saluran radio RTM adalah seperti berikut:

- i. Menyampaikan maklumat dan dasar kerajaan kepada pendengar melalui program di udara dan di lokasi
- ii. Menyebarkan maklumat secara sahih, tepat dan mutakhir
- iii. Menyiarkan lagu-lagu mengikut citarasa masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.



Dj Nurul Dalam Segmen Pagi.

**1. Program Tonggak Radio**

Setiap saluran radio mempunyai program tonggak masing-masing. Program Tonggak adalah program utama stesen yang mendapat perhatian daripada pendengar. Rancangan berbentuk bual bicara mendapat peratusan kedua tertinggi selain muzik dan hiburan bagi semua saluran radio kecuali Radio Klasik.

Jadual-jadual di sebelah menunjukkan program-program tonggak bagi setiap saluran radio Nasional dan radio negeri.

**Jadual: Program tonggak bagi saluran radio Nasional.**

BIL	SALURAN	PROGRAM TONGGAK
1.	NASIONALfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nadi Pagi</li> <li>Raudhah</li> <li>Perspektif</li> </ul>
2.	TRAXXfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>TRAXX 101</li> <li>TRAFFIC!</li> </ul>
3.	Aifm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ai Ceria</li> <li>Ai Mandarin</li> </ul>
4.	MINNALfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kaalai Kathir</li> <li>Personaliti Minggu Ini</li> </ul>
5.	Radio Klasik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masihkah Kau Ingat (MKI)</li> <li>Aku, Dia dan Lagu (ADILA)</li> </ul>
6.	ASYIKfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gradung Gradeng</li> <li>Hits 91.1</li> </ul>

**Jadual: Program tonggak bagi saluran radio negeri.**

BIL	SALURAN	PROGRAM TONGGAK
1.	KELANTANfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nadi Pagi</li> <li>Raudhah</li> <li>Perspektif</li> </ul>
2.	PAHANGfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ceramah Pilihan</li> <li>Apa Khabar Weh</li> <li>Bual Pagi</li> </ul>
3.	TERENGGANU fm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guano Gamok Orang Kita (GGOK)</li> </ul>
4.	JOHORfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Santai D'Segget</li> <li>Kabare</li> </ul>
5.	MELAKAfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gegau Pagi</li> <li>Mutiara Ilmu</li> </ul>
6.	NEGERIfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pagi Di Negeri</li> <li>Rebus Tak Empok (Sketsa)</li> <li>Oghok Potang</li> </ul>
7.	KLfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rentak Pagi Kuala Lumpur</li> <li>Kenangan Lalu Kuala Lumpur (KLKL)</li> <li>Teh Tarik 1</li> </ul>
8.	KEDAHfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelenggaq Pak The Mat</li> <li>Kampung Yoi</li> <li>BOM (Bicara Orang Muda)</li> </ul>
9.	LANGKAWIfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>PHI (Personaliti Hari Ini)</li> <li>Prisma Tabina</li> <li>Lagu Tu Kaa (Interaktif Loghat Tempatan)</li> </ul>

10.	PERAKfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Deme Tanya Pak Ngah Jawab</li> <li>Santai Petang Bersama UKE</li> <li>Cer Pikio Bersama Os &amp; Saiful</li> </ul>
11.	PERLISfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Habaq Mai – Aduan Rakyat</li> </ul>
12.	MUTIARAfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nasi Kandar Papadom</li> <li>Hindustan Dot My</li> </ul>
13.	LABUANfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Edidih</li> <li>Kenangan Lalu Mengusik Jiwa</li> <li>Bicara hidayah</li> </ul>
14.	SABAHfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Segar SABAHfm</li> <li>Bah, Ngam La Tu</li> </ul>
15.	SARAWAKfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untukmu Wanita</li> <li>Karma</li> <li>Bermukun</li> </ul>

## 2. Program Radio di Lokasi

Program Radio di Lokasi merupakan program turun padang yang menjadi satu aktiviti utama mendekati saluran radio dengan masyarakat dalam usaha menyampaikan maklumat dan dasar-dasar kerajaan secara santai dan bersahaja. Secara keseluruhan, sebanyak 26 Program Radio di Lokasi tonggak. Aktiviti dilaksanakan lebih dari dua kali sebulan.

## 3. Program dialek daerah di saluran radio negeri dan tempatan

Jadual di bawah adalah pecahan (%) program dialek daerah di saluran radio negeri dan tempatan sepanjang tahun 2013.

Jadual: Peratusan program dialek di saluran radio negeri dan tempatan bagi tahun 2013.

BIL	SALURAN	DIALEK	PERATUS (%)
<b>IBU PEJABAT</b>			
1.	ASYIKfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa Semai</li> <li>Bahasa Temiar</li> <li>Bahasa Temuan</li> <li>Bahasa Jakun</li> </ul>	25 25 25 25
<b>UTARA</b>			
1.	MUTIARAfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa Daerah</li> </ul>	20 – 25
2.	PERLISfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa Daerah</li> </ul>	20 – 25
3.	KEDAHfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa Daerah</li> </ul>	20 – 25
4.	PERAKfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa Daerah</li> </ul>	20 – 25
5.	LANGKAWIfm	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa Daerah</li> </ul>	20 – 25

TENGAH			
1.	KLfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
2.	SELANGORfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
3.	NEGERIfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
SELATAN			
1.	JOHORfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
2.	MELAKAfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
TIMUR			
1.	PAHANGfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
2.	TERENGGANUfm	• Bahasa Daerah	20 – 25
3.	KELANTANfm	• Bahasa Daerah	20 – 25



Program Radio di Lokasi RTM menerapkan aktiviti yang sihat kepada pengunjung.

BIL	SALURAN	DIALEK	PERATUS (%)
SABAH			
1.	SABAHfm	• Dialek Sabah	22
2.	KENINGAUfm	• Murut dan Kadazan	40
3.	TAWAUfm	• Dialek Sabah	33
4.	SABAH Vfm	• Kadazan/Dusun/ Bajau/Murut	66
5.	SANDAKANfm	• Dialek Sabah	33
SARAWAK			
1.	WAlfm	• Bidayah/Kayan/Iban/	100
2.	RASAFm	• Iban	25
3.	MIRIfm	• Iban	25
4.	LIMBANGfm	• Bisayak/Lun Bawang/Iban	75
5.	SIBUfm	• Iban	25
6.	BINTULUfm	• Iban	30



Program radio di lokasi mendekati RTM dengan golongan muda.

## Bahagian Berita Ehwal Semasa

Sepanjang tahun 2013, secara purata Liputan Berita dan Laporan Khas menerusi saluran televisyen adalah melebihi 12,000 atau 1,000 liputan sebulan. Segala liputan yang dibuat sama ada dari segi pemberitaan sentiasa telus serta mematuhi kehendak garis panduan, etika kewartawanan dan penyiaran yang ditetapkan.

Bentuk liputan antaranya seperti liputan majlis-majlis rasmi kerajaan yang melibatkan pucuk pimpinan negara, liputan berita dari negeri-negeri, liputan pelbagai jenis berita Jenayah, Sukan, *Human interest* termasuk juga Laporan Parlimen dan sebagainya. Ini termasuk juga liputan Berita Radio yang melibatkan Ibu pejabat dan dari negeri-negeri turut bertanggungjawab bagi memastikan visi dan misi RTM khususnya fungsi Bahagian Berita Ehwal Semasa dapat direalisasikan.

Selain itu juga melalui Seksyen Ehwal Semasa turut juga terlibat dalam membuat liputan-liputan secara langsung Majlis-majlis rasmi kerajaan sama ada di peringkat pusat mahupun di negeri-negeri, selain dari siaran dalam Selamat Pagi 1Malaysia dan beberapa rancangan lain yang diterbitkan.

Pasukan Khas Bencana RTM yang telah beroperasi memberi bantuan dan melaporkan kejadian bencana secara lintas langsung, *real time*. Pasukan terdiri daripada lima wartawan Berita Ehwal Semasa ini bergerak pantas menyalur laporan terkini bencana berlaku di samping menyebarkan panduan keselamatan sebelum, semasa dan selepas bencana.

Pasukan Khas Bencana RTM berdepan dengan risiko di tempat yang mencabar. Banjir, kebakaran, tanah runtuh, taufan, letupan gunung berapi adalah antara tempat yang mereka berada. Pada tahun 2013, pasukan ini telah berdepan dengan ribut Davo dan ribut Haiyan di Filipina.

Bahagian ini juga sedang berusaha dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 BES berkuat kuasa

mulai 23 Ogos 2013. Seramai 15 orang pemegang dokumen yang diketuai oleh Ketua Pengarah menerima dokumen MS ISO 9001:2008.

Dokumen MS ISO 9001:2008 Berita Ehwat Semasa merupakan rangka kerja (*Blue print*) kepada semua pegawai dan staf untuk bekerja secara sistematik dan berkualiti. Dokumen MS ISO 9001:2008 BES terdiri daripada Manual Kualiti, enam prosedur Kualiti Wajib, sembilan prosedur Kualiti Sokongan dan sepuluh Prosedur Kualiti Operasi serta enam *Standard Operating Procedure*.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di BES ini merupakan peluasan skop dari Seksyen Berita Radio ke Seksyen Berita TV, Seksyen Ehwat Semasa, Seksyen Portal Berita, Seksyen Fasiliti Teknikal serta Unit Pentadbiran dan Kewangan BES.

Pemeriksaan *Re-Certification Audit & Extension of Scope* di bawah skop "Pengurusan Pengumpulan, Penyuntingan, Penerbitan dan Penyampaian Berita Ehwat Semasa akan dilaksanakan oleh *Intertek Certification International Sdn Bhd* pada bulan Februari 2014 bagi tujuan penyambungan sijil. Tempoh sah sijil sejak dari 26 Mac 2011 hingga 25 Mac 2014.

Pengiktirafan sijil MS ISO 9000 di Seksyen Berita Radio bermula sejak tahun 2000 dan berjaya mengekalkan persijilan tersebut sehingga sekarang sehingga 13 tahun berturut-turut. RTM turut berbangga kerana ia merupakan satu-satunya stesen penyiaran di rantau ini yang mendapat pengiktirafan standard MS ISO 9001:2008 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi mewujudkan SPK dalam organisasi untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan memenuhi kehendak pelanggan.



Ketua Pengarah Penyiaran menyerahkan dokumen MS ISO 9001:2008 kepada Pengarah Berita Ehwat Semasa.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Berita Asia CRI-RTM.



Lawatan KSN Ke Bilik Gerakan Pilihan Raya RTM Angkasapuri.

## Bahagian Perkhidmatan Muzik

Perkhidmatan Muzik RTM merupakan antara nadi penting memainkan peranan menggerakkan industri hiburan tanah air. Sejak awal kewujudannya perkhidmatan muzik ini banyak membantu menaikkan imej RTM sendiri bahkan juga turut melahirkan ramai bakat baharu dalam bidang muzik dan nyanyian di samping merencanakan lagi program-program yang disiarkan di radio dan Televisyen.

Orkestra RTM, merupakan produk utama bahagian ini selain Kombo RTM yang terdapat di Ibu Pejabat, Angkasapuri dan beberapa radio negeri. Kewujudan Orkestra RTM menjadikan RTM sebagai satu-satunya badan penyiar yang mempunyai pasukan pemuzik yang berbakat dan profesional untuk menggerakkan industri muzik dan hiburan tanah air. Bahkan namanya harum di negara-negara jiran.

Usaha untuk menggerakkan misinya "Merakyatkan Orkestra" kepada semua lapisan masyarakat berjaya dilaksanakan; apatah lagi permintaan daripada pelbagai pihak terhadap persembahan Orkestra RTM dan Kombo RTM sentiasa meningkat. Ini dipergiatkan lagi melalui program Merentas Kampus dan Merentas Kampung. Jadual di sebelah menunjukkan bilangan penglibatan aktiviti orkestra RTM bagi tahun 2013.

Jadual: Bilangan penglibatan Aktiviti orkestra RTM bagi tahun 2013.

BIL	AKTIVITI	DENGAN KERJASAMA	BILANGAN
1.	Konsert	Bahagian Program TV	81 pertunjukan
2.	Konsert	Bahagian Program Radio	6 program
3.	Merentas Kampus	Universiti	2 program
4.	Merentas Kampung	Penduduk	6 program
5.	Majlis Diraja dan Majlis Khas	Kerajaan Negeri	28 program
6.	Acara rasmi	Kementerian dan Jabatan	10 program
7.	Penjurian dan Penghakiman	Pelbagai Pihak	18 pertandingan

Sumbangan kepakaran mereka dalam perkhidmatan muzik khususnya melalui Orkestra dan Kombo RTM dalam program-program yang dianjurkan oleh agensi kerajaan dan swasta lainnya bukan sahaja dapat menaikkan imejnya malah juga imej RTM secara keseluruhannya.



Menteri KKMM bersama-sama memotong kek Ulang Tahun Jubli Emas TV Malaysia.



Orkestra RTM dipimpin oleh Jimmy Ali membuat persembahan semasa Ulang Tahun Jubli Emas TV Malaysia.

### Bahagian Pemasaran dan Promosi

Sejak Unit Jualan Antarabangsa ditubuhkan pada bulan Mac 2009 di bawah Bahagian Pemasaran dan, ia telah menerokai secara menyeluruh pasaran global. Antara rancangan antarabangsa yang dilaksanakan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

**i. BROADCAST ASIA 2013**

Tarikh : 18 – 21 Jun 2013

Tempat : Marina Bay Sand, Singapore.



ii. **CATCH ASIA MEDIA NETWORK**

Tarikh : 05 – 06 September 2013  
Tempat : Tokyo, Japan.



iii. **KONVENSYEN PASARAN TV & FILEM ANTARABANGSA (MIPCOM) 2013**

Tarikh : 07 – 10 Oktober 2013  
Tempat : Cannes, Perancis.



### Bahagian Media Digital Interaktif

Media Digital Interaktif berperanan merintis dan meneroka potensi pembangunan kandungan dalam kepelbagaian teknologi menerusi media baharu untuk televisyen dan radio RTM serta platform lain di bawah Projek Penyiaran Digital Nasional.

Platform ini memudahkan capaian dalam talian (internet) menerusi laman sesawang RTM untuk memaksimumkan jangkauan khalayak, mengembangkan pelaksanaan sistem e-Kerajaan dan seterusnya bersedia dengan cabaran teknologi ICT serta inovasi kandungan.

Jadual di bawah menunjukkan pelaksanaan aktiviti bagi seksyen digital, aplikasi (ICCC), RTM *online* dan aplikasi ICT (SAICT) bagi tahun 2013.

Jadual: Pelaksanaan aktiviti bagi seksyen digital, aplikasi (ICCC), RTM *online* dan aplikasi ICT (SAICT) bagi tahun 2013.

BIL	SEKSYEN	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Digital	Inovasi Galaksi Muzik RTM; Gabungan siaran TV Muzik Aktif dan Radio Muzikfm.	Pelaksanaan empat fasa Galaksi Muzik RTM.
2.	Aplikasi (ICCC)	Pembangunan aplikasi interaktif & kreatif untuk siaran TV digital & radio serta pelbagai platform	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rakaman dan muat turun video sidang parlimen ke portal Myklik sebanyak 271 jam (23/9-18/12);</li> <li>2,086 arahan seni, reka letak dan reka bentuk banner RTM Online.</li> </ul>

BIL	SEKSYEN	AKTIVITI	PENCAPAIAN
3.	RTM Online	Menyebarkan maklumat mutakhir menerusi laman korporat RTM.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan laman Khas streaming seperti Pilihanraya Umum 2013, RTM Parlimen dan Bajet 2013;</li> <li>Pengiktirafan 5 Bintang oleh MAMPU.</li> </ul>
4.	Aplikasi ICT (SAICT)	Pembangunan sistem eTempahan untuk enam (6) modul; tempahan bilik mesyuarat, kenderaan, OB Van, Auditorium, bilik suntingan/transfer dan studio.	Peluasan Sistem eTempahan ke RTM Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Melaka, Sarawak, Perak, Langkawi, Perlis dan Kedah.



## Bahagian Perhubungan Raya (BPR)

Bahagian Perhubungan Raya atau juga dikenali sebagai Bahagian Komunikasi Korporat melaksanakan tugas antara lain sebagai perantara jabatan dengan pihak luar yang secara terus bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Penyiaran. Ia juga bertindak sebagai Urus setia bagi pengendalian mesyuarat-mesyuarat penting jabatan seperti Mesyuarat Direktorat di samping terlibat secara langsung dalam menguruskan acara-acara penting jabatan dan yang melibatkan Ketua Pengarah Penyiaran serta pengurusan Direktorat dari semasa ke semasa.


Seksyen-seksyen dalam BPR iaitu Seksyen Perancangan dan Pengurusan Acara, Seksyen Pengurusan Direktorat dan Sekretariat, Seksyen Perhubungan Media dan Publisiti serta Seksyen Aduan dan Perhubungan Awam banyak membantu jabatan dalam menggerakkan aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Prestasi pelaksanaan aktiviti BPR bagi tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual: Prestasi pelaksanaan aktiviti BPR bagi tahun 2013.**


BIL	AKTIVITI	PRESTASI
1.	Mesyuarat Direktorat	33 kali
2.	Acara sidang media, majlis MoU, konsert khas dan sebagainya.	90 acara
3.	Menerima lawatan orang awam / pertubuhan/IPTA/IPTS	230 lawatan / seramai 10,195 pengunjung
4.	Kunjungan hormat	6 kunjungan
5.	Penghantaran artikel kepada akhbar dan media sosial	214 penulisan dihantar, 365 diguna/dicetak.
6.	Penerima aduan dan respons dalam tempoh yang ditetapkan.	538 aduan
7.	Forum bertemakan kemerdekaan dan integriti	2 kali
8.	Aktiviti di Lokasi untuk mendekatkan RTM kepada orang ramai.	4 aktiviti

Carta-carta di bawah menunjukkan jumlah kekerapan keluaran penulisan artikel di media cetak dan media baharu sepanjang tahun 2013.

**Carta: Jumlah kekerapan keluaran penulisan artikel di media cetak sepanjang tahun 2013.**



**Carta: Jumlah kekerapan keluaran penulisan artikel di media baharu sepanjang tahun 2013.**



Kunjung Hormat Delegasi Universiti Tun Abd Razak kepada Ketua Pengarah Penyiaran adalah antara aktiviti yang diselenggarakan oleh BPR.

## Pencapaian RTM dalam 2013

Dalam 2013, RTM menerima 20 anugerah, dua daripadanya di peringkat antarabangsa, iaitu „Program kanak-kanak, “ / Got It” sempena Majlis *National Science Festival Europe* 2013 di Munich, Jerman dan *Asia Pacific Broadcasting* atau *ABU Prizes* dalam penerbitan jingle radio semasa Perhimpunan Agung ABU di Hanoi, Vietnam.

Anugerah besar dalam negara ialah Anugerah VAT 69, Anugerah Pingat Kedaulatan Negara dalam Peristiwa Lahad Datu, Anugerah Khas Media Agrotek dan Agro Jurnal Anugerah Khas Program TV SPRM dan Anugerah Gurindam terbaik “Aur dan Tebing” diterima oleh Radio Klasikfm.

RTM turut memenangi sembilan pertandingan termasuklah Juara Kibar Jalur Gemilang Bangunan Kerajaan dan Pertandingan Keceriaan Merdeka 2013 Peringkat Kebangsaan Kategori Bangunan Kerajaan oleh RTM Melaka, memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga dalam K.I.K. kategori teknikal. RTM juga mendapat pengiktirafan 5 bintang oleh MAMPU bagi laman korporat RTM.

Dalam pertandingan dalam bidang lakonan pula, RTM memenangi tiga kategori Anugerah Lawak Warna ASTRO dan dua kategori dalam Anugerah Skrin 2013.

RTM juga mendapat pengiktirafan 5 bintang oleh MAMPU bagi laman korporat RTM.

### Kakitangan RTM kreatif

Tempat pertama cipta logo sambutan hari kemerdekaan.



Noor Hishamudin Omar memenangi tempat pertama cipta Logo Sambutan Hari Kemerdekaan ke-56.

Tempat pertama cipta logo Kementerian Komunikasi dan Multimedia.



Mohd Hairi Atan memenangi tempat pertama cipta logo Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

## JABATAN PENERANGAN MALAYSIA (JAPEN)

Tahun 2013 menyaksikan Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) masih mengekalkan Penghayatan Gagasan 1Malaysia sebagai program induk pemasaran maklumat Kerajaan. Cabaran dan kepesatan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) turut mengubah pendekatan dan strategi pemasaran maklumat berkaitan dasar dan pendirian Kerajaan. Tahap pendidikan rakyat yang semakin tinggi, pola pemikiran yang kritis serta aksesibiliti maklumat melalui pelbagai sumber, memerlukan pendekatan dan strategi pemasaran yang komprehensif.

JaPen bertindak sebagai agen pemasaran maklumat Kerajaan melalui dua jenis teras perkhidmatan iaitu penerangan strategik dan perhubungan awam. Menerusi penerangan strategik, JaPen memperluaskan program komunikasi dan pembangunan masyarakat dalam komuniti serta menjalankan kempen melalui pendekatan gerak saraf dan pengurusan isu.

JaPen juga sangat mementingkan pengurusan media yang berkesan agar imej JaPen terpelihara serta promosi dan publisiti dapat dijalankan dengan meluas. Penyelarasan aduan awam dan pengurusan krisis yang sistematik turut menjadi teras perkhidmatan JaPen. Untuk tujuan itu juga, jaringan komunikasi turut dimantapkan dengan penggunaan media sosial serta penyelidikan dan kajian pendapat awam bagi melakukan pemantauan media yang lebih berkesan selain meneruskan penerbitan bahan bercetak mengenai dasar Kerajaan serta kempen komunikasi secara visual agar mesej Kerajaan dapat disampaikan dengan berkesan.

### Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13)

Tahun 2013 menyaksikan pemantapan dan pengukuhan fungsi JaPen melalui pelbagai aktiviti dan peristiwa besar di peringkat JaPen, Kementerian mahupun di peringkat nasional. Pada Mei 2013 telah berlangsung PRU13 dan JaPen telah memberi sumbangan besar dalam membantu Kerajaan melaksanakan proses PRU tersebut.

Semasa tempoh sebelum berlangsungnya PRU13, JaPen telah bertindak dalam menyediakan Bilik Gerakan Pilihan Raya di seluruh negara. Sebagai Jabatan yang berperanan menjadi 'mata dan telinga' Kerajaan, Bilik Gerakan ini diwujudkan untuk membantu JaPen melaksanakan tugas lapangan, risikan dan pemantauan melalui gerak saraf dan perang saraf. Hasil daripada itu, satu analisis reaksi awam dan pelaporan isu lapangan disediakan bagi memudahkan penyediaan laporan awal kepada pihak berkepentingan mengenai isu-isu semasa pilihan raya.

Laporan yang dikemukakan akan dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan kepada stakeholder dalam menambah baik

dasar atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Hasil daripada pemantauan tersebut juga dapat membantu JaPen dan Kerajaan untuk menyampaikan maklumat timbal balas yang lebih sahih bagi menjawab sebarang tohmahan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, aktiviti-aktiviti penjelasan mengenai isu semasa pilihan raya turut dipergiatkan lagi melalui aktiviti-aktiviti JaPen untuk meraih sokongan rakyat Malaysia. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan sebelum PRU13 berlangsung ialah aktiviti melibatkan Komuniti 1Malaysia (K1M) peringkat negeri, daerah dan komuniti, Penghayatan 1Malaysia, Ceramah, Syarahan Berencana, Forum Jati Diri, Kembara Jalinan Kasih, Kenali Jiran dan Konsert PENTARAMA.



Penyampaian sumbangan kepada penduduk setempat semasa Program Khidmat Komuniti Bersama PLKN di Negeri Sembilan.



Forum Jati Diri yang dilaksanakan di Kuching, Sarawak.



Forum Jati Diri yang dilaksanakan di Jelutong, Pulau Pinang.



Persembahan Kompang Berirama 1Malaysia semasa Program Kenali Jiran Kita Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Aktiviti-aktiviti seperti Ceramah 1Malaysia, Sembang Warung, Sepakat 1Malaysia, Pemimpin Bersama Rakyat, tinjauan atau lawatan rumah ke rumah dan lain-lain aktiviti turut dilaksanakan untuk membentuk pemikiran dan meningkatkan

kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan di samping menjayakan Gagasan 1Malaysia turut dipergiatkan sebelum berlangsungnya PRU13.

Selain Bilik Gerakan Pilihan Raya, JaPen turut bertanggungjawab menyediakan Pusat Pengurusan Media di seluruh negara bagi memudahkan pihak media mendapatkan maklumat-maklumat terkini, tepat dan sahih serta memudahkan aktiviti pengurusan Sidang Media.



Pusat Pengurusan Media.

Selepas PRU13, JaPen meneruskan kesinambungan fungsi dan aktiviti yang dirancang dengan mengadakan pelbagai aktiviti berbentuk sederhana dalam memperjelaskan isu-isu dan perancangan serta dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat.

## Pemasaran dan Promosi Dasar Negara Melalui Media Sosial

Pada tahun 2013, JaPen memantapkan dan memperluaskan lagi peranannya sebagai agen pemasaran maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan melalui aktiviti bersemuka dan secara maya bagi mempertingkatkan lagi kesedaran, kefahaman, semangat perpaduan serta sokongan padu rakyat atas segala dasar, falsafah dan wawasan Kerajaan.

JaPen berjaya memfokuskan pemasaran dan promosi dasar negara dengan agresif secara maya melalui media sosial seperti Facebook, YouTube, Twitter dan Blog. Sehingga Disember 2013, JaPen telah berjaya mengendalikan 29 blog secara aktif dan berterusan serta menerbitkan sebanyak 311 artikel melalui blog-blog tersebut. Facebook JaPen pula telah mencapai seramai 43,850 orang ahli. Seiring itu juga, sebanyak 1,614,717 tweet telah berjaya disebarkan melalui akaun Twitter dan 127 video telah dimuatnaik ke laman sosial YouTube. Pelbagai aktiviti pemantauan dan rebuttal dilakukan di media sosial berkaitan isu-isu semasa seperti *Goods and Services Tax* (GST), Rasionalisasi Subsidi, Provokasi Agama dan Kaum serta Sistem Pentaksiran Pelajar Berasaskan Sekolah (SPPBS).



Page Facebook JaPen.



Contoh info yang dipaparkan dalam twitter JaPen.

Usaha JaPen memasarkan maklumat melalui media siber terus dimantapkan lagi melalui Portal 1Klik [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my) dengan hits pengunjugnya sehingga 31 Disember 2013 mencapai sejumlah 6.2 juta hits. Portal ini terus dimantapkan kandungannya dengan memuatkan pelbagai maklumat semasa selaras dengan objektifnya sebagai "Gerbang Maklumat Rakyat" dan "rujukan dihujung jari".



Kepekaan dan komitmen terhadap kepentingan peranan media siber ini dibuktikan oleh JaPen melalui penglibatan bersama dengan Malaysia Social Media Chambers dalam penganjuran Malaysia Social Media Week yang telah diadakan pada 26 Februari hingga 3 Mac 2013 di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Kemuncak kepada program Malaysia Social Media Week tersebut adalah Taklimat Bersama Jeremy Wallenberg, Pakar Strategi Media Sosial Presiden Amerika Syarikat bagi berkongsi pengalaman mengenai pendekatan dan strategi penggunaan media sosial oleh Presiden Barack Obama semasa kempen pilihan raya Presiden di Amerika Syarikat yang mengekalkan beliau sebagai Presiden Amerika Syarikat bagi penggal kedua.



Sesi bersama *Strategies Media Sosial* Jeremy Wallenberg di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

### Pemasaran dan Promosi Dasar Negara Secara Bersemuka

Aktiviti mempertingkatkan semangat cintakan negara dan memperkukuhkan nilai-nilai jati diri di kalangan masyarakat termasuk golongan belia terus dilaksanakan pada tahun 2013 seperti Kibar Jalur Gemilang, Kelab 1Malaysia, Keceriaan Kemerdekaan, Program Latihan Khidmat Negara, Pewaris Muda, Rukun Negara dan Ceramah 1Malaysia bersama Jabatan Latihan Khidmat Negara.

Program dalam bentuk pertandingan yang bertujuan menarik golongan muda seperti Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia dan Pidato 1Malaysia turut dianjurkan di setiap negeri. Kemuncak kepada pertandingan tersebut ialah pelaksanaan di peringkat kebangsaan yang mana Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 14 September 2013 di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sabah. Bagi tahun 2013, jumlah penyertaan peserta pelbagai kaum bagi Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia Peringkat Negeri adalah seramai 245 orang manakala bagi Peringkat Kebangsaan pula adalah seramai 42 orang.



Antara persembahan peserta Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia Peringkat Kebangsaan.



Para pemenang Pengisahan Kenegaraan 1Malaysia Peringkat Kebangsaan bergambar bersama Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Manakala Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 28 hingga 29 September 2013 di Dewan Berlian, Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu. Kedua-dua majlis ini telah disempurnakan oleh Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM. Bagi tahun 2013, penganjuran Pertandingan Pidato 1Malaysia ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 389 orang peserta berbanding 273 orang peserta pada tahun 2012. Pecahan penyertaan kaum tahun 2013 adalah seramai 161 orang kaum Cina, 173 orang kaum India dan lain-lain kaum pula adalah seramai 55 orang.



Salah seorang peserta Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan.



Para pemenang Pertandingan Pidato 1Malaysia Peringkat Kebangsaan bergambar bersama Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Pada tahun 2013 juga, bersempena sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan negara ke-56, JaPen telah diberikan tanggungjawab untuk menerajui Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 16 Ogos 2013 di Dataran Zero, Sungai Petani, Kedah. Antara tujuan utama program ini ialah untuk meningkatkan semangat patriotisme dan rasa cintakan tanah air di kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa serta menyemai rasa cinta dan sayang pada Jalur Gemilang selain memeriahkan lagi suasana sambutan bulan kemerdekaan di seluruh negara.





Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kebangsaan.

JaPen juga telah menganjurkan Program Keceriaan Bulan Kemerdekaan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan serta penghormatan kepada rakyat Malaysia sama ada secara individu mahupun organisasi yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi dalam menyemarakkan sambutan hari kemerdekaan negara. Pada tahun 2013, sebanyak 86 penyertaan telah diterima untuk menyertai Pertandingan Keceriaan Merdeka 2013. Majlis Penghargaan dan Penyampaian Anugerah Keceriaan Merdeka 2013 telah diadakan di Hotel JW Marriott, Putrajaya pada 23 Oktober 2013 dan dirasmikan oleh Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek, Menteri KKMM.



Para pemenang Pertandingan Keceriaan Merdeka 2013.

JaPen juga meneruskan kesinambungan hubungan kerjasama dengan pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara dengan penglibatan dalam program ceramah di 80 kem PLKN seluruh negara yang melibatkan penyertaan seramai 73,800 orang pelatih. Antara lain tujuan program ini diadakan ialah untuk memperkasa dan menyemai semangat cintakan negara dalam kalangan para pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara.

Kelab 1Malaysia juga merupakan antara usaha-usaha JaPen dalam meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan remaja, khususnya pelajar sekolah menengah. Kelab ini berkonsepkan kegiatan bersepadu secara perkongsian pintar (*smart partnership*) antara JaPen dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan ditubuhkan di sekolah menengah sebagai satu kegiatan ko-kurikulum pelajar. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 55 Kelab 1Malaysia berjaya ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia. Setiap tahun sekolah-sekolah yang mempunyai Kelab 1Malaysia akan menyertai dua program utama yang dilaksanakan pada peringkat Negeri iaitu Program Khemah Kerja Kelab 1Malaysia dan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Kelab 1Malaysia.

## Hub Maklumat Kerajaan

Pusat Maklumat Rakyat (PMR) merupakan hub maklumat yang beroperasi di setiap Pejabat Penerangan Daerah dan berperanan sebagai *focal point* maklumat kepada masyarakat. Melalui Portal 1Klik, PMR juga berperanan sebagai data bank maklumat yang menyimpan pelbagai maklumat yang boleh diakses oleh pengguna apabila mereka hadir ke PMR. Kewujudan dan peranan PMR telah meningkatkan penglibatan JaPen dengan lebih bertanggungjawab kepada masyarakat tempatan dalam konteks penyebaran maklumat yang memenuhi keperluan mereka. Selain itu juga ia dapat menyokong pemasaran maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan di peringkat lapangan dan membantu meningkatkan sistem penyampaian maklumat kepada masyarakat. Pada tahun 2013, purata jumlah pengunjung PMR yang direkodkan adalah seramai 106,785 orang.

Pemantapan peranan JaPen sebagai hub maklumat Kerajaan turut dipergiatkan dan diperkemas lagi melalui kaedah penerbitan. Bagi tahun 2013, JaPen telah menerbitkan 28 buku berkala dengan edaran sebanyak 287,730 naskah. Manakala sejumlah 87 penerbitan buku tidak berkala telah diterbitkan dengan kuantiti edaran sebanyak 7 juta naskah. Penerbitan tidak berkala lebih tertumpu kepada konteks umum mengenai kenegaraan, dasar-dasar negara serta penerbitan melibatkan sesuatu majlis atau peristiwa. Buku eksklusif atau *coffee table book* berkualiti tinggi turut diterbitkan dan antaranya ialah Hadiah PM Najib Untuk Rakyat, Antologi Seribu Sajak Merdeka dan Kabinet 1Malaysia : Mengimbas Kembali Tadbir Urus Kabinet.

Pada tahun 2013, penerbitan eksklusif Buku Antologi Seribu Sajak Merdeka telah disempurnakan pelancarannya oleh Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM pada 19 September 2013 di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya. Buku ini adalah koleksi antologi sajak dengan 1,424 halaman yang memuatkan lebih seribu karya sajak oleh 519 rakyat Malaysia termasuk Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak (Sajak Negawaran Merdeka).




Menteri KKMM melancarkan Buku Suara Kita: Antologi Seribu Sajak Merdeka pada 19 September 2013 di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Antara penerbitan berkala yang telah diterbitkan sepanjang tahun 2013.

Buku-buku terbitan JaPen juga dipermudahkan capaian secara dalam talian melalui e-Book dan d-Book yang boleh dimuat turun melalui Portal 1Klik dan laman sesawang JaPen. Sehingga Disember 2013, sebanyak 267 tajuk penerbitan d-Book dan 55 tajuk e-Book telah dimuatnaik, manakala sebanyak 113,754 penerbitan d-Book dan 71,937 e-Book pula telah dimuat turun. Tiga tajuk penerbitan bahan-bahan maklumat rasmi kerajaan dalam bentuk audio visual dengan kuantiti sebanyak 7,300 unit seperti cakera padat (VCD/CD) untuk kegunaan rujukan orang awam juga telah dilaksanakan.



Contoh Penerbitan d-Book.

Pameran melalui komunikasi kreatif juga merupakan antara saluran pemasaran maklumat yang digunakan oleh JaPen. Sepanjang tahun 2013, JaPen telah berjaya melaksanakan sebanyak 76 pameran iaitu 15 Pameran Bersepadu dan 61 Pameran Tidak Bersepadu. Antara pameran yang mendapat sambutan dan penghargaan daripada para pengunjung ialah Pameran Hari Kemerdekaan Ke-56 pada 28 Ogos hingga 8 September 2013 di KL Sentral, Kuala Lumpur. Pameran-pameran lain seperti Pameran Bajet 2014, Pameran Kenali ASEAN, Pameran 1Malaysia dan sebagainya turut diadakan dari semasa ke semasa.

Khidmat kepakaran JaPen yang diiktiraf bukan sahaja dalam bidang penerbitan, malahan juga dalam bidang pengurusan media, komunikasi kreatif dan fotografi serta penyediaan dan pengendalian alat siar raya bagi program nasional antaranya Majlis Penyampaian Pingat Kedaulatan Negara, Kempen Kibar Jalur Gemilang, Pengisahan Kenegaraan, Pidato 1Malaysia, Hari Penerangan Kebangsaan 2013 dan juga program Jalinan Kasih di peringkat negeri. Kepakaran JaPen ini turut diiktiraf bagi program-program yang melibatkan KKMM, Jabatan Perdana Menteri, Istana Negara dan lain-lain agensi Kerajaan.



Pameran Hari Kemerdekaan Ke-56 di KL Sentral.



Perkhidmatan paparan luar.



Perkhidmatan fotografi JaPen.



Perkhidmatan komunikasi kreatif.

## Jaringan Komunikasi Strategik

Sebagai agen perubahan di peringkat akar umbi, JaPen masih meneruskan aktiviti secara bersemuka dan dalam format *focus group*. Antara orientasi aktiviti bersemuka utama yang dilaksanakan oleh JaPen pada tahun 2013 ialah pemantapan dan perluasan Komuniti 1Malaysia (K1M) yang bertindak sebagai 'mata dan telinga' JaPen di peringkat lapangan bagi perkara-perkara berbangkit mengenai isu-isu semasa dan juga untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti 'titik sentuhan' (*touch point*) berkonsepkan gotong-royong.

Sehingga tahun 2013, sebanyak 1,216 K1M telah ditubuhkan dengan keahlian anggota dari pelbagai kaum dan menggabungkan K1M Bukan Melayu iaitu masyarakat Cina, India dan lain-lain selaras dengan Gagasan 1Malaysia. Jumlah penubuhan K1M mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

Jadual : Jumlah penubuhan K1M mengikut negeri bagi tahun 2013.

NEGERI	JUMLAH PENUBUHAN K1M
Perlis	34
Kedah	94
Pulau Pinang	80
Perak	90
Selangor	68
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	49
Negeri Sembilan	70
Melaka	29
Johor	117
Pahang	103
Terengganu	86
Kelantan	99
Sarawak	153
Wilayah Persekutuan Labuan	14
Sabah	130
<b>Jumlah</b>	<b>1,216</b>

JaPen turut mengadakan jaringan komunikasi strategik dengan pihak media melalui program-program bersifat mesra media. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 15 program Mesra Media telah dilaksanakan di seluruh Jabatan Penerangan Negeri; antaranya Majlis Mesra Media Sempena Pelancaran Pusat Media PRU-13 di Pulau Pinang, Lawatan Mesra Media di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pertandingan Bowling Bersama Media di Kedah, Perlis, Perak dan sebagainya.

## Inisiatif Kualiti

Usaha peningkatan kualiti dan inovasi JaPen pada tahun 2013 masih lagi menjurus kepada penggalakan pembangunan kreativiti dalam kalangan warganya. Matlamat tersebut dapat dilihat apabila JaPen meneruskan pertandingan Anugerah Inovasi bersempena dengan sambutan Hari Inovasi JaPen bagi tahun 2013 yang telah diadakan pada 12 Disember 2013 di Lotus Desaru, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor.

Sebanyak 15 Anugerah Inovasi telah dipertandingkan dengan tujuan memberi pengiktirafan dan menggalakkan amalan terbaik dilaksanakan dalam kalangan warga JaPen serta meningkatkan *standard* profesionalisme pegawai dalam penyampaian perkhidmatan pemasaran maklumat Kerajaan.



Para pemenang Anugerah Inovasi 2013 bergambar bersama Menteri KKMM.

Tahun 2013 juga merupakan tahun yang mana JaPen meneruskan usaha untuk memastikan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 bagi skop Pemasaran Maklumat Mengenai Dasar-Dasar Kerajaan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. selaku badan pensijilan telah mengadakan audit pematuhan di Ibu Pejabat JaPen Putrajaya pada 1 dan 2 Julai 2013. Berdasarkan rumusan pengauditan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd., maka JaPen telah berjaya diperakukan pensijilan semula berkuatkuasa mulai 4 September 2013 hingga 29 Julai 2016.



Majlis Penyampaian Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 JaPen.

## Pemantapan Aspek Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Selain memberi tumpuan serius ke atas pemantapan dan perluasan ke atas aktiviti pemasaran maklumat sebagai perkhidmatan teras, JaPen juga memberikan perhatian yang serius dalam aspek pengurusan organisasi dan pembangunan sumber manusia.

JaPen juga sentiasa memastikan setiap warganya diberi latihan dan pendedahan bagi peningkatan potensi dan kompeten diri dalam tugas seharian. Setiap kakitangan juga dipastikan telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun sepertimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 : Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Sebagai usaha untuk memantapkan lagi peranan JaPen dalam memasarkan maklumat dan dasar-dasar Kerajaan kepada orang awam, inisiatif pemantapan *Subject Matter Expert* (SME) JaPen turut dipergiatkan. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan mengadakan Bengkel Penceramah pada 21 hingga 24 Oktober 2013 di Kuala Lumpur International Hotel yang melibatkan Pegawai Seranta Tabung Darah Gred S27 hingga Gred S38.

Selain itu, kemahiran dari segi penulisan turut dimantapkan memandangkan pemasaran maklumat Kerajaan tidak hanya terhad melalui aktiviti ceramah sahaja. Penganjuran Bengkel Penulisan turut dilaksanakan bagi meningkatkan teknik-teknik persembahan penulisan yang berkesan dengan menggunakan gaya bahasa yang bersesuaian.

JaPen dalam usaha untuk memartabatkan profesion perhubungan awam dengan mengambil inisiatif menggalakkan Pegawai Perhubungan Awam (PPA) JaPen mendapatkan akreditasi daripada Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM). Melalui akreditasi tersebut PPA JaPen akan mendapat pengiktirafan profesional yang selayaknya.

JaPen turut memperkemas dan memantapkan lagi kemahiran warganya termasuk di kalangan PPA dalam kemahiran menguasai media sosial dari aspek mewujudkan, mengendali, memantau, menyediakan dan aktiviti rebuttals melalui media siber. Antara kursus yang telah dilaksanakan ialah Kursus Media Sosial pada 20 hingga 22 Februari 2013 dan Bengkel Panglima Siber pada 17 hingga 20 September 2013. Objektif kursus adalah bertujuan untuk mengaplikasikan pengetahuan berkaitan teori dan komunikasi serta meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi komunikasi maklumat dengan berkesan di kalangan warga JaPen termasuk PPA.

Selain itu, program penempatan PPA di agensi media terus dilaksanakan bagi memberi pendedahan dan pengalaman serta mengeratkan lagi hubungan dengan pihak media. Pada tahun 2013, seramai 10 orang pegawai telah dihantar untuk program attachment di News Straits Times, Utusan Malaysia, Utusan Melayu (Johor), The Star, Berita Harian dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Aktiviti pengukuhan hubungan di kalangan warga JaPen turut dilaksanakan pada tahun 2013 dengan menganjurkan Hari Penerangan Kebangsaan 2013 yang telah diadakan pada 11 hingga 14 Disember 2013 di di Lotus Desaru, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor. Majlis Perasmian Hari Penerangan Kebangsaan telah diadakan bersekali dengan sambutan Hari Inovasi 2013 JaPen dan telah disempurnakan oleh Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM pada 12 Disember 2013.



Majlis Perasmian Hari Penerangan Kebangsaan oleh Menteri KKMM.

Sambutan Hari Penerangan Kebangsaan ini merupakan acara kali kedua dianjurkan oleh JaPen sejak tahun 2011. Ianya bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan persefahaman serta semangat kerja berpasukan dalam kalangan anggota JaPen selain mendekati masyarakat melalui program-program khidmat komuniti. Melalui program ini juga, warga JaPen dapat diberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai isu-isu semasa melalui majlis penerangan dan perkongsian ilmu. Dalam usaha menghargai khidmat bakti warga JaPen, program ini turut mengendalikan satu majlis khas yang menghimpunkan pesara-pesara JaPen bagi mengukuhkan silaturrahim. Seramai 107 pesara telah hadir ke program ini.



Majlis Wira Tak Dicanang bagi meraikan pesara-pesara JaPen.

## JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)

JASA komited melaksanakan pelbagai program semenjak penubuhannya pada tahun 1960 sehingga kini.

Melalui motto, "Memimpin Pendapat Rakyat", jabatan ini begitu yakin mengorak langkah dalam merencana misi mengukuhkan kestabilan politik negara berbekalkan sokongan padu rakyat jelata.

Visi JASA adalah menjadi sebuah Jabatan yang unggul dalam mempertingkatkan kesedaran, kefahaman dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan melalui Gagasan 1Malaysia serta berteraskan prinsip Rukun Negara.

Sepanjang tahun 2013, JASA telah melaksanakan pelbagai aktiviti berserta program-program baru. Antaranya Program Bual Bicara - Bicara Rakyat, Program berbentuk titik sentuhan - Prihatin 1Malaysia, Komuniti Sihat 1 Malaysia, Penubuhan Kumpulan Rakan Siswa Malaysia (KARISMA) selain program berbentuk forum iaitu Wacana Ilmuan Negara (WINNER) dan sebagainya. Objektifnya jelas, untuk menyelaras persiapan dan strategi kerajaan dalam menerajui negara selain menyemarakkan semangat berpasukan bagi menguatkan lagi gagasan 1Malaysia.



Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM menyampaikan plak penghargaan Pengerusi JK Khalayak kepada Dato' Fuad Tan Sri Hassan, Ketua Pengarah JASA sebagai penghargaan kepada komitmen JASA mengumpulkan 50,000 khalayak pada Sambutan Kemerdekaan ke-55 yang diadakan di Stadium Putra Bukit Jalil.

JASA turut melaksanakan aktiviti-aktiviti asasnya seperti mesra jiran, dan Program Gerak Tumpu (PGT). Dalam kebanyakan program yang diadakan itu, pendekatan Perkongsian Pintar turut dilaksanakan melibatkan penglibatan NGO, IPTA/IPTS dan agensi lain selain menyertai serta meganjurkan pameran bertemakan patriotik sama ada berskala kecil dan besar.

### Rapat 1Malaysia

Rapat 1Malaysia merupakan sebuah program yang dirangka untuk memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia yang berbilang kaum mengenai konsep 1Malaysia yang digagaskan oleh Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Objektif program ini adalah untuk:

- Memberi kesedaran kepada rakyat mengenai Gagasan 1Malaysia
- Memupuk dan menyuburkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.
- Menggalakkan generasi muda menghayati konsep 1Malaysia dan cintakan negara.
- Meningkatkan sokongan rakyat terhadap Gagasan 1Malaysia

Program ini diisi dengan pelbagai aktiviti seperti sukan rakyat, demonstrasi dan pertandingan masakan 1Malaysia, pameran patriotik 1Malaysia, seminar, ceramah berkenaan Gagasan 1Malaysia, sumbangan komputer, cabutan bertuah, kuiz dan pelbagai acara lagi yang menarik minat rakyat menyertainya. Bermula penghujung tahun 2011 program Rapat 1Malaysia telah diperluaskan kepada warga pendidik di bawah nama Rapat 1Malaysia Warga Pendidik: Transformasi Pendidikan. Pada tahun 2013 sebanyak 32 program Rapat 1Malaysia telah dilaksanakan di seluruh Negara.



Penglibatan rakyat pelbagai lapisan masyarakat merupakan salah satu objektif utama program Rapat 1Malaysia.



## Jasa Prihatin : Prihatin 1Malaysia

JASA Prihatin atau lebih dikenali sebagai program Prihatin 1Malaysia merupakan program bersifat titik sentuhan. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 89 program Prihatin 1Malaysia dilaksanakan di seluruh Malaysia melibatkan program membaiki kerosakan kecil rumah, sumbangan barangan keperluan dapur kepada penerima yang dikenalpasti, penyampaian *hamper* kepada pesakit-pesakit di hospital, gotong royong dan lain-lain lagi.

JASA dipertanggungjawabkan mengadakan program Prihatin 1Malaysia (membaiki kerosakan kecil rumah) pada setiap perayaan Utama yang diraikan di Malaysia seperti perayaan Deepavali, Hari Raya Aidilfitri, Krismas, Tahun Baru Cina dan Pesta Kaamatan dan lain-lain perayaan.

Antara pelaksanaan program Prihatin 1Malaysia bagi tahun 2013.



**17 FEB 2013**

Program Prihatin 1Malaysia di Kedah, Taman Gemilang Bakar Bata, Alor Setar.



**24 MAC 2013**

Program Prihatin 1Malaysia di Selangor, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Selangor.



**14 APRIL 2013**

Program Prihatin 1Malaysia di Selangor, Kem Sg. Tekali, Hulu Langat, Selangor.

## Kumpulan Rakan Siswa Malaysia (Karisma) JASA

Kumpulan Rakan Siswa Malaysia atau KARISMA merupakan salah satu program utama JASA yang menasarkan generasi muda terutamanya mahasiswa dan mahasiswi di menara gading untuk bersama-sama membina semangat 1 Malaysia demi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat di Negara ini dapat diteruskan. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 42 program KARISMA telah diadakan melibatkan 9,000 penyertaan mahasiswa dan mahasiswi seluruh negara.

KARISMA ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang bermatlamat mengukuhkan semangat cintakan negara di dalam

kalangan pelajar-pelajar universiti. Ia berperanan sebagai sebuah badan penggerak bagi melatih pelajar universiti melalui aktiviti dan program yang berteraskan pembangunan modal insan dan cintakan negara.



## Bicara Rakyat

Program Bicara rakyat merupakan sebuah program wawancara/bual bicara yang telah dijalankan secara kerjasama dengan RTM 1 untuk siaran televisyen dan ditayangkan pada jam 10.00 malam pada setiap hari Jumaat.

Program ini bermatlamat mengenal pasti serta menjawab isu-isu semasa berkaitan politik, ekonomi dan sosial dan agama. Program ini merekod dan menyebarkan maklumat-maklumat penting mengenai isu-isu semasa kepada masyarakat.

Sepanjang tahun 2013, JASA telah melaksanakan 15 Program Bicara Rakyat yang diadakan sama ada secara langsung atau pun rakaman. Antara tajuk-tajuk yang telah dibincangkan dalam program Bicara Rakyat pada tahun 2013 adalah seperti Sabah: Apa Rakyat Dapat?, Pengagihan Kek Ekonomi Negara, Lahad Datu: Ujian Patriotisme Rakyat, Sarawak Melangkah gagah, Siswa dan Politik Menjelang PRU – 13 dan lain-lain lagi yang dilihat mencakupi segenap bidang termasuklah ekonomi, politik, agama, sosial, perundangan dan lain-lain lagi.



Antara panelis dan penonton yang hadir semasa sesi siaran langsung program Bicara Rakyat.

## Wacana Ilmuan Negara (WINNER)

WINNER berfungsi sebagai medan forum kepada golongan pakar dalam pelbagai latar belakang keilmuan dan budaya untuk menentengahkan pandangan dan pemikiran kontemporari. Wacana ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan dialog kemasyarakatan, penyelidikan, politik tempatan dan antarabangsa, elemen agama dan hak asasi manusia kepada masyarakat. Program ini diperkenalkan bermula tahun 2009. Sepanjang tahun 2013 JASA telah melaksanakan sebanyak 30 program WINNER yang dilaksanakan di seluruh Negara.



Antara Panel forum yang dijemput di dalam salah satu program WINNER dengan membincangkan tajuk Ambang PRU13: Senarai Semak Rakyat.

## Pameran

JASA turut aktif menyertai pameran sama ada melalui program-program anjurannya atau pun melalui jemputan daripada agensi luar. Pada tahun 2013 sahaja Unit Pameran JASA telah menyertai 60 jemputan pameran di seluruh negara dengan membawa tema Patriotik 1 Malaysia.

Antara objektif Pameran JASA adalah menjadi penghubung di antara rakyat dan kerajaan dengan menyampaikan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat melalui siri pameran yang disertai mahupun yang dianjurkan oleh JASA sendiri. Pameran-pameran yang disertai oleh JASA lazimnya mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran khalayak yang ramai. Antara pengisian pameran JASA adalah tayangan video, edaran bahan terbitan JASA, kuiz pengetahuan am dan kenegaraan, pendedaran soal selidik mengenai isu-isu setempat serta sesi karaoke 1Malaysia.



Pameran berskala kecil yang di sertai oleh JASA.



Timbalan Ketua Setiausaha KKMM, Dato' Dr. Rothiah Omar bersama Pengarah IPPTAR, Dato' Adilah Chek Omar turut mengunjungi gerai pameran JASA.

## Sambutan Maulidur Rasul 1434H- Malam Cintai Rasul "Kebersihan Itu Sebahagian Daripada Iman"

Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dengan kerjasama UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan (PJS) telah melaksanakan program sempena sambutan Maulidur Rasul 1434H di Perkarangan Pejabat UMNO Bahagian PJS pada 27 Januari 2013. Program bertemakan Malam Cintai Rasul "Kebersihan Itu Sebahagian Daripada Iman" ini bermula seawal jam 8.45 malam. Pada siangnyanya pula aktiviti gotong-royong serta sukaneka turut diadakan.

Tujuan utama pelaksanaan program seperti ini adalah untuk mengeratkan hubungan penduduk setempat dengan pemimpin setempat sekaligus memperlihatkan betapa kasih dan sayang kita kepada Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad S.A.W. Antara intipati program Malam Cintai Rasul adalah perarakan dan selawat dari Pelajar-pelajar Tahfiz dan penduduk sekitar di kawasan berdekatan, persembahan kesenian islam serta alunan Marhaban dari penduduk sekitar. Majlis dihadiri kira-kira 2,000 penduduk sekitar. Penyanyi tersohor negara Mawi turut menghiburkan hadirin.



Antara penduduk sekitar yang menghadiri Sambutan Maulidur Rasul 1434h - Malam Cintai Rasul "Kebersihan Itu Sebahagian Daripada Iman".



Sumbangan Al-Quran kepada madrasah-madrasah dan surau-surau sekitar Lembah Kelang yang terpilih.

## Penyampaian Hamper dan Angpau Sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2013

Bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina, pada 5 Februari 2013, JASA telah menganjurkan program penyampaian hamper kepada pesakit-pesakit di Hospital Columbia Asia Puchong Selangor.

Di dalam program berbentuk titik sentuhan tersebut sebanyak 100 hamper dan angpau telah disumbangkan kepada pesakit-pesakit hospital berkenaan yang disempurnakan penyampaiannya oleh Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri II, KPKK.

Beliau turut diiringi oleh wakil Hospital, En. Kelvin Tan, Chief Executive Officer (CEO), Columbia Asia-Southeast Asia CEO of Columbia Asia - South East Asia serta YBhg. Datuk Abu Talib Bin Harun, Timbalan Ketua Pengarah JASA.

Program ini merupakan salah satu pengisian Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina 2013 (MRTM) yang telah diadakan pada 16 Februari 2013 bertempat di Puchong Utama, Selangor yang disempurnakan oleh Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.



Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri II, KPKK menyampaikan hamper dan angpau kepada pesakit di Hospital Columbia Asia diiringi Datuk Abu Talib Harun, Tim. Ketua Pengarah JASA.

## Aktiviti Kemasyarakatan

Bersempena dengan sambutan Tahun Baru Cina, JASA telah menjalankan aktiviti kemasyarakatan dengan menganjurkan program edaran limau dan angpau pada 8 Februari 2013. Pada kali ini Pasar Pagi, Jalan Wawasan 2, Pusat Bandar Puchong telah dipilih sebagai lokasi edaran limau dan angpau bersempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baru Cina 2013 (MRTM) yang diadakan pada 16 Februari 2013 (Sabtu), di Puchong Utama.

JASA turut mengedarkan limau dan angpau di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) kepada pengguna kenderaan awam untuk pulang ke kampung bagi menyambut perayaan Tahun Baru Cina. Penyampaian disempurnakan oleh Dato' Dr. Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Pelajaran.



Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, KSU KPKK diiringi Dato' Fuad Hassan, Ketua Pengarah JASA dan pemimpin setempat serta wakil-wakil Jabatan dan agensi di bawah KPKK bermesra bersama peniaga dan penduduk sekitar Pasar Pagi, Taman Puchong Utama, Selangor.

## Jasa Prihatin “Bantuan Kemanusiaan Op Daulat 1”

JASA telah mengadakan Program JASA Prihatin “Bantuan Kemanusiaan Op Daulat” bertempat di Pusat Penempatan Embara Budi dan Dewan Sri Kencana, Felda Sahabat 16 bagi meyalurkan bantuan berbentuk sumbangan makanan dan juga keperluan-keperluan lain bagi membantu masyarakat yang terjejas teruk berikutan insiden pencerobohan penganas Sulu di Lahad Datu. Program telah dilaksanakan pada 25 Mac 2013.

Datuk Fuad Tan Sri Hassan, Ketua Pengarah JASA Malaysia bersama Tuan Haji Abd. Manap Bin Lakariba, Pengarah JASA Sabah turut turun bersama-sama pegawai-pegawai JASA lain menyampaikan sumbangan serta berkongsi keperitan penduduk yang ditempatkan di pusat perlindungan tersebut.

Program JASA Prihatin ini dilihat telah mencapai objektifnya bagi mendapatkan gambaran sebenar isu pencerobohan Tanduo dan Op Daulat selain meyakinkan masyarakat setempat dengan keprihatinan pihak kerajaan terhadap nasib penduduk yang terjejas akibat pencerobohan serta memastikan masyarakat setempat terus menyokong usaha kerajaan dalam usaha menamatkan pencerobohan di kawasan Tg. Labian khususnya.

Bantuan turut di sampaikan kepada anggota keselamatan yang bertugas di Balai Cenderawasih, Lahad Datu serta petugas Jabatan Pertahanan Awam di Desa Sri Kencana.



Ramah Mesra..Dato' Fuad Tan Sri Hassan, Ketua Pengarah JASA turut mengedarkan makanan ringan kepada kanak-kanak di Dewan Embara Budi.



Bantuan Kemanusiaan OP Daulat...Dato' Fuad Bin Tan Sri Hassan bersama petugas-petugas JASA Sabah selepas selesai program bersama penduduk setempat di Dewan Embara Budi, Felda Sahabat 16, Lahad Datu.



Keajaiban OP DAULAT...Dato' fuad berkesempatan mendukung seorang bayi lelaki berusia 12 hari yang diberi nama Daulat yang lahir di Dewan Embara Budi.

## Program Malam Kesenian Islam

JASA dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah mengadakan Program Malam Kesenian Islam bertempat di Dewan Sri Budiman, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam pada 12 April 2013 yang melibatkan seramai 1500 penonton yang terdiri daripada mahasiswa mahasiswi daripada IPTA dan IPTS berdekatan termasuklah UiTM sendiri serta penduduk sekitar.

Antara objektif utama program ini adalah menyemarakkan kembali aktiviti Marhaban dan Barzanji kepada golongan belia khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi di pusat-pusat pengajian termasuklah IPTA dan IPTS.

## Kunjungan Mesra Institut Kajian Strategik, Kepimpinan & Komuniti (IKSK), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) ke JASA

JASA telah menerima kunjungan mesra daripada Institut Kajian Strategik, Kepimpinan & Komuniti (IKSK), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) pada 27 November 2013. Seramai 9 orang wakil IKSK UNIMAP yang diketuai oleh Pengarah IKSK, Prof. Madya Dr. Laris Md Noor.

Hasil lawatan tersebut dilihat mampu memberi impak dua hala yang menguntungkan kedua-dua pihak melalui perkongsian maklumat dan kepakaran selaras dengan fungsi institut tersebut yang menjadi penghubung antara UniMAP dan kerajaan negeri Perlis khususnya dan Persekutuan amnya dalam menjayakan program-program transformasi dan inisiatif selain membangun dan melaksana strategi kompetensi bakat kepimpinan universiti.



Pengarah IKSK, Prof. Madya Dr. Laris Md Noor bersama kakitangan IKSK bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah JASA.

## Lawatan JASA ke APMM

Pada 29 September 2013 lalu, IPPTAR dengan kerjasama JASA telah mengadakan sesi lawatan khas ke Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), di Lumut Perak yang mana lawatan tersebut merupakan salah satu modul dalam Kursus Komunikasi Strategik yang diadakan sejak seminggu lalu di IPPTAR. Melalui lawatan ini peserta kursus diberi taklimat mengenai isu-isu keselamatan laut, penerangan mengenai fungsi dan cara pengendalian radar bagi laluan laut, disamping mengenali jenis-jenis kapal yang digunakan bagi tujuan rondaan keselamatan.



Peserta diberi taklimat oleh wakil APMM.

## Program Bicara Khas: Reformasi "Pengalaman Indonesia"

Pada 7 Disember 2013 yang lalu, JASA telah menganjurkan Majlis Makan Malam dan Program Bicara Khas bertajuk "Reformasi: Pengalaman Indonesia" bertempat di Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. Bekas Naib Presiden Indonesia, Tan Sri Try Sutrisno merupakan tetamu undangan khas yang berkongsi pengalaman beliau mengenai reformasi di Indonesia. Turut hadir bersama beliau adalah isteri beliau, Puan Sri Tuti Sutiawati, delegasi, mahasiswa serta wartawan daripada Indonesia yang dijemput khas.

Majlis yang dihadiri seramai 150 tetamu jemputan ini turut dihadiri Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Dato' Dr. Rothiah Omar, Ketua Pengarah JASA, Dato' Fuad Hassan dan Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Sabaruddin Chik.

Dato' Fuad Hassan memberikan ucapan aluan serta menjadi moderator di dalam sesi perkongsian minda dan soal jawab antara audien dan Tan Sri Try Sutrisno. Pelbagai soalan diajukan oleh audien antaranya menyentuh mengenai hubungan sosial Indonesia - Malaysia, perbezaan makna reformasi antara dua buah negara, hak kebebasan media dan lain-lain lagi. Sementara itu, Sutrisno mencadangkan supaya Malaysia dan Indonesia membuat satu kajian yang mendalam tentang perkara yang boleh merapatkan lagi kerjasama antara kedua-dua buah negara.



Tan Sri Try Sutrisno dan Dato' Fuad Tan Sri Hassan di dalam sesi soal jawab bersama audien.



Gambar yang telah memenangi tempat pertama di dalam Pertandingan Gambar Kreatif dan Video Instagram Merdeka 56 yang diterima melalui akaun instagram milik Nur Aliah Fatin Mohd Nizam Ong.

## Pertandingan Instagram Merdeka

Bersempena dengan Sambutan Kemerdekaan ke-56, JASA telah menganjurkan Pertandingan Gambar Kreatif dan Video Instagram Merdeka 56 (#IM56@Instagram Merdeka 56) yang diadakan bermula pada 26 Ogos 2013 sehingga 10 September 2013. Pertandingan adalah terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia.

Dengan membawa tema 'Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku', pertandingan ini diadakan bagi menyemarakkan sambutan kemerdekaan melalui media baharu. Antara objektif pertandingan adalah untuk memaparkan gelagat rakyat Malaysia menyambut hari kemerdekaan selain merakatkan amalan kibaran jalur gemilang di lapangan dan media sosial dan menonjolkan gambaran semangat kemerdekaan dalam kalangan masyarakat di peringkat kampung-kampung dan taman-taman perumahan. Pertandingan tersebut telah berjaya menarik lebih 1000 penyertaan dan diadili oleh juri berpengalaman.

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM di Majlis Penghargaan Sempena Sambutan Kemerdekaan Ke-56 dan Sambutan Jubli Emas Hari Malaysia ke-50 di Hotel Marriot, Putrajaya pada 23 Oktober 2013.



Pemenang Pertandingan Gambar Kreatif dan Video Instagram Merdeka 56 anjuran JASA bergambar bersama selepas menerima hadiah yang disampaikan oleh Menteri KKMM.

## Penerbitan

Selain menganjurkan program, JASA turut aktif sebagai Jawatankuasa Khalayak bagi program-program berskala besar dan kecil anjuran Kementerian serta agensi lain selain menerbitkan buku dan risalah berkenaan dasar-dasar kerajaan untuk tujuan pedaran di seluruh Malaysia. Buku-buku terbitan JASA juga turut dijadikan bahan rujukan di beberapa buah IPTA di seluruh Malaysia.

## Kaji Selidik

JASA turut menjalankan beberapa buah kaji selidik/kajian pendapat awam melalui Bahagian Perancangan Strategik dan Penyelidikan. Antaranya ialah kajian mengenai Penggunaan Kalimah Allah oleh Bukan Islam, Kajian Tahap Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat Malaysia – kajian kerjasama bersama KKMM, Kajian Reaksi Mengenai Bendera Sang Saka, Tuntutan Comango, Penerimaan Terhadap GST, Kebimbangan Awam Terhadap, Perkembangan Jenayah Berat dan Penurunan Harga Kereta.


## Latihan dan Kursus

JASA telah mengadakan pelbagai kursus/latihan secara dalaman untuk meningkatkan kompetensi dan memperkasa pengetahuan pegawai dalam bidang gerak saraf perang saraf. Setiap pegawai JASA perlu mencapai keperluan latihan kursus 7 hari setahun melalui kursus yang dirancang oleh JASA ataupun agensi lain.

Pada tahun 2013, JASA telah menjalankan sebanyak 25 kursus yang melibatkan peruntukan sebanyak RM310,247. Jumlah kursus yang dijalankan adalah 9 kursus generik dan 16 kursus fungsional.

Bagi rekod kehadiran kursus, daripada 1,098 pegawai JASA, sebanyak 992 pegawai (93.4%) telah mencapai keperluan 7 hari berkursus, manakala selebihnya iaitu 106 pegawai (9.66%) menghadiri kurang daripada 7 hari berkursus. Rujuk carta.

**Pencapaian 7 hari berkursus Pegawai JASA bagi tahun 2013.**



### Band D' JASA

Band D' JASA secara rasminya telah ditubuhkan pada tahun 2011. Pelancaran Band D' JASA telah disempurnakan oleh Tan Sri Rais Yatim yang ketika itu merupakan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Band D' JASA terdiri daripada lima orang pemuzik, seorang pengurus dan dua orang penyanyi.

Sepanjang penglibatannya Band D' JASA telah menyertai pelbagai program sama ada yang dianjurkan oleh JASA mahupun mendapat jemputan dari agensi luar. Antaranya program khidmat masyarakat, majlis makan malam, program berbentuk keislaman, pameran serta program-program lain yang dilaksanakan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Sepanjang tahun 2013 Band D' JASA telah mengadakan 23 buah persembahan di seluruh Malaysia.



## JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)

JPDP merupakan agensi di bawah KKMM yang ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Kabinet meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709.

Tanggungjawab utama Jabatan ini ialah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial oleh pengguna data supaya tidak disalah guna dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Keselamatan data peribadi pengguna perlu dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk penyalahgunaan terhadap penyimpanan atau pemprosesan data peribadi individu, awam dan swasta di Malaysia secara transaksi komersial adalah termaktub di bawah APDP.

Dalam menguatkuasakan APDP, JPDP telah mensyaratkan kepada semua golongan pengguna data peribadi yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan untuk berdaftar secara rasmi bagi tujuan melindungi hak-hak pengguna dan awam. Notis Pembatalan Pendaftaran kepada Golongan Pengguna Data akan diambil serta-merta sekiranya ia tidak mematuhi mana-mana peruntukan APDP, syarat atau sekatan, pengeluaran perakuan palsu serta pengguna data telah berhenti menjalankan pemprosesan data peribadi tersebut.

JPDP diketuai oleh Ketua Pengarah yang juga turut dilantik sebagai Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia yang pertama di ASEAN turut dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah. Pejabat Pesuruhjaya merupakan entiti bebas bagi melaksanakan penguatkuasaan Akta 709.

### Pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)

#### • Perundangan-perundangan Subsidiari di bawah Akta 709

Akta 709 telah mula berkuatkuasa sepenuhnya pada tarikh 15 November 2013 melalui pemberitahuan dalam Warta Jabatan Peguam Negara. Pengumuman Pelaksanaan Akta 709 telah diumumkan oleh Dato' Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM pada 26 November 2013. Bagi tujuan melaksanakan Akta ini, Enam Perundangan Subsidiari turut diperkenalkan bagi tujuan seperti berikut:-

1. Penetapan Permulaan Tarikh Kuat kuasa Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)
2. Pelantikan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi 2013
3. Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013
4. Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013
5. Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013
6. Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi Perkhidmatan & Fi Untuk Mengakses Data) 2013

#### • Fasa Pelaksanaan Pematuhan Akta 709

Akta 709 yang telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013 memberi impak yang besar dalam Industri Data Besar di Malaysia. Bagi memudahkan proses peralihan dan penyesuaian pihak industri dengan suasana kawal selia yang baru, Akta 709 telah dan akan dilaksanakan mengikut 3 fasa utama iaitu:

- » **Fasa pertama** – tumpuan kepada aspek pendaftaran golongan pengguna data yang terlibat dan mengadakan program kesedaran umum;
- » **Fasa kedua** – penekanan kepada aspek pematuhan dan penilaian bagi mengukur tahap kesiapan entiti pengguna data bagi membangunkan kod tata amalan dan lain-lain amalan terbaik; dan
- » **Fasa ketiga** – pelaksanaan penuh Akta 709 melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasaan.

#### • Pendaftaran Pengguna Data

Semua Pengguna Data yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan yang dinyatakan dalam **Perintah Golongan Pengguna Data (Golongan Pengguna Data) 2013** wajib berdaftar dan perlu mengambil langkah-langkah perlu untuk memenuhi dan mematuhi Akta ini. Langkah-langkah ini termasuklah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya dalam tempoh **tiga bulan dari tempoh kuatkuasa Akta 709 (15 November 2013 hingga 15 Februari 2014)**.

**Bagi Fasa Pertama Pelaksanaan Akta 709**, melibatkan peruntukan Seksyen 16 di mana 11 Golongan Pengguna Data di bawah Sektor Pengguna Data seperti digariskan dalam Perintah Menteri iaitu Komunikasi; Perbankan dan Institusi Kewangan; Insurans; Kesihatan; Pelancongan dan Hospitaliti; Pengangkutan; Pendidikan; Jualan Langsung; Perkhidmatan; Hartanah; dan Utiliti dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pesuruhjaya mengenai aktiviti transaksi komersial yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi melalui pendaftaran. Pesuruhjaya menyasarkan sebanyak **8,500 permohonan** akan diterima sehingga tempoh tiga bulan tempoh akhir pendaftaran berakhir.

Bagi industri lain seperti teknologi maklumat dan pembekal barangan atau perkhidmatan yang belum disenaraikan secara khusus sebagai pihak perlu berdaftar dalam fasa pertama ini, juga tertakluk kepada Akta 709 sekiranya turut memproses data peribadi bagi tujuan komersial. Oleh itu, mereka dinasihatkan untuk membuat semakan melalui Perintah Menteri yang diwartakan pada November 2013 dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya bagi memastikan status mereka sama ada perlu berdaftar atau sebaliknya.

Dalam Fasa Kedua ini, Pesuruhjaya akan memberi tumpuan kepada aspek penilaian bagi menilai tahap pematuhan, meneruskan rundingan dengan industri pengguna data secara lebih khusus serta melaksanakan Forum Pengguna Data untuk mewujudkan Tata Amalan. Keahlian Forum ini akan ditentukan oleh Pesuruhjaya secara spesifik kerana setiap Tata Amalan yang dihasilkan perlu diselaraskan dengan kehendak Akta 709 selain disesuaikan dengan keperluan Golongan Pengguna Data itu sendiri. Untuk itu, bengkel-bengkel khusus akan diadakan bagi membantu golongan pengguna data memahami amalan dan pendekatan terbaik bagi mematuhi Akta 709.

## Pemindahan Data Peribadi ke Tempat Di Luar Malaysia

Akta ini turut menggariskan rangka kerja bagi pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia. Perkara ini dibenarkan dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Terdapatnya undang-undang di negara berkaitan yang setara dengan APDP;
- ii. Pemindahan data peribadi yang terlibat telah mendapat kebenaran Subjek Data;
- iii. Pemindahan data peribadi yang terlibat perlu bagi penyempurnaan sesuatu kontrak dengan pengguna data dan pihak ketiga;
- iv. Pemindahan data peribadi tersebut adalah bagi keperluan sah perundangan; dan;
- v. Pemindahan bertujuan melindungi kepentingan awam.

## Program Kesedaran Perlindungan Data Peribadi

- i. Pelbagai inisiatif dasar telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 709 berjalan dengan teratur. Antaranya, penubuhan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) pada Februari 2011 dengan diketuai oleh Ketua Pengarah. Pelbagai program kesedaran perlindungan data peribadi telah dilaksanakan dan giat dirancang oleh Jabatan ini bagi memberi pendidikan kepada pengguna data dan orang ramai. Kerjasama sepilin antara Jabatan/Agensi seperti SKMM, Cyber Sekuriti, Bank Negara Malaysia, SSM dan pelbagai organisasi lain seiring dengan perlindungan data peribadi.
- ii. Lebih 200 Rundingan Awam telah diatur oleh JPDP dengan semua Golongan Pengguna Data yang terdiri daripada pelbagai GLC, TELCO, Sektor Perdagangan, Perbankan dan Insurans, Jualan Langsung, Persatuan Kesihatan dan sebagainya selari dengan keperluan bagi pelaksanaan perundangan bagi penguatkuasaan Akta 709 ini. Rundingan-rundingan awam juga telah dilaksanakan bagi memastikan pandangan dan pendapat awam bagi pelaksanaan Akta ini. Justeru itu, beberapa Perundangan Subsidiari berkaitan Akta ini telah digubal untuk melengkapkan pelaksanaan Akta 709 ini.



## Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709)



Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atau APDP merupakan salah satu perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia. Akta ini merupakan matlamat Dasar Kesepuluh dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Akta 709 telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2010 dan diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong pada 2 Jun 2010.

- **Objektif Utama Akta 709**
  - » Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data; serta
  - » Melindungi kepentingan data peribadi umum.
- **Tujuan Akta 709**

“Data peribadi bererti apa-apa juga maklumat yang tersimpan atau direkodkan yang boleh dikendalikan secara automatik atau sebaliknya untuk mengenal pasti seseorang berdasarkan maklumat diberikan.”

- » Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial untuk melindungi data peribadi seseorang subjek data. Akta 709 adalah terpakai

bagi mana-mana orang yang memproses dan yang mempunyai terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan transaksi komersial.

- **Tarikh Kuatkuasa Akta 709**
  - » Akta 709 telah mula berkuat kuasa pada tarikh 15 November 2013 melalui pemberitahuan dalam Warta Jabatan Peguam Negara.
  - » Pengumuman Pelaksanaan Akta 709 telah diumumkan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia pada 26 November 2013.
- **Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi**

### Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi

- **Prinsip Am** - Seseorang tidak dibenarkan memproses data peribadi seseorang lain tanpa kebenarannya
- **Prinsip Notis dan Pilihan** - Di mana maklumat dan tujuan awalan data diproses perlu dimaklumkan kepada subjek data
- **Prinsip Penzahiran** - Tujuan data peribadi pemilik data hendak diproses perlu dizahirkan secara jelas
- **Prinsip Keselamatan** - Pengguna data perlu mengambil langkah supaya data tersebut selamat dan dilindungi ketika pemprosesan data peribadi pemiliknya.
- **Prinsip Penyimpanan** - Sesuatu data peribadi tidak dibenarkan disimpan lebih daripada had masa yang diperlukan
- **Prinsip Integriti Data** - Maklumat data peribadi perlulah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan.
- **Prinsip Akses** - Pemilik data perlu diberikan hak akses terhadap data peribadinya dan boleh membetulkan datanya supaya terkini

- » Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang perlu dipatuhi oleh seseorang Pengguna Data iaitu:-
  - \* Prinsip Am
  - \* Prinsip Notis dan Pilihan
  - \* Prinsip Penzahiran
  - \* Prinsip Keselamatan
  - \* Prinsip Penyimpanan
  - \* Prinsip Integriti Data; dan
  - \* Prinsip Akses.

### • Pendaftaran Pengguna Data

- » Seksyen 16, Akta 709 memperuntukan semua Golongan Pengguna Data Peribadi yang terdiri daripada pihak individu mahupun swasta kecuali Kerajaan wajib berdaftar secara rasmi dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP).
- » Pendaftaran Pengguna Data adalah terbuka kepada individu/organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial sepertimana yang dinyatakan dalam Perintah Golongan Pengguna Data.
- » Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Penalti: Denda tidak melebihi RM500,000.00; atau Penjara tidak melebihi 3 tahun; atau Kedua-duanya.

**“Termaktub di bawah keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 709, daftar pengguna data perlu dipatuhi.”**

### • Tempoh Pendaftaran

- » Tempoh tiga bulan daripada tarikh Penguatkuasaan Akta 709 diwartakan iaitu (15.11.2013 – 15.02.2014) bagi 11 Golongan Pengguna Data sedia ada.
- » Bagi Pengguna Data lain selain 11 Golongan Pengguna tersebut boleh berdaftar pada bila-bila masa sahaja.

### • Kenapa Perlu Mendaftar di bawah Akta 709

- » Perakuan Pendaftaran Pengguna Data akan oleh Pejabat Pesuruhjaya sebagai tanda bahawa Pengguna Data telah berdaftar dan mempunyai integriti yang tinggi dalam memproses data peribadi bagi tujuan transaksi komersial.
- » Untuk memantau dan mengawalselia pengguna-pengguna data peribadi yang memproses data peribadi seseorang individu bagi memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan data tersebut.
- » Bagi semua Pengguna Data yang telah berdaftar akan membolehkan organisasi berkaitan untuk terlibat sama dalam Forum Pengguna Data bagi menentukan Kod Tata Amalan pemprosesan data peribadi bagi setiap golongan masing-masing.

### • Fi Pendaftaran?

1. Pembayaran fi pendaftaran hendaklah dibuat dalam masa 21 hari setelah pemohon menerima e-mel pemberitahuan kelulusan pendaftaran dan bawa bersama slip akuan terima.
2. Perakuan Pendaftaran akan disediakan selepas bayaran fi pendaftaran dijelaskan.
3. Pengguna Data tergolong dari dua atau lebih golongan pengguna data hendaklah membuat pendaftaran yang berasingan.
4. Tempoh sah laku pendaftaran adalah 24 bulan dari tarikh permohonan diluluskan. Peringatan pembaharuan pendaftaran akan dihantar melalui e-mel kepada Pengguna Data berkenaan, 3 bulan sebelum tarikh tamat perakuan pendaftaran.
5. Kadar fi pendaftaran tahunan yang dikenakan adalah berdasarkan jenis perniagaan seperti di bawah: -

JENIS PERNIAGAAN	JUMLAH FI
Pemilikan tunggal	100
Perkongsian	200
Sendirian Berhad	300
Awam Berhad	400

### Terma Rujukan

**“Perintah Perlindungan Data Peribadi Golongan Pengguna Data 2013”**

**“Pengguna Data”** ertinya seseorang yang sama ada berseorangan atau bersekesama atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi, tetapi tidak termasuk seorang pemproses data; “pengguna data yang berkaitan”, berhubung dengan:-

- a. sesuatu pemeriksaan, ertinya pengguna data yang menggunakan sistem data peribadi yang menjadi subjek pemeriksaan itu;
- b. sesuatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;
- c. sesuatu penyiasatan-
  - i. dalam hal suatu penyiasatan yang dimulakan dengan suatu aduan, ertinya pengguna data yang dinyatakan dalam aduan itu;
  - ii. dalam mana-mana hal lain, ertinya pengguna data yang menjadi subjek penyiasatan itu;
- d. sesuatu notis penguatkuasaan, ertinya pengguna data yang terhadapnya disampaikan notis penguatkuasaan itu.

“**Data Peribadi**” ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yan:-

- a. sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu;
- b. direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau
- c. direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milik seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

“**Transaksi Komersial**” ertinya apa-apa transaksi bersifat komersial, sama ada secara kontrak atau tidak, yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, tetapi tidak termasuk sesuatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

**Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang wajib dipatuhi oleh Pengguna Data di bawah seksyen 5(1) demi menjaga keutuhan data peribadi iaitu:-**

- **Pertama – Prinsip Am** di mana seseorang pengguna tidak dibenarkan memproses data peribadi seseorang lain tanpa kebenarannya. Pengertian proses di sini harus dimengertikan sebagai mengendalikan data melalui cara atau kaedah automatik atau pengkomputeran atau apa-apa proses lain.
- **Kedua** - mesti mematuhi **Prinsip Notis dan Pilihan** di mana maklumat dan tujuan awalan dimaklumkan kepada subjek data berkenaan.
- **Ketiga** - ialah **Prinsip Penzahiran** tujuan data peribadi seseorang subjek itu demi mengenal pasti maksud yang baginya data peribadi itu hendak dizahirkan.
- **Keempat - Prinsip Keselamatan** – apabila memproses data peribadi mana-mana subjek, mengambil langkah supaya data tersebut selamat, tidak diubahsuai, disalahguna atau diberikan kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan.
- **Kelima - Prinsip Penyimpanan**: sesuatu data peribadi itu tidak dibenarkan disimpan di dalam sesuatu pemprosesan lebih daripada had masa yang diperlukan.

- **Keenam - Prinsip Integriti Data** – setiap data peribadi dipastikan supaya tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan dan diproses.

- **Ketujuh - Prinsip Akses**: seseorang hendaklah diberi hak akses kepada data peribadinya yang dipegang oleh seseorang pengguna data dan juga boleh membetulkan datanya itu supaya terkini.

“**Golongan Pengguna Data**” diklasifikasikan kepada beberapa golongan tertentu di bawah suatu Perintah yang dibuat oleh Menteri atas syor Pesuruhjaya. Terdapat sebelas Klasifikasi Golongan Pengguna Data berdasarkan sektor-sektor seperti yang berikut –

- i. Sektor Komunikasi;
- ii. Sektor Perbankan dan Institusi Kewangan;
- iii. Sektor Insurans;
- iv. Sektor Kesihatan;
- v. Sektor Pelancongan dan Hospitaliti;
- vi. Sektor Pengangkutan;
- vii. Sektor Pendidikan;
- viii. Sektor Jualan Langsung;
- ix. Sektor Perkhidmatan;
- x. Sektor Hartanah;
- xi. Sektor Utiliti.

#### Hak-hak Subjek Data

- a. Dimaklumkan oleh pengguna data sama ada data peribadinya diproses oleh Pengguna Data atau bagi pihak Pengguna Data; Sek.30(1);
- b. Membuat permintaan capaian kepada pengguna data bagi maklumat mengenai data peribadinya; Sek.30(2a)
- c. Disampaikan kepada beliau maklumat data peribadinya yang dimintanya dalam bentuk yang difahami dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengguna Data; Sek.30(2b)
- d. Membetulkan data peribadinya yang tidak tepat yang disimpan oleh pengguna data Sek.34
- e. Menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadinya dan pemberhentian pemprosesan itu dalam keadaan-keadaan tertentu;
- f. Mengkehendaki pengguna data mendapatkan kebenaran semula penzahiran data peribadi beliau bagi tujuan selain dari tujuan asal semasa data itu dikutip pada mulanya;
- g. Melarang pemprosesan data peribadi sensitif subjek data, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu; Sek.40(2a);
- h. Menghalang pemprosesan data yang mengakibatkan kerugian dan kesengsaraan;
- i. Menghalang pemprosesan data untuk tujuan jualan langsung; Sek.43(1)

# INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)

IPPTAR ialah Pusat Kecemerlangan dan Institut Latihan bagi KKMM yang menawarkan kursus untuk warga kerja KKMM mengikut keperluan dan permintaan bagi mencapai visi dan misi kementerian.

Sebanyak 142 kursus dilaksanakan oleh IPPTAR bagi tempoh Januari hingga Disember 2013 termasuk 15 program khas iaitu tiga program peringkat Antarabangsa, dan 12 program khas yang dilaksanakan bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran warga kerja KKMM.

Seramai 5,212 peserta dilatih dalam kalangan kakitangan warga kerja jabatan dan agensi dalam KKMM. Perbelanjaan bagi 142 kursus dan 15 program khas adalah sebanyak RM1,027,087.00. Pemilihan penceramah dan fasilitator terdiri daripada pakar

perunding, pensyarah IPTA / IPTS serta kakitangan RTM yang berpengalaman dalam bidang penyiaran serta bidang-bidang lain yang berkaitan dengan latihan yang dilaksanakan untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia.

Secara keseluruhan, kursus-kursus dilaksanakan dengan berkesan dan memenuhi keperluan bagi meningkatkan kemahiran warga kerja jabatan dan agensi dalam KKMM. Maklum balas daripada peserta menyatakan bahawa kandungan dan modul setiap kursus bermanfaat dalam meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan selain meningkatkan produktiviti profesion kerjaya masing-masing. Terdapat peningkatan sebanyak 35% setiap tahun dari segi jumlah kursus dan penyertaan.

## Kursus Anjuran IPPTAR

### Maklumat Kursus 2013

Aktiviti kursus yang dilaksanakan oleh IPPTAR bagi bulan Januari hingga Disember 2013 adalah seperti dalam jadual di bawah.

**Jadual: Pelaksanaan kursus anjuran IPPTAR bagi tahun 2013.**

PERKARA	JAN-JUN	JULAI-DIS	JUMLAH
BILANGAN KURSUS	70	72	142
BILANGAN PESERTA KURSUS	1,812	3,400	5,212
PENCERAMAH	86	166	252

Pecahan penyelarasan kursus mengikut bahagian bagi bulan Januari hingga Disember 2013 seperti jadual di bawah.

**Jadual: Pelaksanaan kursus mengikut bahagian bagi tahun 2013.**

PENYELARAS	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PESERTA
Latihan Rancangan TV	14	310
Latihan Rancangan Radio	13	250
Latihan Pembangunan Teras	43	1,313
Latihan Pengajian dan ICT	15	313
Latihan Kejuruteraan TV	9	130
Latihan Kejuruteraan Radio	10	102
Latihan Kejuruteraan Asas dan Bersepadu	9	272
Program Khas	15	2200
Latihan untuk Warga Kerja IPPTAR	14	322
<b>JUMLAH</b>	<b>142</b>	<b>5,212</b>

Kursus yang dilaksanakan oleh Unit Latihan Pembangunan Teras dan Unit ICT merupakan kursus generik. Terdapat beberapa kursus ad-hoc disebabkan permintaan jangka masa pendek oleh peserta dan jabatan dalam KKMM.

Kursus anjuran IPPTAR terdiri daripada Kursus Generik dan Kursus Fungsional. Jadual di bawah merupakan bilangan kursus generik dan fungsional anjuran IPPTAR bagi tahun 2013.

**Jadual: Kursus anjuran IPPTAR mengikut kategori bagi tahun 2013.**

PERKARA	BILANGAN KURSUS
Kursus Generik	58
Kursus Fungsional	84
<b>Jumlah</b>	<b>142</b>

Sebanyak 14 kursus dalaman dianjurkan khusus untuk melatih warga kerja IPPTAR. Ia bagi memastikan semua pegawai IPPTAR mendapat latihan yang secukupnya dalam usaha memantapkan kemahiran dalam kerjaya mereka. Ini selaras dengan visi dan misi IPPTAR untuk meningkatkan tahap kredibiliti dan produktiviti sumber manusia.


#### Kursus Dengan Kerjasama ABU

IPPTAR dengan kerjasama pihak ABU menganjurkan Kursus Abu Prize TV Workshop yang diadakan pada 14 – 15 Mei 2013 untuk RTM dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan. Bengkel ini memberi pendedahan mengenai rancangan-ancangan terbaik dari luar negara untuk meningkatkan teknik penerbitan program TV dalam kalangan peserta bengkel. Dalam masa yang sama peserta dan penceramah dapat bertukar-tukar pendapat dan idea untuk melahirkan program yang berkualiti.

#### Maklumat Peserta Kursus

Bilangan peserta yang hadir kursus di IPPTAR dari Januari hingga Disember 2013. Rujuk Carta.

**Carta: Bilangan peserta yang hadir kursus di IPPTAR bagi tahun 2013.**



Bagi Januari hingga Disember 2013, IPPTAR menyasarkan tawaran kursus kepada 5472 orang tetapi yang hadir 5212 orang.

#### Kriteria Penceramah / Tenaga Pengajar

Penceramah / pensyarah kursus IPPTAR terdiri daripada mereka yang profesional, berkelulusan, berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang kepakaran dan penyediaan modul yang menepati keperluan kursus. Pegawai IPPTAR yang mempunyai kemahiran mengajar juga diminta memberi syarahan/ceramah dalam bidang kepakaran masing-masing. Dalam masa yang sama IPPTAR turut mengadakan kursus untuk jurulatih (*Training of trainers, TOT*) kepada warga kerja IPPTAR yang dikenal pasti. Ini bagi mengurangkan ketergantungan kepada penceramah atau tenaga pengajar luar.

#### Perbelanjaan Kursus (2011, 2012 & 2013)

Bagi tahun 2011, 2012 dan 2013, peruntukan tambahan dibuat bagi menampung keperluan kursus seperti yang dijadualkan dalam kalendar kursus 2011, 2012 dan 2013. Peruntukan tambahan tersebut memberi kesan kepada kebolehpayaan IPPTAR melaksanakan semua kursus yang dirancang untuk memantapkan pembangunan sumber manusia warga kerja KKMM. Perbelanjaan IPPTAR untuk Latihan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual: Prestasi perbelanjaan IPPTAR untuk latihan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013.**

PERKARA	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Peruntukan Perbelanjaan IPPTAR (OS 29000 sahaja)	RM 600,000.00	RM 600,000.00	RM1,000,000
Perbelanjaan Sebenar Untuk Latihan	RM 796,436.00	RM 748,051.24	RM 1,027,087.00

## Impak Kursus

### Tahap Keberkesanan

Tahap keberkesanan kursus diukur dan diperolehi melalui maklum balas daripada peserta melalui Borang Penilaian Kursus yang mengandungi penilaian tenaga pengajar, penilaian program latihan, fasiliti dan hospitaliti dan penilaian diri peserta sebelum dan selepas program latihan.

KPI menyasarkan pencapaian tahap kepuasan ialah 95% bagi tahun ini. Kajian dari bulan Januari hingga Jun 2013 mendapati bahawa tahap keberkesanan kursus anjuran IPPTAR mencatat 99.5% iaitu 4952 daripada 5212 orang peserta berpuas hati dengan kursus yang disertai. Hanya 260 orang peserta sahaja yang menyatakan kurang berpuas hati terhadap kemudahan di IPPTAR iaitu asrama, makanan dan nota kursus. Melalui kajian maklum balas peserta, terdapat aduan terhadap perkhidmatan asrama IPPTAR, penyediaan makan minum, suhu persekitaran bilik kuliah yang terlalu sejuk, tempoh hari kursus tidak bersesuaian melainkan bengkel. Namun, majoriti daripada peserta berpuas hati dengan kursus yang disediakan di IPPTAR.

## Program anjuran IPPTAR

Selain melaksanakan kursus yang diperlukan oleh jabatan dan agensi dalam KKMM IPPTAR juga melaksanakan beberapa program khas bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sekaligus memenuhi keperluan semasa. Sebanyak 16 program dilaksanakan pada tahun 2013.

### Peringkat Antarabangsa:

Program dilaksanakan dengan kerjasama ABU/AIBD/SKUM:

- Persidangan Antarabangsa mengenai Latihan dalam bidang Penyiaran: *Building Competencies in An Evolving Media Environment*: 25 - 26 Februari 2013
- *Engineering Sub-Regional Conference International Workshop on HDTV* bersempena *ABU Digital Broadcast Symposium 2013* : 6 - 7 Mac 2013
- *Disaster Risk Reduction (IPPTAR/AIBD)* : 27 - 29 Nov 2013
- *ABU Prize TV Workshop*: 14-15 Mei 2013

### Peringkat Kebangsaan:

- Pelancaran Buku Garis Panduan Bahasa Melayu dalam Media Massa : 21 Januari 2013
- Kursus Penulisan Skrip : 22-26 April 2013
- Kursus Penyiar Versatil 13 Mei - 21 Jun 2013 (Kerjasama IPPTAR & RTM)
- Penerbitan Buku mengenai latihan dalam pengurusan penyiaran : *Broadcasting Training Management* : Jun 2013
- Bubur Lambuk (KL Festival): 24 Julai 2013
- Bicara Eksekutif Bersama Profesor Datuk Dr. Sheikh Omar: Transformasi Minda Kelas Pertama : 20 September 2013

- Seminar Betulkah Bahasa Melayu Saya? 8 November 2013
- Pertandingan Gurindam : 12 November 2013
- Wacana Ilmu – Pemikiran Yang Kreatif dan Inovatif Menjana Peningkatan Produktiviti Perkhidmatan Awam : 28 November 2013
- Bicara Eksekutif Bersama Dr. Ong Gua Pak mengenai *Blue Ocean Strategy* di Malaysia : 6 Disember 2013
- Wacana Ilmu – Mengenai Kekurangan Nilai-nilai Murni Menjejaskan Keperibadian Insan : 13 Disember 2013
- Penerbitan Acahan (teaser) Biasakan Yang Betul (Disiarkan oleh RTM pada pertengahan Disember)

### Pelancaran Buku Garis Panduan Bahasa Melayu dalam Media Massa.

Usaha IPPTAR dan KKMM untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu menjadi kenyataan apabila terhasilnya penerbitan Buku Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa. Buku ini bertujuan membantu pengamal media menggunakan bahasa Melayu dengan betul di samping bertanggungjawab dalam mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan yang menyatukan seluruh masyarakat Malaysia.

Garis Panduan dalam bentuk buku ini diedarkan kepada semua organisasi penyiaran awam dan swasta serta organisasi lain yang berkaitan. Buku ini juga menyasarkan media baharu yang melibatkan pengguna laman sesawang, portal berita dan laman sosial. Menteri KPKK Dato' Sri Dr. Rais Yatim telah menyempurnakan majlis pelancaran buku ini di Dewan Cendekiawan, IPPTAR pada 21 Januari 2013.

Beliau mengalu-alukan inisiatif KKMM dan IPPTAR dengan bantuan kepakaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dato' Sri Dr. Rais menyeru semua organisasi media supaya mematuhi dan melaksanakan pelan tindakan yang dicadangkan dalam garis panduan ini. Bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi, beliau menyarankan IPPTAR dan DBP merangka bentuk pemantauan yang berkesan.



### **International Conference on Broadcast Training**

Pada 25-26 Februari 2013 berlangsung persidangan antarabangsa mengenai *International Conference on Broadcast Training (ICBT)* iaitu salah satu program anjuran IPPTAR dengan kerjasama *Asia Pacific Institute of Broadcasting Development (AIBD)*.

IPPTAR merupakan institusi latihan penyiaran yang pertama mengadakan persidangan serupa ini yang belum pernah diusahakan oleh mana-mana pusat latihan penyiaran di rantau Asia-Pasifik.

Persidangan itu menyaksikan perhimpunan institusi latihan penyiaran utama dari seluruh dunia untuk membincangkan topik-topik penting yang dihadapi oleh industri sekarang dan pada masa akan datang.

Persidangan dua hari memberi tumpuan kepada tema, kecekapan bangunan dalam persekitaran media berkembang. 60 peserta dari 42 organisasi yang mewakili lebih daripada 20 negara dan rantau mengambil bahagian dalam persidangan itu. Objektif utama persidangan ini adalah untuk berkongsi ilmu dan maklumat di jalan raya untuk pendigitalan memberi tumpuan kepada isu-isu utama seperti perancangan frekuensi, pengurusan spektrum, teknologi penyiaran digital dan kaedah penyampaian alternatif dengan kepakaran dari negara-negara yang mengambil bahagian dan wilayah.

Semasa persidangan itu, para peserta telah belajar bagaimana, teknologi maklumat dan penonton telah bergerak pantas ke hadapan dan keperluan mereka dalam industri penyiaran, terutamanya, jurulatih siaran mengejar, melihat semula pendekatan yang sedia ada dan menangani permintaan yang semakin meningkat dalam teknologi digital dan media sosial. Persidangan itu juga mengakui keperluan untuk kerja-kerja ke arah budaya prestasi yang menyumbang kepada pertumbuhan syarikat dan kemampuan, meningkatkan kepuasan pelanggan dan sumbangan kepada masyarakat.

Persidangan pada tahun 2013 bertemakan *Building Competencies in an Evolving Media Environment*. Persidangan ini dihadiri oleh 60 peserta mewakili 42 pusat latihan dan organisasi dalam bidang penyiaran dari 24 negara termasuk tuan rumah Malaysia.

### **Seminar Betulkan Bahasa Melayu Saya?**

IPPTAR sentiasa berusaha memartabatkan bahasa Melayu agar penggunaannya sentiasa betul khususnya dalam urusan rasmi. Bagi tujuan itu, IPPTAR mengadakan seminar "Betulkan Bahasa Melayu Saya?" pada 8 November 2013 di Dewan Cendekiawan.

Dalam seminar itu, pelbagai kesilapan penggunaan bahasa Melayu diutarakan oleh dua penceramah yang diundang khas oleh IPPTAR. Fellow Penyelidik Utama di Fakulti Tamadun Melayu, ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM, Prof. Dato'

Dr. Teo Kok Seong berkata seharusnya kesilapan penggunaan bahasa Melayu ini kurang berlaku khususnya dalam kalangan orang Melayu. Hal ini kerana bahasa Melayu kini digunakan secara rasmi dalam semua urusan rasmi kerajaan dan menjadi pertuturan seharisan dalam kalangan rakyat di negara ini. Oleh itu semua pihak perlu mencintai bahasa kebangsaan agar terus dimartabatkan.



Sebelum itu, Pengarah IPPTAR, Dato' Adilah Shek Omar yang juga pegawai bahasa Melayu dalam KKMM berkata beliau memantau dan menegur pesalah bahasa yang sering melakukan kesilapan dalam penggunaan bahasa Melayu sama ada di radio, televisyen ataupun media cetak. Beliau juga kesal kerana kesilapan penggunaan bahasa Melayu sering berlaku, walaupun sentiasa dibuat teguran. Oleh itu beliau mahu semua pihak mengambil berat dalam soal tersebut agar kemurnian bahasa Melayu terpelihara.

Turut menyampaikan ceramah dalam seminar tersebut ialah Ketua Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Haji Abd. Karim A.Bakar.

Seminar sehari ini mendapat sambutan menggalakkan daripada lebih 200 orang peserta yang mewakili KKMM, pengamal media dan institusi pengajian tinggi awam.



## Nilai-nilai murni meningkatkan produktiviti dan perkhidmatan yang berkualiti.

Amalan nilai-nilai murni perlu ada dalam setiap insan. Kekurangan nilai-nilai murni merangsangkan sikap kurang bertanggungjawab malah boleh berlaku sikap kurang ajar, baik dalam kalangan rakyat biasa apatah lagi bagi penjawat awam.

Seharusnya penjawat awam di negara ini kaya dengan amalan nilai-nilai murni. Ini kerana sejak dahulu lagi, nenek moyang kita memang kaya dengan sifat dan amalan tersebut. Ini menjadikan Malaysia sentiasa disanjung oleh pelancong dari seluruh pelusuk dunia. Kini negara kita semakin membangun, nilai-nilai murni semakin berkurangan, mungkin pengaruh luar menyelubungi golongan muda di negara ini.

IPPTAR terpanggil untuk mengatasi masalah ini khususnya dalam kalangan penjawat awam di jabatan dan agensi dalam KKMM.

Pendekatan menerapkan nilai-nilai murni menerusi ceramah agama ternyata berkesan dan mendatangkan hasil yang amat baik. Penceramah Ustaz Kazim Elias yang diundang khas oleh IPPTAR menambat hati hadirin di majlis wacana ilmu pada 13 Disember 2013 di Dewan Cendekiawan.

Ceramah beliau yang diselitkan dengan gurauan berunsur ilmiah dan kadang kala diselangi dengan nyanyian tidak membosankan hadirin. Nyata sekali ceramah selama tiga jam tanpa henti itu benar-benar mencuit hati 300 orang peserta yang hadir.

Ilmu yang dikongsi bersama-sama peserta yang hadir diharap meningkatkan amalan nilai-nilai murni warga kerja KKMM dalam usaha melestarikan produktiviti dan perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat.

Turut hadir ialah Pengarah IPPTAR, Dato' Adilah Shek Omar, Ketua Pengarah Penyiaran, Dato' Norhyati Omar dan Pengarah RTM Perak Puan Kham Siah Hindon Md Said.



## Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

‘GST – Lebih 160 negara telah melaksanakannya....  
Kini MALAYSIA pula akan...’

Dalam pembentangan bajet 2013 baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pelaksanaan GST yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2015 dengan kadar 6 peratus. Pengumuman tersebut mendapat reaksi berbelah bahagi dalam kalangan masyarakat. Susulan itu, kerajaan bertindak memberi penerangan tentang pelaksanaan GST menerusi Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Tanggal 31 Oktober 2013, Dewan Cendekiawan IPPTAR dibanjiri lebih 350 warga KKMM yang tidak melepaskan peluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pelaksanaan GST di negara ini. Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama IPPTAR menganjurkan Taklimat Kesedaran GST yang antara lain memberi fokus tentang GST, perlunya GST, model GST, layanan GST, pendaftaran GST dan kesan GST. Encik Shahbudin Ramli dari Unit GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Putrajaya telah menyampaikan taklimat secara terperinci.



Menerusi taklimat itu peserta difahamkan bahawa GST merupakan sistem cukai yang baik, lebih adil dan telus berbanding dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang sedia ada. Pelaksanaan GST akan dapat mengurangkan kos perniagaan, mengurangkan kerenah birokrasi, meningkatkan pematuhan dan dapat memberi kesaksamaan di peringkat pengilangan, pemborong, peruncit dan juga di sektor perkhidmatan. Ini akhirnya akan menjadikan harga lebih berpatutan bagi pengguna.

Bagi tujuan sosioekonomi, terdapat barang dan perkhidmatan tertentu yang tidak dikenakan GST. Antaranya ialah makanan asas, pembelian dan penyewaan rumah kediaman, jual beli tanah pertanian, pendidikan, pengangkutan awam dan perkhidmatan kesihatan.

### Seminar Kesedaran Perlindungan Data Peribadi 2013 ( APDP 1)

Sebagai langkah awal untuk memberi kefahaman dan pengetahuan kepada warga kementerian dan agensi lain mengenai akta Perlindungan Data Peribadi 2013, JPDP dengan kerjasama IPPTAR mengambil inisiatif mengadakan Seminar Kesedaran Perlindungan Data Peribadi pada 8 Julai 2013 bertempat di Dewan Cendekiawan IPPTAR yang dihadiri lebih daripada 300 peserta.



Seminar dirasmikan oleh Datuk Che Azemi Haron, Timbalan Ketua Setiausaha KKMM. Dua orang pegawai dijemput menyampaikan ceramah iaitu Tuan Haji Abu Hassan Ismail mantan Ketua Pengarah JPDP dengan tajuk Pengenalan kepada Perlindungan Data Peribadi. Sementara tajuk ceramah kedua ialah Akta dan Hak Anda yang disampaikan oleh Puan Wan Nurhanani Ashikin Wan Ibrahim, Pengarah Bahagian Perundangan JPDP. Seminar diakhiri dengan sesi diskusi dengan dipimpin oleh moderator Dr. Zainal Abidin Sait selaku Timbalan Ketua Pengarah JPDP. Siri kedua diadakan pada 15 November 2013.



### Kursus Komunikasi Strategik

IPPTAR dengan kerjasama JASA menganjurkan Kursus Komunikasi Strategik (KKS) yang pertama bermula 24 Jun hingga 2 Julai 2013.

Kursus yang berteraskan konsep gerak saraf perang saraf ini bertujuan untuk memenuhi keperluan mendesak dalam melatih, memahami dan menguasai kemahiran seni gerak saraf perang saraf kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam menjelaskan dasar-dasar kerajaan dan memberi khidmat kepada rakyat. Dalam ucapan penutupannya Dato' Sri Kamaruddin mahu semua peserta kursus memanfaatkan segala ilmu pengetahuan yang diperoleh untuk diaplikasikan dalam tugas mereka sebagai petugas barisan hadapan KKMM dan juga kerajaan. Menurut beliau semua peserta kursus perlu meningkatkan keupayaan berfikir secara kreatif, analitikal dan bijaksana serta berkeyakinan dalam diri mereka untuk berhadapan dengan kumpulan sasaran atau rakyat.



Modul KKS lahir hasil sesi sumbang saraf Permukiman Penyerlahan IPPTAR oleh ketua-ketua jabatan dan agensi dalam KKMM yang diadakan di Langkawi pada 26 hingga 28 Jun 2013.

Seramai 30 peserta mewakili 15 orang dari JASA, 7 orang dari Jabatan Penerangan, 5 pegawai BERNAMA dan tiga peserta dari Jabatan Penyiaran (RTM) menghadiri kursus yang diadakan selama 9 hari 8 malam. Seramai 22 penceramah terlibat secara langsung pada sesi teori dan dua penyelaras bagi sesi praktikal dan tugasan di lapangan.

Kursus Komunikasi Strategik berjaya mencapai sasaran untuk membina jati diri yang kukuh dalam kalangan pegawai barisan hadapan KKMM.

Kursus yang julung kali diadakan oleh IPPTAR itu mengandungi 29 modul yang merangkumi Jati Diri dan Kenegaraan, Politik Malaysia dan Wawasan 2020: Maju Ke Hadapan, Sistem Keselamatan Negara dan Ancaman kepada kedaulatannya dari dalam dan luar negara, Konsep, Strategi dan Objektif Gerak Saraf Perang Saraf (GSPS), Media Baharu/Sosial dan Media Bersepadu.

## Pemantapan Bahasa Melayu

Usaha memantapkan Bahasa Melayu dilaksanakan secara berterusan. Setiap kursus yang melebihi tiga (3) hari diselitkan dengan modul pemantapan Bahasa Melayu. Berikut antara aktiviti yang dilaksanakan:

- Pelancaran Buku Garis Panduan Bahasa Melayu dalam Media Massa : 21 Januari 2013
- Seminar "Betulkah Bahasa Melayu Saya?" : 8 November 2013
- Pertandingan Gurindam : 12 November 2013
- Memuat naik dokumen "Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa" dalam laman sesawang IPPTAR.
- Menjilidkan dokumen "Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa" untuk rujukan.
- Pemantauan berterusan kesilapan penggunaan Bahasa Melayu yang betul oleh Pengarah IPPTAR menerusi pemantauan Program TV dan Radio, media cetak serta dokumen rasmi terbitan KKMM.

## Penerbitan Buku

IPPTAR juga menerbitkan sebanyak 3 naskhah buku sepanjang tahun 2013, ia melepasi sasaran atau *Significantly Exceeding Target* (ST) seperti yang disarankan.

- Penerbitan Buku Garis Panduan Bahasa Melayu dalam media Massa : 21 Januari 2013
- Direktori Penceramah yang dijilidkan.

## Kejayaan IPPTAR

Sepanjang tahun 2013 IPPTAR mencipta 9 kejayaan dalam usaha memartabatkan kewibawaan IPPTAR sebagai pusat latihan kemahiran dalam bidang komunikasi dan multimedia yang terunggul di negara ini.

- Pengarah IPPTAR Dato' Adilah Shek Omar dinobatkan sebagai Tokoh Pemartabat Bahasa Melayu Peringkat Wilayah Persekutuan pada 28 Oktober 2013.
- Puan Norziha Hamsah meraih tempat pertama dalam Pertandingan Menulis Surat Kiriman Kepada Ibu Bapa bersempena Ekspo Buku 1Malaysia 2013.
- Puan Norziha bersama-sama Nurul Haryana Baharuddin meraih tempat kedua dalam Pertandingan Gurindam bersempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013.
- IPPTAR muncul sebagai juara bagi Anugerah Keceriaan Pejabat Terbaik buat kali kedua berturut-turut.
- Kumpulan Seri Pelangi IPPTAR menduduki tempat ketiga dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif, KIK (Kategori Pengurusan).
- Puan Maiyumi Ahmat menggondol tempat kedua dalam Anugerah Penulisan Esei Kreatif Terbaik bersempena sambutan Hari Inovasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2013.
- Puan Maiyumi juga mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Sahibba bersempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2013.
- IPPTAR diisytiharkan sebagai Jabatan Terbaik Mengemas kini Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dalam HRMIS di Peringkat KKMM.
- Bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 IPPTAR mendapat tempat kedua dalam pertandingan Murni Bahasa Lestari Budaya anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

## SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)

MCMC yang diwujudkan pada 1998 berfungsi untuk mengawal selia peraturan industri berdasarkan kepada kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998) dan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998). Sepanjang tahun 2013, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh MCMC dalam usaha untuk memperkasakan industri komunikasi dan multimedia negara.

Berikut adalah pencapaian-pencapaian Bahagian/Jabatan di MCMC sepanjang tahun 2013:-

### Pengurusan Jalur Lebar

2013 menyaksikan beberapa laporan dunia mengiktiraf usaha berterusan kerajaan Malaysia dalam menyediakan kerangka dan persekitaran IT yang kondusif untuk kelestarian penduduknya. Paling signifikan ialah Laporan *Alliance for Affordable Internet* (A4AI).

Menurut laporan A4AI, Malaysia berada pada kedudukan teratas dalam kalangan 46 buah negara-negara sedang membangun dari segi kemampuan pemilikan jalur lebar, mengatasi negara-negara lain seperti China, India dan Indonesia. Laporan berkenaan menilai sesebuah negara dari dua aspek utama iaitu infrastruktur komunikasi serta kebolehmampuan dan akses. Dalam aspek infrastruktur komunikasi, Malaysia mendapat 71.6% manakala untuk kebolehmampuan dan akses, Malaysia meraih 72.2%. Skor keseluruhan Malaysia dalam Indeks Kebolehmampuan 2013 ialah 68.6%.

Kejayaan Malaysia itu banyak didorong oleh beberapa faktor seperti peningkatan kesedaran rakyat terhadap jalur lebar, kerjasama erat dengan sektor swasta dalam meningkatkan infrastruktur jalur lebar dan peningkatan kandungan perkhidmatan kerajaan secara dalam talian.

Selain laporan A4AI, nama Malaysia turut mendapat perhatian dalam beberapa laporan lain. Antaranya dalam *Connectivity Scorecard 2013*, *World Competitiveness Scoreboard 2013* dan *Measuring Internet Society (MIS) 2013*.

Dari aspek kelajuan internet pula, kajian oleh Akamai menerusi laporan suku kedua 2013 berjudul "State of the Internet" melaporkan, Malaysia berada pada kedudukan ke-64 dunia dengan purata kelajuan sepantas 3.1Mbps. Angka ini adalah peningkatan sebanyak enam anak tangga berbanding pada 2012.

Hasil inisiatif berterusan kerajaan melalui MCMC selama ini bukan sahaja melonjakkan taraf hidup penduduk di negara ini bahkan juga memberi impak terhadap cara bagaimana penduduk melakukan aktiviti seharian mereka menerusi jalur lebar. Kejayaan itu terserlah apabila kadar penembusan jalur lebar Malaysia sehingga akhir Disember 2013 telah mencecah 67.1% berbanding dengan 31.9% pada 2009.

Ini merupakan peningkatan lebih sekali ganda. Malaysia juga boleh berbangga kerana kadar penembusan jalur lebar tersebut sebenarnya sudah melebihi sasaran 40% yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Jalur Lebar untuk negara-negara membangun pada 2015.

Jadual 1 di bawah menunjukkan kadar penembusan jalur lebar tertinggi dicatatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak 111.7% diikuti dengan Putrajaya sebanyak 81.9% manakala kadar penembusan jalur lebar terendah dicatatkan di Kelantan iaitu sebanyak 41.9%.

### Akses Internet

Dalam konteks ini pula, MCMC menerusi Pemberian Perkhidmatan Sejagat atau USP sentiasa komited memastikan akses internet yang lengkap dinikmati oleh semua lapisan masyarakat walau di mana jua mereka berada. Inisiatif pemberian netbook 1Malaysia umpamanya telah memberikan impak positif kepada kewujudan sebuah masyarakat yang terhubung.

Sepanjang 2013 sahaja, sejumlah 1,115,397 *netbook* telah diedarkan di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 259,072 diagihkan pada 2013. Bagi penduduk di kawasan luar bandar, nasib mereka juga tidak dilupakan. Pelbagai jenis projek oleh MCMC seperti Kampung Tanpa Wayar (KTW), Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dan pembinaan menara telekomunikasi turut dilaksanakan untuk memenuhi tujuan tersebut.

Untuk tahun 2013, sebanyak 835 KTW telah dibina di seluruh negara, menjadikan jumlah keseluruhan KTW yang telah dibina mencecah kepada 4,679. Selain itu, sejumlah 35 menara telekomunikasi baharu berjaya disiapkan menjadikan jumlah keseluruhan menara telekomunikasi yang dibina di seluruh negara kepada 699. Sejumlah 301 menara lain kini sedang dalam pembinaan dan apabila siap sepenuhnya dijangka mampu mempertingkatkan liputan populasi selular negara kepada 97%.

Dalam perkembangan berkaitan, sebanyak 137 Pusat Internet 1Malaysia atau PI1M telah dibina termasuk dua PI1M di kawasan bandar iaitu di Kerinchi sepanjang 2013 bagi memberi keselesaan kepada penduduk untuk menikmati internet tanpa perlu pergi terlalu jauh bagi mendapatkan perkhidmatan terbabit. Kini, PI1M beroperasi di 424 lokasi di seluruh negara.

### Pembangunan Kapasiti/Modal Insan

#### Pakej Komunikasi Belia (PKB)

Seramai 10,024 wakil penjual telefon daripada lapan syarikat telekomunikasi selular telah menyertai program berkenaan.

Sebanyak 108 model telefon telah ditawarkan sepanjang pakej ini dijalankan sepanjang 2013.

Program yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada pembentangan Bajet 2013 bertujuan untuk menyediakan akses maklumat kepada golongan belia iaitu mereka yang berumur 21 hingga 30 tahun dengan pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.



Program terbabit menawarkan rebat sebanyak RM200 untuk pembelian telefon pintar 3G yang mana peruntukan sebanyak RM300 juga diberikan yang memanfaatkan 1.5 juta belia. Sehingga 31 Disember 2013 lalu, PKB telah berjaya mencapai sasarannya.

Dari segi pecahan kategori pemohon, 89% terdiri daripada belia yang bekerja manakala 11% lagi adalah golongan pelajar. Bagi kategori telefon pula, 75% daripada pemohon telah membeli telefon berharga RM500 dan ke bawah.

### **Get Malaysian Business Online (GMB0)**

Sejumlah 42,000 permohonan untuk GMB0 telah diterima oleh MCMC sepanjang 2013. Daripada jumlah berkenaan, MCMC telah meluluskan 34,000 permohonan. Sebanyak RM34 juta telah disalurkan oleh pihak MCMC kepada mereka yang layak untuk menerima geran berkenaan.

Sepanjang 2013, pelbagai aktiviti promosi dan kerjasama dengan agensi serta syarikat-syarikat telah diadakan bagi memastikan GMB0 dinikmati oleh golongan usahawan di seluruh negara. Antaranya penganjuran ceramah, bengkel dan temuramah di media massa.

Bermula pada 1 Januari 2013 dan berakhir pada 31 Disember 2013 yang lalu, program ini mensasarkan seramai 50,000 usahawan. Ia bertujuan antara lain untuk meringankan beban dalam pada membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) meningkatkan penggunaan internet dalam perniagaan mereka sekaligus melonjakkan hasil perniagaan dan produktiviti dengan memasarkan produk mereka ke pasaran antarabangsa.

### **Liga Remaja Kreatif (LRK)**

Sebanyak 3,073 borang penyertaan dalam talian telah diterima untuk Liga Remaja Kreatif bagi tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, 838 video telah dinilai oleh panel penilai untuk peringkat negeri dan kebangsaan.

SMK Luar Bandar No 1 Sibul dari Sarawak dinobatkan sebagai juara Liga Remaja Kreatif 2013 manakala SMK Rapat Setia sekadar menduduki tempat kedua dan Sekolah Bestari Asia-Pacific di tempat ketiga. Masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM10,000, RM7,500 dan RM5,000.



Pemenang Liga Remaja Kreatif 2013 menerima hadiah daripada Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri KKMM.

Majlis penyampaian hadiah peringkat kebangsaan LRK 2013 telah disempurnakan oleh Menteri KKMM, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek di Auditorium Perdana, Angkasapuri.

### **Malaysia Developers' Day (MDD)**

Lebih 250 individu terdiri daripada pelbagai latarbelakang seperti pelajar, pengaturcara, pakar pemasaran mahupun usahawan telah mengambil bahagian dalam Malaysia Developers' Day (MDD), yakni pertandingan membangunkan aplikasi mudah alih anjuran MCMC dengan kerjasama AT&T, sebuah syarikat telekomunikasi terkemuka di Amerika Syarikat pada 7 dan 8 September yang lalu.

Bertempat di Westin Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia menjadi negara pertama di Asia-Pasifik yang diberikan penghormatan untuk menganjurkan MDD. Kumpulan Pillow berjaya merangkul tempat pertama dengan aplikasi mereka, "Perks" manakala naib johan pula dimenangi oleh kumpulan Pronto yang tampil dengan aplikasi "Speed Alert" yang membolehkan pengguna mengesan kelajuan bas yang dinaiki. Sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan ShoutOut.



Para pemenang *Malaysia Developers' Day* bersama dengan hadiah kemenangan mereka.

## Program Transformasi Ekonomi (ETP)

### Pencapaian NKEA-CCI sepanjang 2013

Sepanjang 2013, sebanyak 65 buah projek telah diletakkan di bawah 10 EPP (*Entry Point Project*) yang dipantau oleh

Jawatankuasa NKEA-CCI. Ia termasuk lima projek baharu yang diperkenalkan dan dua lagi projek sedia ada yang dikeluarkan daripada senarai yang dipantau pada 2012.

Projek-projek pada 2013 memberi fokus kepada pembangunan aplikasi dan perkhidmatan kerajaan atas talian serta pembangunan sistem keselamatan bersepadu dan platform interaktif di dalam kenderaan awam, persendirian dan komersial di Malaysia.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk NKEA CCI pada 2013 telah menasarkkan sumbangan sebanyak RM31 billion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan telah mencapai prestasi yang memberangsangkan apabila 65 projek menyumbang sebanyak RM30.4 billion dengan pencapaian pada tahap 98% sehingga penghujung tahun 2013.

Sumbangan ini menjadikan pencapaian PNK bagi keseluruhan NKEA sebanyak RM949.30 billion. NKEA CCI turut memperkenalkan sebanyak 13,785 pekerjaan dan melibatkan Pelaburan Swasta berjumlah RM161.10 billion seperti di Jadual di bawah.

**Jadual: Pencapaian NKEA CCI berdasarkan PNK, Jumlah Pekerjaan dan Pelaburan Swasta pada tahun 2013.**

KPI	SASARAN 2013	PENCAPAIAN SEBENAR	SKOR
PNK Keseluruhan (RM bil)	960.00	949.30	99%
NKEA CCI PNK (RM bil)	31.00	30.40	98%
Keseluruhan Pekerjaan diperkenalkan	14,892	13,785	93%
Pelaburan Swasta Keseluruhan (RM bil)	148.00	161.10	109%

Sejak tahun 2010, dari 65 projek yang diperkenalkan di bawah NKEA CCI, sejumlah 35 projek telah siap sepenuhnya (53.8%) di mana 13 projek disiapkan dalam tahun 2013, iaitu:-

1. Telepresence;
2. *Get Malaysian Business Online 2.0*;
3. Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya – Peningkatan Sistem;
4. Perluasan E-Halal;
5. Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam (SPPIM);
6. *Government Regional Electronic Advancement Transformation (G.R.E.A.T)*;

7. MyMobile;
8. *Proliferation of BB amongst SME & Business Premises*;
9. *Regulatory National Network Initiative*;
10. *Enhancing Network Database*;
11. BBGP *Backhaul* in Sabah & Sarawak;
12. TM NTT Cahaya Malaysia;
13. *Custom RFID Tracking*.

Jadual di sebelah menunjukkan antara pencapaian NKEA-CCI sepanjang 2013.

**Jadual: Senarai pencapaian KPI NKEA CCI bagi tahun 2013.**

EPP	KPI 2012	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUSAN
Kandungan Kreatif	Hasil Jualan Eksport Kandungan Kreatif (RM Juta)	600	564.892	<b>94.15%</b>
	Bahan kreatif yang didigitalkan (Jam)	28,000	26,154	<b>93.41%</b>
	Bilangan tajuk dimuatnaik untuk akses pasaran (Unit)	10,000	10,066	<b>100.66%</b>
Menghubungkan 1Malaysia	Get Malaysian Business Online (GMBO): Bilangan perniagaan baru dalam talian (Unit)	50,000	34,040	<b>68.1%</b>
E-Pembelajaran	Peratusan sekolah disambungkan sehingga 10Mbps (Julat 4-10 Mbps) (%)	90	88.34	<b>98.16%</b>
	Peratusan sekolah disambungkan sehingga 4Mbps (Julat 2-4 Mbps) (%)	100	100	<b>100%</b>
E-Kesihatan	Fasiliti kesihatan disambungkan dengan jalurlebar - Terkumpul (minimum 2 Mbps) (Unit)	2,500	2,547	<b>101.88%</b>
	Fasiliti kesihatan menggunakan sistem ICT - Terkumpul (Unit)			
E-Kerajaan	Perkhidmatan dalam talian - Terkumpul (%)	70	70.34	<b>100.49%</b>
	Agensi yang menggunakan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (Unit)	1	1	<b>100%</b>
Jalurlebar untuk Semua	Akses jalurlebar untuk kawasan berpenduduk (Greater KL) pada kelajuan minimum 2Mbps - membekal (%)	90	88	<b>97.78%</b>
	Akses kepada jalur lebar di semua negeri pada kelajuan minimum 2Mbps - membekal (%)	50	57	<b>113.6%</b>
Memperluas Jangkauan	Bilangan tapak program baru yang ditauliahkan (Unit)	1,187	1,250	<b>105.31%</b>
Rangkaian Serantau	% penurunan harga pukal lebar jalur (%)	20	33	<b>165%</b>

### Isu Keselamatan Dalam Talian

Sepanjang 2013, MCMC menerusi Biro Aduannya menerima aduan demi aduan berhubung dengan isu melibatkan penghinaan ke atas YDP Agong, agama Islam serta isu-isu yang berbau perkauman. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti dan inisiatif telah diperhebat oleh MCMC bagi memastikan masyarakat di negara ini lebih berwaspada dengan jenayah di alam siber.

Untuk tahun ini sahaja, sebanyak 1,179 aktiviti Klik Dengan Bijak telah dijalankan di seluruh negara dan kebanyakannya dilakukan melalui program seperti Karnival Jalur Lebar 1Malaysia, pengagihan netbook 1Malaysia, seminar, bengkel serta program penglibatan bersama rakan strategik.

Tahun 2013 turut menyaksikan tempoh yang cukup signifikan kepada program Klik Dengan Bijak. Ini kerana, program KDB telah diterima sebagai Modul Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul yang diberi nama Klik Bijak@PLKN mengandungi unsur-unsur yang mengajar para pelatih PLKN mengenai aspek keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab ketika melayari

internet dan media sosial. Seramai 1,600 pelatih dari seluruh negara telah diberikan pendedahan mengenai modul tersebut.

Selain itu, buat pertama kalinya juga pihak MCMC menganjurkan program yang dikendalikan di bawah inisiatif KDB dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia. Program yang dikenali sebagai Perkhemahan Klik Dengan Bijak 2013 telah diadakan pada November 2013 lalu di Kem Pengakap Bukit Katil, Melaka. Berlangsung selama empat hari, perkhemahan berkenaan diadakan bertujuan mendedahkan kelemahan-kelemahan keselamatan dalam internet selain mendidik golongan remaja untuk melindungi diri mereka daripada ditipu di alam siber. Mereka juga diberikan tip-tip atau petua-petua bagaimana menggunakan aplikasi seperti e-mel dan forum dalam talian dengan betul.

Dalam usaha memastikan tahap kesedaran masyarakat awam terhadap penggunaan internet dengan bijak terus meningkat, beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan telah menjalankan kerjasama strategik dengan MCMC.



Komunikasi dan Multimedia Malaysia (TKKMM) dan pelancaran Pusat Jalur Lebar Komuniti. Tahun ini juga menyaksikan SCD membuka akaun Facebook, Twitter dan Instagram MCMC sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk berinteraksi

dengan pengguna media sosial selain mendapat maklum balas langsung mereka. Kini, FB, Twitter dan Instagram MCMC boleh diakses di pautan-pautan berikut:-

- a. [https://www.facebook.com/SuruhanjayaKomunikasi MultimediaMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKomunikasiMultimediaMalaysia)



- b. [https://twitter.com/SKMM\\_MCMC](https://twitter.com/SKMM_MCMC)



- c. [http://instagram.com/skmm\\_mcmc#](http://instagram.com/skmm_mcmc#)



Sepanjang tahun ini juga, MCMC telah mendapat liputan meluas daripada pihak media baik menerusi sesi temuramah secara eksklusif, sidang media mahupun melalui penampilan khas dalam program-program bual bicara. Secara keseluruhannya, MCMC telah tampil tidak kurang daripada 30 kali dalam media sepanjang 2013.

Antara penampilan pegawai-pegawai kanan MCMC di media massa ditunjukkan pada jadual 4 di bawah.

**Jadual: Penampilan pegawai-pegawai kanan MCMC di media massa sepanjang 2013.**

TOPIK	TETAMU	PROGRAM	TARIKH
<b>Jenayah siber</b>	<b>Sheikh Raffie Abd Rahman</b> Penasihat Komunikasi Strategik	Nasi Lemak, Kopi O (TV9)	17 Mei 2013
<b>Jenayah Phishing</b>	<b>Dato' Mohamed Sharil Tarmizi,</b> Pengerusi	PC bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM)	1 Julai 2013
<b>Malaysia Developer's Day (MDD)</b>	<b>Toh Swee Hoe</b> Ketua Pegawai Kawal Selia Industri  <b>Tengku Zaib Raja Ahmad</b> Ketua Pegawai Perkhidmatan dan Sokongan	NTV7 <i>Morning Breakfast Show</i>  Selamat Pagi 1Malaysia  Malaysia Hari Ini (MHI)  Agenda Awani	Antara pertengahan Ogos sehingga awal September 2013
<b>Hari Pos Sedunia</b>	<b>Zaidi Abdul Karim</b> Ketua Jabatan Hal-Ehwal Pos dan Tandatangan Digital	Ala Carte Pagi (Bernama Radio24)	9 Oktober 2013
<b>Tabung Kemanusiaan KKMM (TKKMM)</b>	<b>Tengku Zaib Raja Ahmad</b> Ketua Pegawai Perkhidmatan dan Sokongan  <b>Mohd Hussin Ali</b> Ketua Koordinasi Pejabat Wilayah	Selamat Pagi 1 Malaysia (SP1M)  <i>Hello On Two</i> (RTM2)  Malaysia Hari Ini (MHI)	Antara akhir bulan Oktober hingga awal November 2013
<b>Telefon bimbit curi</b>	<b>Zulkarnain Mohd Yasin</b> Ketua Bahagian Pemantauan dan Penguatkuasaan	The Star Online	Awal September
<b>Get Malaysian Business Online (GMBO)</b>	<b>Azizan Mohd Afandi</b> Ketua Jabatan Sekretariat Perancangan & Kordinasi	Utusan & Sinar Harian	Julai & Ogos

## PERKHIDMATAN POS DAN KURIER

2013 menyaksikan masuk tahun keempat Strategi Pos Kebangsaan (SPK) dilaksanakan apabila beberapa inisiatif dan sasaran utama berjaya dicapai melalui lima teras utama yang ditetapkan iaitu perkhidmatan sejagat, kualiti perkhidmatan, peningkatan produktiviti, pertumbuhan industri dan pembangunan antarabangsa. Antaranya, Akta Perkhidmatan Pos 2012 yang mula berkuatkuasa pada 1 April 2013 lalu dengan harapan mengawal selia industri perkhidmatan pos dalam persekitaran yang kompetitif, menggalakkan pembangunan industri yang teratur di samping melindungi perkhidmatan pos sejagat.

Selain itu, kadar bayaran antarabangsa yang baharu untuk perkhidmatan pos telah ditetapkan selepas Kaedah-Kaedah Perkhidmatan Pos (Kadar Bayaran Pos) 2010 dipinda dan diwartakan pada 31 Mac 2013 lalu. Langkah tersebut perlu memandangkan keadaan ekonomi global telah mengalami perubahan besar-besaran.

Prestasi kualiti perkhidmatan mel domestik bagi 2012 adalah sebanyak 89.5% iaitu peningkatan sebanyak 1.7% berbanding 87.8% yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Sepanjang 2013 juga, sejumlah 93 syarikat kurier yang aktif telah berjaya dimigrasikan untuk pelaksanaan skim pelesenan kurier baharu yang dibahagikan kepada tiga kelas lesen iaitu A, B dan C. Rujuk jadual di sebelah.


Jadual: Ringkasan Pengkelasan Lesen Mengikut Ekuiti

KELAS LESEN	BUMI	BUKAN BUMI	SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN	ASING	LAIN-LAIN*
Kelas A	7	5	0	11	1
Kelas B	15	14	2	0	3
Kelas C	8	14	0	0	13
JUMLAH	30	33	2	11	17

Sumber: MCMC

\*Lain-lain - Pemilikan ekuiti yang bercampur

Carta: Jumlah Syarikat Kurier Berlesen (2001-2013).



Bagi menambah baik liputan serahan mel ke rumah di kawasan luar bandar serta mempertingkatkan perkhidmatan pos asas kepada komuniti luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak, peruntukan oleh kerajaan sebanyak RM8.64 juta dari dana MCMC digunakan bagi meneruskan pelaksanaan Pelan Transformasi Pos Sabah dan Sarawak (PTPSS) 2010-2012. Di bawah inisiatif ini, 6 unit pejabat pos bergerak di bawah PTPSS akan ditambah dan dijangka memulakan operasinya secara berperingkat pada awal 2014. Rujuk carta di atas.

## PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)

BERNAMA merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta BERNAMA 1967 sebagai agensi berita nasional. Visi BERNAMA adalah untuk menjadi sebuah agensi berita yang terkemuka dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

BERNAMA telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM38.82 juta bagi tempoh dari Jun 2013 sehingga Disember 2013 berbanding RM38.68 juta bagi tempoh dari Jun 2012 sehingga Disember 2012. Pendapatan ini juga merangkumi geran belanja mengurus yang diterima daripada kerajaan bagi tempoh dari Jun 2013 sehingga Disember 2013 iaitu berjumlah RM19.41 juta berbanding RM17.92 bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Perbelanjaan BERNAMA bagi tempoh dari Jun 2013 sehingga Disember 2013 berjumlah RM54.90 juta menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan sebanyak RM7.86 juta atau 16.71% berbanding RM47.04 juta bagi tempoh yang sama pada 2012. Kos emolumen merupakan perbelanjaan terbesar iaitu 44.73% daripada keseluruhan perbelanjaan untuk tempoh dari Jun 2013 sehingga Disember 2013.

### Jabatan Pengarang

Jabatan Pengarang merupakan tunjang operasi BERNAMA. Jabatan Pengarang terdiri daripada Perkhidmatan Berita Dalam Negeri, Perkhidmatan Berita Ekonomi dan Perkhidmatan Berita Antarabangsa.

Pencapaian KPI bagi jumlah berita yang dikeluarkan oleh semua Perkhidmatan ini adalah sebanyak 143,275 berita dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 berbanding 132,650 berita dalam tempoh yang sama pada 2012. Ini menunjukkan peningkatan pengeluaran berita sebanyak 10,625 atau 8.01% dihasilkan dalam tempoh yang sama antara 2012 dan 2013. Kadar purata berita yang dikeluarkan adalah sebanyak 682 berita setiap hari atau 20,468 berita bagi setiap bulan dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 berbanding 631 berita dikeluarkan setiap hari atau 18,950 berita setiap bulan dalam tempoh yang sama pada 2012.

Laporan Pencapaian KPI menunjukkan Perkhidmatan Berita Dalam Negeri, (PBDN) telah mengeluarkan sebanyak 36,482 berita dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 berbanding sebanyak 35,613 berita telah dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada 2012. Sebanyak 1,821 berita eksklusif turut dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada 2013.

Perkhidmatan Berita Ekonomi, (PBE) pula telah mengeluarkan sebanyak 23,022 berita dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 berbanding sebanyak 24,591 berita telah dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada 2012. Sebanyak 1,086 berita eksklusif turut dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada 2013.

Meja Rencana pula menghasilkan sebanyak 144 artikel dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 berbanding 167 artikel yang dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada 2012.

Meja Mandarin telah mengeluarkan sebanyak 8,614 berita dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 berbanding 8,720 berita dikeluarkan dalam tempoh yang sama pada 2012.

Unit Foto pula telah menghasilkan sebanyak 28,984 keping gambar dalam tempoh Jun hingga Disember 2013 dengan peningkatan sebanyak 979 keping gambar atau 3.5% berbanding 28,005 keping gambar dalam tempoh yang sama pada 2012.

Berita-berita BERNAMA juga dipaparkan oleh stesen televisyen seperti BERNAMA TV dan BERNAMA Radio24 turut mengudarakan informasi dan berita-berita terkini BERNAMA. BERNAMA terkenal kerana identiti BERNAMA sering dibawa dan disebutkan melalui stesen radio antaranya seperti EraFM, HitzFM, SinarFM, THRFM dan BFM setiap kali buletin beritanya disiarkan.

### Jabatan Niaga

Jabatan Niaga berperanan dalam menghasilkan aktiviti jualan dan pemasaran produk BERNAMA kepada pasaran tempatan dan antarabangsa mengikut kehendak serta keperluan pelanggan. Jabatan Niaga terdiri daripada Perkhidmatan Portal, Pemasaran Foto, Media dan Agensi Berita Asing, Pangkalan Data dan Maklumat Korporat, Perhubungan Media dan Pengurusan Acara serta Jualan Nasional.

Berikut adalah pencapaian KPI untuk Perkhidmatan Portal, Pemasaran Foto, Media dan Agensi Berita Asing, Pangkalan Data dan Maklumat Korporat, Perhubungan Media dan Pengurusan Acara serta Jualan Nasional bagi Jun-Disember 2013 berbanding KPI yang disasarkan.

### Perkhidmatan Portal

KPI	
SASARAN 2013	PENCAPAIAN (JUN-DISEMBER 2013)
RM 2.89 Juta	RM 1.27 Juta

### Pemasaran Foto

KPI	
SASARAN 2013	PENCAPAIAN (JUN-DISEMBER 2013)
RM 2.4 Juta	RM 1.88 Juta

### Media dan Agensi Berita Asing

KPI	
SASARAN 2013	PENCAPAIAN (JUN-DISEMBER 2013)
RM 13 Juta	RM 5.40 Juta

### Pangkalan Data dan Maklumat Korporat

KPI	
SASARAN 2013	PENCAPAIAN (JUN-DISEMBER 2013)
RM 2.2 Juta	RM 1.14 juta

### Perhubungan Media dan Pengurusan Acara

KPI	
SASARAN 2013	PENCAPAIAN (JUN-DISEMBER 2013)
RM 2 Juta	RM 2.78 Juta

### Jualan Nasional

KPI	
SASARAN 2013	PENCAPAIAN (JUN-DISEMBER 2013)
RM 18 Juta	RM 2.90 Juta

## BERNAMA TV

BERNAMA TV masih merupakan satu-satunya saluran televisyen yang menerbitkan berita dalam empat bahasa iaitu

Bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan Mandarin. Buletin berita dalam Bahasa Melayu diterbitkan sebanyak lima kali sehari selain Berita Dunia dalam Bahasa Melayu sebanyak dua kali, buletin Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil masing-masing dua kali sehari manakala buletin dalam Bahasa Mandarin sebanyak sekali sehari.

Di samping itu, Meja Penerbitan Bahasa Tamil dan Mandarin telah memperkenalkan program mingguan bual bicara Hello Malaysia edisi Tamil dan Mandarin pada tahun 2013. Program Hello Malaysia edisi Tamil bersiaran selama satu jam manakala Hello Malaysia edisi Mandarin selama setengah jam.

Pertukaran dan penggunaan bahan visual antara BERNAMA TV dan RTM masih diteruskan.

## BERNAMA RADIO24

BERNAMA Radio24 adalah stesen radio 24 jam yang mengudarakan berita sepanjang masa dari segala pelosok negara dan dunia dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

BERNAMA Radio24 menyampaikan semua berita meliputi lalu lintas, laporan cuaca dan juga maklumat perniagaan. BERNAMA Radio 24 turut menampilkan senarai tetamu kehormat yang terdiri daripada pembuat dasar, pemimpin-pemimpin kerajaan dan bukan kerajaan, artis-artis tanah air dan juga ikon perniagaan.

Frekuensi BERNAMA Radio24 di Lembah Klang adalah FM 93.9 dan Johor, FM 107.5.

BERNAMA Radio24 mempunyai ramai pengikut dan sahabat di laman media sosial. Jumlah pengikut BERNAMA Radio24 di laman sosial Twitter adalah seramai 16,400 orang (Jun 2013) dan ianya terus meningkat sehingga 20,350 orang (Disember 2013) manakala jumlah sahabat BERNAMA Radio24 menerusi laman sosial Facebook pula adalah seramai 17,103 orang (Jun 2013) dan ia juga turut meningkat sehingga 28,150 orang (Disember 2013).

## Bernama Systems & Solutions Advisor Sdn Bhd (BESSAR)

BERNAMA System & Solution Advisor Sdn Bhd (BESSAR) telah menghasilkan pendapatannya sebanyak RM 8.67 juta dalam tempoh Jun hingga Disember 2013. Kerugian sebelum cukai yang dicatatkan oleh BESSAR adalah sebanyak RM 0.077 juta dalam tempoh Jun hingga Disember 2013.

Walaupun bagaimanapun, aliran tunai BESSAR adalah berada dalam tahap yang baik di mana jumlah tunai di tangan dan bank serta tagihan hutang mencatatkan sebanyak RM 11.11 Juta.

## Nam News Network (NNN)

NNN mengeluarkan berita setiap hari mengikut kategori berikut – Serantau (Asia, Afrika, Timur Tengah, Latin Amerika, Caribbean dan Eropah), Perniagaan dan Ekonomi, Sukan, Makanan, Rencana Khas, Tenaga, Kebudayaan, Alam Sekitar, Teknologi, Kesihatan, Wanita & Keluarga, Pelancongan, Siaran Media (meliputi Asia News Network), Foto dan Arkib Berita.

Pada tahun 2013, perkhidmatan Sepanyol NNN dikaitkan dengan laman web Bernama.com dan berita harian dalam bahasa Inggeris, Sepanyol dan Arab juga disediakan untuk ssig.gov.my (Maklumat Selatan *Selatan Gateway*) di mana laman web tersebut dikendalikan oleh KKMM.

Dalam tempoh Jun hingga Disember 2013, sebanyak 21,323 berita Bahasa Inggeris, 5,558 berita Bahasa Sepanyol dan 12,699 berita Bahasa Arab telah dimuatnaik.

Dalam tempoh Jun hingga Disember 2013, NNN mencatat rekod pengunjung portalnya, namnewsnetwork.org sebanyak 404,934 pengunjung untuk perkhidmatan Bahasa Inggeris, 34,738 pengunjung untuk perkhidmatan Bahasa Sepanyol dan 40,080 pengunjung untuk perkhidmatan Bahasa Arab.

Statistik ini adalah kesan langsung penglibatan NNN dengan pelbagai laman web media sosial seperti Facebook, Twitter dan Pinterest.

## Perjawatan

BERNAMA mempunyai seramai 611 petugas (Jun 2013) dan bertambah kepada 629 petugas (Disember 2013). Ianya meliputi

Skim SSM seramai 382 petugas (Jun 2013) dan bertambah menjadi 386 petugas (Disember 2013). Skim komersial pula seramai 142 petugas (Jun 2013) dan bertambah menjadi 145 petugas (Disember 2013). Petugas kontrak pula seramai 47 petugas (Jun 2013) dan bertambah menjadi 69 petugas (Disember 2013). 40 petugas sambilan (Jun 2013) dan berkurang menjadi 29 petugas (Disember 2013). 4 petugas Skim SSM dan 5 petugas kontrak dipinjamkan ke :


- BESSAR - 1 petugas Skim SSM
- KKMM - 1 petugas Skim SSM dan 5 petugas kontrak
- Pejabat KSN - 1 petugas Skim SSM
- Jab. Perdana Menteri - 1 petugas Skim SSM
- (Esscom)

Jumlah keseluruhan kakitangan BERNAMA Radio24 bagi Tahun 2013 pula adalah seramai 50 petugas.

## Kursus dan Latihan

Dalam tempoh Jun sehingga Disember 2013, sebanyak 252 kursus meliputi bengkel, seminar, program ceramah dan sesi pembelajaran telah diadakan. Jumlah ini merangkumi 58 (23%) kursus Kualiti & Produktiviti, 52 (21%) kursus Pengurusan & Kepimpinan, 48 (19%) kursus Pembangunan Diri, 48 (19%) kursus Komputer & Teknologi Maklumat, 38 (15%) Kursus Bahasa & Komunikasi serta 8 (3%) Kursus Business Development. Pusat Kecemerlangan mencapai 95% KPI bagi warga Bernama yang berjaya menyertai sekurang-kurangnya 7 hari kursus dalam setahun. Jumlah peratusan kursus di rujuk pada carta di bawah.

Carta: Peratus jumlah kursus dilaksanakan oleh BERNAMA bagi Jun-Disember 2013.



## Program / Aktiviti

BERNAMA telah menjalankan pelbagai aktiviti rasmi dan atau aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Jun hingga Disember 2013 adalah :



Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Dalam Negeri BERNAMA, Datuk Zakaria Abd Wahab (tengah) beramah mesra bersama anak-anak yatim Darul Mahbah pada Majlis Berbuka Puasa BERNAMA Kids 1Malaysia Club (BK1MC) di Wisma BERNAMA pada 27 Julai 2013.



Menteri KKMM Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek beramah mesra bersama warga kerja Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ketika hadir pada Majlis Mesra Hari Raya Bernama pada 29 Ogos 2013.



Pameran Merdeka ke-56 anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama BERNAMA, RTM, FINAS, SKMM dan Jabatan Hal Ehwal Khas pada 8 September 2013.



Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin (enam dari kiri) bergambar kenangan di hadapan Kota A Famosa sempena program Pelancaran Hari UNESCO Malaysia 2013 di Dataran Memorial Kemerdekaan, Bandar Hilir. Turut hadir ialah Ketua Menteri Melaka Datuk Idris Haron (tujuh dari kiri) dan Pengarah Pejabat Serantau UNESCO di Jakarta, Prof Hubert Gijzen (lima dari kiri).



Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2013 di Dataran Memorial Kemerdekaan, Bandar Hilir, Melaka pada 3 Oktober 2013.

## PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL (FINAS)

Sepanjang tahun 2013, pencapaian KPI FINAS yang telah ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia agak memberangsangkan di mana hasil jualan filem tempatan ke pasaran luar negara mencapai sebanyak RM160.70 juta (sasaran RM110 juta); hasil sewaan perkhidmatan perfileman berjumlah RM2.06 juta (sasaran RM2.5 juta); hasil tayangan filem cereka tempatan berjumlah RM85 juta (sasaran RM110 juta); dan tindakan diambil ke atas 93% aduan dalam masa 72 jam (54/58 tindakan kes).

### Komunikasi Korporat

Berperanan penting dalam membantu mengekalkan hubungan dan reputasi yang baik dengan pelanggan FINAS, penglibat industri, media dan masyarakat melalui perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Disamping itu Komunikasi Korporat juga berperanan dalam menyampaikan dasar dan program / aktiviti FINAS secara berkesan, tepat dan bersifat rasmi kepada golongan sasaran dan pelanggan FINAS.

### Lawatan Akademik Ke FINAS

Sepanjang tahun 2013, FINAS telah menerima seramai 806 orang pelawat dari IPTA, IPTS, Sekolah-sekolah dan Agensi Kerajaan. Pelawat akan diberi taklimat berkaitan fungsi, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh FINAS dalam memajukan industri perfileman serta akan dibawa melawat pusat pasca produksi Finaspost, Studio Sound Stage, Studio Digital Mix Stage Galeri Perfileman serta kemudahan- kemudahan di FINAS, Petaling Jaya.

### Pengaduan Awam

FINAS telah melaksanakan Sistem Pengurusan Aduan yang dinamakan Integrated Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (iSPAAA) bermula Oktober 2011 dimana pengurusan pengendalian maklum balas pelanggan adalah lebih sistematik, cekap dan efisien. iSPAAA merupakan satu platform sistem pengurusan aduan awam yang seragam dan bersepadu di kesemua Kementerian/Agensi kerajaan dan ianya menjadi pemudahcara dalam satu teknologi yang menggabungkan amalan terbaik dalam pengurusan aduan awam berdasarkan konsep 3R (*Responding, Recording dan Reporting*) dan persekitaran 5S (*Strategi, Sistem, Struktur dan Sumber Manusia*). Sepanjang tahun 2013 FINAS telah menerima sebanyak 6 aduan dan kesemuanya selesai dijawab.

### Ziarah dan Sumbangan Kewangan Karyawan Seni

Kementerian menerusi FINAS telah menyalurkan sumbangan bantuan kepada pelakon dan karyawan seni yang memerlukan bantuan kewangan atas faktor kesihatan. Melalui Tabung

Kebajikan Penggiat Seni, FINAS telah menyerahkan sumbangan dan menziarahi karyawan seni yang telah meninggal dunia dan sakit. Antara karyawan seni yang telah menerima sumbangan ialah Datuk Abdul Rahim Mohd Razali, Allahyarham S. Shamsudin, Allahyarhamah Latifah Omar dan ramai lagi. Tan Sri Jins Shamsudin turut menerima sumbangan yang telah disampaikan oleh Menteri di kediaman beliau di Hulu Kelang pada 9 Mac 2013.

### Keratan Akhbar Berkaitan Industri Perfileman

FINAS amat prihatin terhadap perkembangan industri perfileman tempatan. Pelbagai pandangan, cadangan dan idea serta isu-isu semasa perfileman telah diutarakan oleh pihak media massa. Justeru itu, Unit Komunikasi Korporat telah mengambil inisiatif memantau keratan-keratan akhbar tersebut. Secara purata sebanyak 3105 keratan yang telah dipantau dan artikel tersebut akan dipilih untuk dipertandingkan dalam Anugerah Trofi Samad Idris.

### Bahagian Pembangunan Industri

#### Unit Latihan Industri

Sejumlah 52 program latihan perfileman telah diadakan sepanjang tahun 2013 iaitu 45 bengkel perfileman, 2 master class dan 5 penganjuran seminar, forum serta diskusi. Seramai 2,236 orang peserta daripada pelbagai bengkel dan master class berjaya dilatih. Berlandaskan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN), FINAS menerusi Bahagian Pembangunan Modal Insan komited mengadakan program-program latihan perfileman khususnya kepada karyawan, penggiat seni dan pelajar perfileman tempatan melalui aktiviti berbentuk bengkel, kursus, apresiasi filem, seminar, forum dan master class. Peningkatan program latihan sebanyak 69.39%.

#### Unit Galakan Industri

- Dana Pinjaman Filem Cereka (DPFC)**  
 Pada tahun 2013, sebanyak 66 permohonan pinjaman diluluskan dengan amaun RM70,182,000.00. Walau bagaimanapun sebanyak 17 permohonan telah menarik balik permohonan atau dibatalkan atas pelbagai sebab menjadikan jumlah sebanyak 49 kelulusan dengan amaun RM51,540,000.00. Sebanyak 32 judul filem berjaya disiapkan dan sebuah filem daripadanya telah ditayangkan pada tahun 2013 iaitu filem berjudul 'Lemak Kampung Santan' keluaran Tall Order Prod. Sdn. Bhd. Terdapat peningkatan bagi tahun 2013, sebanyak 12 peminjam telah berjaya membayar balik pinjaman sepenuhnya dengan amaun RM12,900,000.00 berbanding tahun sebelumnya (11 sahaja).

- **Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia**

Sehingga 31 Disember 2013, daripada 62 permohonan diterima sebanyak 38 permohonan telah diluluskan sebanyak RM605,236.95. Permohonan yang diluluskan adalah terdiri daripada 9 penerbitan filem pendek/ dokumentari/animasi, 20 bantuan aktiviti perfileman dan selebihnya merupakan bantuan kepada industri termasuk mengadakan majlis anugerah, menghadiri festival antarabangsa serta dana mengadakan majlis bagi persatuan perfileman.

- **Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan**

Pada tahun 2013 tiada permohonan baru di bawah Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan.

- **Dana Penerbitan Filem Cereka Animasi**

Pada tahun 2013 sebanyak 36 syarikat memohon Dana Penerbitan Filem Cereka Animasi. Daripada jumlah tersebut hanya 30 buah syarikat sahaja yang hadir sesi persembahan Dana Penerbitan Filem Cereka Animasi. Hasil daripada sesi persembahan tersebut, 5 buah syarikat akan dipanggil semula untuk membentangkan projek Penerbitan Filem Cereka Animasi yang akan diadakan pada bulan Januari 2014.

- **Dana Kesan Khas (CGI)**

Di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Negara Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (NKEA CCI) : *My Creative Content* (EPP-1), bermula tahun 2010 Kerajaan telah menyediakan Dana Kesan Khas (CGI) untuk membantu penggiat dan karyawan filem bagi menghasilkan filem tempatan yang berkualiti dengan kesan visual yang mantap seiring dengan perkembangan teknologi digital masa kini.

Pada tahun 2013, sebanyak 11 permohonan telah diluluskan di bawah Dana Kesan Khas (CGI) daripada 17 permohonan. Jumlah keseluruhan kelulusan dana adalah sebanyak RM6,030,000.00. Sepanjang tahun 2013 sebanyak 5 buah filem berjaya disiapkan dan ditayangkan.

- **Skim Wajib Tayang**

Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk menerima dan mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pemamer. Pihak pemamer wajib menayangkan filem yang diluluskan selama 14 hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.

Bermula pada bulan Mei 2012 bagi mengelakkan lambakan filem yang telah didaftarkan di bawah Skim Wajib tayang, FINAS mengambil inisiatif untuk menayang satu minggu dua buah filem. Dengan adanya Skim Wajib Tayang, penerbit filem tempatan tidak lagi bimbang kerana diberi jaminan melalui pelaksanaan Skim Wajib Tayang, filem-filem cereka tempatan yang memenuhi takrif filem tempatan layak ditayangkan di pawagam-pawagam terpilih.

Pada tahun 2013, sebanyak 71 buah filem telah ditayangkan dengan jumlah kutipan kasar sebanyak RM85,339,493.23 juta.

Sebanyak 27 buah filem telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1 juta. Filem cereka berjudul 'Husin, Mon & Jin Pakai Toncit' terbitan Tayangan Unggul Sdn. Bhd merupakan filem yang mendapat kutipan yang tertinggi berjumlah RM5,889,202.00 bagi tahun 2013.

## Pemasaran dan Promosi

Penyertaan FINAS di pasaran antarabangsa adalah untuk menggalakkan penerbit dan syarikat filem tempatan memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan mereka serta melebarkan pasaran filem Malaysia ke pelbagai benua. FINAS secara konsisten membawa penerbit dan pengeluar menyertainya bagi mengukuhkan jaringan dan penyertaan Malaysia ke pasaran filem antarabangsa.

Pasaran filem antarabangsa merupakan landasan yang paling sesuai untuk mewujudkan rangkaian perniagaan, pengetahuan pasaran, hubungan dan peluang perniagaan dengan para profesional dalam bidang berkaitan.

Antara produk yang mendapat perhatian pembeli luar negara ialah filem cereka, dokumentari, animasi dan drama.

Pasaran filem antarabangsa memberi manfaat dalam pelbagai aspek terutama dalam urusan niaga, peluang perniagaan, jaringan hubungan serta perkongsian ilmu bagi meningkatkan industri perfileman Malaysia. Ini sejajar dengan agenda kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKRA) di mana industri kreatif ini berpotensi untuk menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

Pada tahun 2013, FINAS telah menyertai sebanyak 7 program pasaran filem antarabangsa iaitu *European Film Market* di Jerman, *Hong Kong Filmart* di Hong Kong, *MIPTV*, *MIPCOM* dan *Marche Du Film* di Perancis, *American Film Market* di Amerika Syarikat dan *Asia Television Forum* di Singapura, berbanding 9 program pasaran filem pada tahun sebelumnya. Hasil jualan filem tempatan di pasaran filem antarabangsa adalah sebanyak RM160.69 juta (2013) berbanding RM176.79 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan sebanyak 10.02%. Program pemasaran oleh FINAS memberi ruang dan peluang kepada filem-filem tempatan menembusi pasaran filem antarabangsa dan mengadakan usaha sama produksi dengan syarikat produksi antarabangsa.

## Pelesenan dan Penguatkuasaan

Mengawal selia aktiviti perfileman melalui Perlesenan dan Penguatkuasaan bagi memelihara dan memajukan industri perfileman negara berdasarkan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981-Akta 244.

Secara keseluruhan lesen bagi aktiviti perfileman yang telah dikeluarkan pada tahun 2013 adalah sebanyak 7,285

dibandingkan tahun 2012 sebanyak 7,115 lesen. Peningkatan lesen pengeluaran filem pada tahun 2013 telah memberi impak positif yang besar kepada industri perfileman. Ini dapat dilihat apabila permohonan lesen pengeluaran filem (PF) telah meningkat sebanyak 1,379 lesen dikeluarkan pada tahun 2013 dibandingkan 1,231 (2012). Bagi aktiviti pengeluaran video (PV) pula, bilangan pengeluaran lesen adalah sama iaitu 37 lesen (2012) dan 37 lesen pada 2013. Pengeluaran lesen pengedaran filem (DF) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 1,162 lesen telah dikeluarkan pada tahun 2013 berbanding 985 lesen (2012). Lesen pengedaran video (DV) menunjukkan penurunan sebanyak 2,440 lesen yang dikeluarkan berbanding 2,701 lesen (2012). Bagi lesen pemameran filem (EF) pula menunjukkan peningkatan sebanyak 848 lesen dikeluarkan pada tahun 2013 berbanding 788 lesen (2012). Bagi lesen pemameran video (EV) pula, menunjukkan peningkatan sebanyak 1,419 lesen dibandingkan 1,373 lesen (2012).

## Bahagian Pengurusan Produksi

### Pengurusan Produksi

Melalui inisiatif Dasar Perfileman Negara, Bahagian Pengurusan Produksi telah diwujudkan di FINAS bagi meningkatkan lagi penerbitan dan kualiti filem dokumentari tempatan setaraf dengan penerbitan dokumentari antarabangsa. Bahagian

Pengurusan Produksi juga telah menerbitkan pelbagai promo untuk program di bawah KKMM.

### PENERBITAN DOKUMENTARI

Penerbitan dokumentari merupakan salah satu usaha yang telah dijayakan oleh FINAS di bawah pelaksanaan Dasar Perfileman Negara. Pelbagai judul dokumentari berkualiti telah berjaya diterbitkan terutamanya melalui penerbitan dokumentari dengan usahasama badan penyiar antarabangsa seperti *National Geographic Channel*, *AETN All Asia Network* dan *Discovery Channel*. Secara tidak langsung, pemindahan teknologi dan aspek teknikal pembikinan dokumentari mengikut ketetapan antarabangsa telah dapat dicapai serta sejarah, biografi dan adat budaya Malaysia dapat ditonjolkan kepada masyarakat antarabangsa.

### UNIT TEMPATAN

#### Pencapaian Dokumentari FINAS

Pada tahun 2013, sebanyak 3 festival dokumentari telah FINAS sertai sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Tujuan penyertaan ini adalah membawa dokumentari terbitan FINAS lebih dikenali dan diiktiraf sehingga ke peringkat antarabangsa. Jadual di bawah adalah senarai pencapaian dokumentari FINAS bagi tahun 2013.

Jadual: Pencapaian dokumentari FINAS.

BIL	NAMA PROGRAM	PENCAPAIAN	TAJUK DOKUMENTARI
1.	<i>The Archeology International Film &amp; Video Festival</i> , Eugene, Oregon, USA	a. <i>Best Public Education Award</i> b. <i>Best Narration Award</i> c. <i>Top 3 best documentary</i>	<i>Unburying The Past</i>
2.	<i>Asian Televisyen Awards</i> , Singapura	<i>Finalist Best Documentary Series</i>	a. <i>The Last Train</i> b. <i>Royal Carver</i> c. <i>Agarwood – Black Gold of The Forest</i> d. <i>Royal Press : Printing Relic</i> e. <i>Spirit of Woods</i>
3.	<i>Festival Documentary Awards 2013</i> , Malaysia	a. <i>Best Audio</i> b. <i>Best Documentary</i> c. <i>Best Director</i> d. <i>Best Script</i> e. <i>Best History Documentary</i>	<i>The Rising Sun Over Malaya</i>
		a. <i>Best Cinematography</i> b. <i>Best Documentary Heritage and Culture</i>	<i>The Royal Press</i>

## Penerbitan Filem Kenegaraan Dan Warisan

Program Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan bertujuan untuk mengekalkan warisan sejarah negara dalam bentuk visual untuk tatapan masyarakat. Filem kenegaraan merupakan sebuah filem yang membawa jalan cerita yang dapat memperkenalkan budaya, kesenian dan warisan masyarakat Malaysia. Filem kenegaraan ini bukan saja boleh berunsur sejarah dan perjuangan bangsa tetapi juga boleh membawa mesej kekeluargaan, patriotisme dan perpaduan, melahirkan masyarakat berilmu, harmonis dan penyayang.

Pada 2013 sebuah karya telah diberikan dana bagi penerbitan filem kenegaraan bertajuk Kanang Anak Langkau – The Iban Warrior. Tujuan filem ini diterbitkan adalah untuk memaparkan kisah perjuangan Mendiang Datuk Temenggung Kanang Anak Langkau dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan Negara. telah bersetuju untuk membantu dan melantik Tangan Seni Sdn. Bhd (No. Syarikat:804707-X) bagi menyempurnakan penerbitan Filem Kenegaraan tersebut.

Sehubungan dengan ini, pihak FINAS telah bersetuju untuk membantu Tangan Seni Sdn. Bhd bagi menyempurnakan penerbitan Filem Kenegaraan tersebut dengan menyalurkan dana berjumlah RM1.5 juta dalam bentuk tunai dan RM500,000

dalam bentuk bantuan peralatan serta kemudahan produksi. Manakala Kementerian Kewangan Malaysia melalui FINAS bersetuju menyalurkan dana tunai sebanyak RM2.0 juta bagi menampung sebahagian kos penerbitan Filem Kenegaraan ini. Justeru, jumlah keseluruhan dana adalah sebanyak RM4.0 juta.

## Unit Antarabangsa

### Penerbitan Dokumentari Dengan Kerjasama Penyiar/ Syarikat Produksi Antarabangsa

Kerjasama penerbitan dokumentari dengan badan penyiar atau syarikat produksi antarabangsa telah bermula pada tahun 2007. Tujuan kerjasama ini adalah mendedahkan dan meningkatkan lagi mutu penerbitan dokumentari tempatan disamping kandungan dan cerita Malaysia dapat disaksikan di seluruh dunia. Pada tahun 2013, sebanyak 9 tajuk dokumentari dengan kerjasama penyiar/syarikat produksi antarabangsa telah di buat. Jadual-jadual di bawah menunjukkan senarai dokumentari yang dilaksanakan dengan kerjasama penyiar / syarikat produksi antarabangsa.

**Jadual: Senarai dokumentari dengan kerjasama National Geographic Channel (NGCI)**

BIL	TAJUK	DURASI	BAHASA
1.	Malaysia Through The Decades	60 minit	Inggeris
2.	Ten Things You Don't Know About Malaysia	60 minit	Inggeris

**Jadual: Senarai dokumentari dengan kerjasama Autentic GBMH, Germany**

BIL	TAJUK	DURASI	BAHASA
1.	Wild Park of Asia	60 minit	Inggeris

**Jadual: Senarai dokumentari dengan kerjasama syarikat dan badan penyiar Jepun**

BIL	TAJUK	DURASI	BAHASA
1.	The Borneo Pygmy Elephant (Hokkaido Television Broadcasting Co. Ltd.)	30 minit	Melayu & Inggeris
2.	The Immortal Shadow (Cosmo Space Co. Ltd.)	60 minit	Melayu & Inggeris
3.	Mushi-Rerama (Alite Engineering Inc)	30 minit	Melayu & Inggeris
4.	Gourmet Rescue (Chubu-Nippon Broadcasting Co. Ltd.)	30 minit	Melayu & Inggeris

**Jadual: Senarai dokumentari dengan kerjasama syarikat produksi Australia**

BIL	TAJUK	DURASI	BAHASA
1.	The Coral Triangle (Wild Fury Pty. Ltd.)	60 minit x 3 episod	Inggeris
2.	Acid Ocean (360 Degree Pty Ltd)	60 minit	Inggeris

### Penganjuran *Asian Side Of The Doc (ASD) 2013*

*Asian Side Of The Doc* merupakan sebuah acara tahunan yang dianjurkan oleh Bang Media Group sebagai satu platform untuk mencari pasaran dan rakan kongsi bagi penerbitan dokumentari secara bersama (*co-production*). ASD diwujudkan di rantau Asia sebagai kesinambungan *Sunny Side Of The Doc* yang telah diwujudkan sejak tahun 1990 di Perancis. ASD telah memulakan penganjuran pertama kalinya di Hong Kong pada tahun 2010, diikuti Seoul, Korea pada tahun 2011 dan pada 2012 di Tokyo, Jepun.

Pada tahun 2013, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai tuan rumah untuk menganjurkan ASD ini secara bersama FINAS dengan Bang Media Group, Singapura. Acara ini telah berlangsung pada 18 hingga 22 Mac 2013 di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur. Seramai 512 delegasi daripada 45 negara dan 130 badan penyiar telah hadir menyertai ASD ini. Sepanjang 5 hari tersebut, pelbagai program telah di adakan antaranya *Masterclass*, Bengkel *Crossing Borders*, Sesi *Pitching*, tayangan dokumentari, *Side by Side Meeting* dan Forum.

Pada ASD kali ini, sebanyak 131 projek dokumentari telah mendaftar dan 27 projek telah dipilih oleh 8 panel juri. Berikut keputusan projek dokumentari yang berjaya terpilih:

<b>Best Asian Pitch:</b>	<b>“Please Remember Me”</b> Zhao Qing Shape Pictures, China
<b>Best International Pitch:</b>	<b>“Love is not a Crime”</b> Thomas Ellis Babel Press, United Kingdom
<b>Best Malaysian Pitch:</b>	<b>“Borneo Punk Rock”</b> Nadira Ilan Matavia Reka Sdn Bhd, Malaysia
<b>Best Malaysian Pitch (2nd prize)</b>	<b>“The Gold Detective”</b> Ahmad Yazid Ahmad Puad Rack Focus Films, Malaysia
<b>Special Jury Award:</b>	<b>“like ants for sugar”</b> Shirley Abraham Pickle Jar, India
<b>Best Video Pitch (Docs In Progress)</b>	<b>“Okwhan: Mission Impossible”</b> Marek Mackovic Filmpark Production, S.R.O., Slovakia

# PERBADANAN PEMBANGUNAN MULTIMEDIA (MDeC)

MDeC adalah perbadanan milik kerajaan yang diwujudkan pada tahun 1996 bagi membantu pembangunan dan promosi usaha ICT Malaysia, MSC Malaysia. MDeC berperanan memberikan khidmat nasihat kepada Kerajaan Malaysia berhubung perundangan dan polisi ICT, membangunkan MSC Malaysia sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi dan menetapkan piawaian penemuan baru bagi ICT dan operasi multimedia. MDeC turut mempromosi MSC Malaysia di peringkat tempatan dan global, selain menyokong syarikat yang berada dalam lingkungan lokasi MSC Malaysia.

MDeC bekerja rapat dengan pelbagai pihak dan agensi kerajaan bagi memastikan MSC Malaysia menawarkan persekitaran bersesuaian bagi syarikat untuk meneroka potensi ICT dan teknologi multimedia secara optimum.

MSC Malaysia adalah gerak usaha nasional yang diterajui Kerajaan Malaysia bagi mempromosi industri ICT negara dan menyediakan pelantar bagi industri ICT global. MSC Malaysia membentuk persekitaran bersesuaian dalam membantu syarikat mengembangkan potensi ICT dan teknologi multimedia secara optimum. Berbekalkan persekitaran perniagaan ideal dan limpahan sumber tenaga, MSC Malaysia menarik penyertaan pelbagai syarikat global ICT serta menempatkan teknologi terkini mereka di bandar siber kendalian MSC Malaysia. MSC Malaysia turut menyediakan suasana pertumbuhan ideal bagi Usahawan Kecil dan Sederhana ICT untuk mengubah kedudukan mereka menjadi syarikat bertaraf dunia.

Pada bulan Oktober 2010 MDeC telah di berikan mandat oleh Kerajaan untuk merangka suatu pelan asas untuk membangunkan dan menerajui Ekonomi Digital Nasional.

Maka pada tahun 2011 dilancarkan inisiatif "Digital Malaysia" yang berdasarkan tiga teras utama bertujuan untuk memacu negara ke arah menjadi sebuah ekonomi digital yang maju menjelang tahun 2020. Digital Malaysia akan mencetuskan ekosistem digital yang akan mempromosikan penggunaan ICT secara menyeluruh di dalam semua aspek ekonomi bagi menghubungkan masyarakat global dan membolehkan mereka berinteraksi di dalam masa sebenar dan seterusnya meningkatkan Pendapatan Negara Kasar, produktiviti dan memperbaiki taraf kehidupan rakyat.

Kini, MDeC bertanggungjawab keatas sektor ICT menerusi inisiatif MSC Malaysia dan keseluruhan ekonomi digital menerusi inisiatif Digital Malaysia. Kedua-dua inisiatif ini dijalankan serentak dengan tujuan untuk menyemarakkan perkembangan industri ICT dan pembangunan ekonomi digital negara.

## MSC Malaysia

Pada tahun 2013, sebanyak 236 syarikat baru telah diberikan status MSC Malaysia. Pencapaian ini membawa kepada jumlah syarikat-syarikat yang berstatus MSC Malaysia meningkat kepada 3,403 syarikat keseluruhannya pada akhir tahun 2013. Kejayaan ini juga membawa kepada peningkatan sebanyak 3 peratus dalam jumlah pelaburan kepada RM3 bilion untuk tahun 2013. Rujuk fakta di bawah.

### Prestasi Pencapaian MSC Malaysia 2013



## Kluster Multimedia Kreatif

Kluster tersebut telah mempergiatkan usahanya untuk membangunkan industri kreatif Negara dengan pelbagai usaha termasuk memberikan insentif, membuka ruang untuk peluang-peluang pemasaran, memperkenalkan syarikat-syarikat tempatan kepada syarikat-syarikat di luar negara dan menganjurkan misi-misi perdagangan ke negara-negara untuk memenuhi permintaan tinggi negara-negara luar keatas bahan kandungan yang dihasilkan oleh industri multimedia kreatif.

Antara pencapaian-pencapaian yang membanggakan kluster ini menerusi usaha-usaha di atas adalah;

- Menjana pendapatan melalui penjualan hasil-hasil kandungan multimedia kreatif syarikat-syarikat tempatan berjumlah RM60.7 juta melalui misi-misi pemasaran ke negara-negara di benua Amerika Utara, Asia Pasifik dan Eropah.

- Sebanyak 10 projek dari Malaysia yang diperagakan pada acara “Asian Animation Summit 2013” telah berjaya meraih peluang pemasaran berjumlah RM 2 juta.
- Sejumlah 12 projek yang berkaitan dengan pendedaran, pembelian dan pengeluaran bersama antara syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat, Australia, Thailand, Korea Selatan dan China telah berjaya dicapai atau dimeterai semasa acara “MIPCOM 2013”.

### Kluster Perkongsian Perkhidmatan dan Penyumberan Luar Global

Seiring dengan usaha untuk membangunkan keupayaan syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam bidang

perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar, kluster tersebut telah meneruskan program “MSC Malaysia SCORE+” yang mengkhusus kepada memperbaiki kecekapan syarikat-syarikat berkenaan berdasarkan tujuh kelopak pembangunan. Program ini merangkumi penglibatan pakar-pakar dari pelbagai industri yang memberikan tunjuk ajar, perkongsian maklumat, amalan terbaik dan strategi untuk membolehkan syarikat-syarikat tersebut berkembang dan maju. Pelbagai kempen-kempen lain juga seperti “SSO As A Career Of Choice” dan “SSO Night Of Excellence” dianjurkan untuk memperkenalkan dan memperkembangkan industri tersebut.




Para wakil-wakil syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia yang menonjolkan prestasi baik dalam industri perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar bergambar bersama pegawai-pegawai kanan MDeC semasa majlis “SSO Night of Excellence”.

### Kluster Teknologi Informasi (INFOTECH)

Pelbagai program, seperti “Enterprise Development”, “Infotech Executive Dialogue”, “Infotech Roadshow 2013”, “MSC Malaysia Cloud Computing Initiative 2013” dan “MSC Malaysia Cloud Conference” telah dianjurkan oleh kluster Infotech untuk memajukan lagi pencapaian syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri teknologi informasi dan berkaitan. Antara kejayaan-kejayaan yang dicatatkan termasuk;

- Sebanyak 142 syarikat-syarikat Infotech baru telah dibangunkan.

- Sebanyak 15% syarikat-syarikat yang telah menyertai program-program pembangunan perniagaan sepanjang tahun 2006 hingga 2013 telah berjaya meningkatkan tahap kecekapan mereka dari Peringkat 3 kepada Peringkat 2.
- Sebanyak 14 program pembangunan keupayaan perniagaan telah dijalankan sepanjang tahun 2013.
- Penarikan pelabur asing dan dalam negara khususnya perkhidmatan jual-beli atas talian “ECard Services Malaysia Sdn Bhd – Lazada.com.my” dan aplikasi melanggan perkhidmatan taksi secara atas talian iaitu “MyTeksi Sdn Bhd”.



Gambar kombinasi: Ucapan aluan oleh Datuk Badlisham Ghazali, CEO MDeC; Para perwakilan mendapatkan maklumat lanjut mengenai MSC Malaysia dari pegawai di petak pameran MDeC dan acara cabutan bertuah yang diadakan semasa persidangan “MSC Malaysia Cloud Conference 2013”.

### Bahagian Pembangunan Kerjaya

Program-program yang dilaksanakan oleh bahagian Pembangunan Kerjaya menjurus kepada peningkatan kemahiran bagi pelbagai golongan termasuk pelajar, mahasiswa, graduan yang baru menjejaskan kaki ke alam pekerjaan serta pekerja

berpengalaman dan berpengetahuan. Antaranya adalah “MSC Malaysia Talent Conference”, “Cisco NetRiders Malaysia 2013”, Perjanjian Persefahaman dengan Cisco Malaysia dan “Intel-MDeC Intelligent Systems Curriculum Development Workshop”.



Gambar kombinasi: Sesi-sesi makmal dan bimbingan yang diadakan semasa program “Intel-MDeC Intelligent Systems Curriculum Development Workshop”

### Bahagian Pembangunan Modal Inovasi

Antara program-program yang dijayakan oleh bahagian ini termasuk “Big Data Week 2013” yang dianjurkan di Kuala Lumpur dan juga dijalankan serentak di 25 bandaraya di seluruh dunia. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu industri ICT negara meningkatkan keupayaan mereka dalam aspek Penilaian Data Yang Besar dan sekaligus membuka pelbagai peluang menghasilkan produk dan perkhidmatan dalam bidang “Big Data Analytics”. Usaha-usaha lain yang dijalankan termasuk menyediakan dana untuk pembangunan produk dan dagangan, program mempercepatkan kemajuan teknologi untuk syarikat-syarikat dan juga badan-badan korporat dengan usahasama antara beberapa agensi, syarikat-syarikat persendirian dan badan-badan korporat.



Para pemenang program Mempercepatkan Kemajuan Teknologi yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Modal Inovasi.

## Bahagian Kemajuan Bandar Cyber dan Pusat Cyber

Bahagian MSC Malaysia Cybercities and Cybercentres ini diperkenalkan dengan tujuan untuk menyediakan infrastruktur dalam bentuk fizikal dan informatif bertaraf dunia bagi pelabur dan syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia. Ia juga bertujuan supaya ekosistem yang berkaitan dapat diwujudkan dan mereka dapat menjalankan aktiviti dan perniagaan dalam suasana yang kondusif dan juga berupaya menarik pelabur-pelabur dalam industri ICT dan mengasuh syarikat-syarikat ICT tempatan untuk memajukan perniagaan mereka ke peringkat global.

Antara lain, kemudahan-kemudahan yang terdapat di Bandar and Pusat Cyber adalah penyediaan sumber tenaga elektrik yang berterusan tanpa gangguan, penyediaan kemudahan rangkaian perhubungan dan telekomunikasi oleh pelbagai syarikat termasuk perkhidmatan Internet, suara dan data serta bertindak sebagai pusat perkhidmatan sehenti bagi pelanggan-pelanggan dan syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia.

Pada peringkat awal, selepas pelancaran inisiatif Multimedia Super Corridor pada tahun 1996, MDeC telah memajukan perkembangan Bandar dan Pusat Cyber kepada lima lokasi, iaitu KLCC, Technology Park Malaysia, Menara KL, Cybercity 1 di Pulau Pinang dan Kulim Hi-Tech Park di Kedah. Ini disusuli dengan penubuhan lebih banyak pusat demikian di seluruh negara dan sehingga akhir tahun 2013, MDeC telah mengiktiraf sejumlah 31 lokasi lain sebagai Bandar dan Pusat Cyber MSC Malaysia.

## Inisiatif Digital Malaysia

Bawah inisiatif Ekonomi Digital Nasional yang diterajui oleh MDeC dan yang dikenali sebagai – Digital Malaysia, beberapa projek perintis telah dilaksanakan dan ia melibatkan pengkhususan kepada empat komuniti yang telah di kenal pasti. Komuniti-komuniti tersebut adalah Usahawan Digital; B40 (yang merupakan golongan 40% penduduk yang terkandung dalam kumpulan yang menjana pendapatan isirumah terendah); Belia dan Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Projek-projek terbabit yang merangkumi keempat-empat golongan tersebut menerusi inisiatif Digital Malaysia telah mencapai kejayaan yang membanggakan dengan mencatat pencapaian 108 peratus dari segi penjana Pendapatan Negara Kasar serta 108 peratus dalam aspek peluang pekerjaan yang terbentuk. Selain daripada itu, pelaksanaan projek-projek tersebut juga berjaya meraih pelaburan dari sektor swasta berjumlah RM300 juta.

Sejurus dengan kejayaan tersebut, MDeC dengan kerjasama pelbagai pihak dari sektor swasta dan Kerajaan, telah membangunkan satu pelan rangka yang dinamakan “Digital Malaysia Roadmap” yang lebih dikenali sebagai “DM354 Roadmap” di mana ia mewakili Tiga Kawasan Persekitaran yang diberikan focus, Lima sub-sektor Digital dan Empat Komuniti yang dikenal pasti. Usaha ini memberikan tumpuan kepada tiga aspek iaitu mencipta peluang, penerapan dan penggunaan dalam lima sub-sektor digital iaitu sektor Perkhidmatan ICT, sektor e-Perdagangan, sektor Pembuatan barangan beterasan ICT, sektor Perniagaan melibatkan ICT dan sektor Kandungan & Media. Carta di bawah menunjukkan pencapaian inisiatif Digital Malaysia telah menjangkau sasaran yang di tetapkan bagi tahun 2013.

**Carta : Pencapaian inisiatif Digital Malaysia telah menjangkau sasaran yang di tetapkan bagi tahun 2013.**













# MYNIC SDN BHD

MYNIC Berhad adalah agensi di bawah KKMM dan dikawal selia oleh MCMC selepas perpindahan fungsi dan peranannya dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 10 September 2013.

MYNIC Berhad adalah pentadbir tunggal alamat internet yang berakhir dengan .MY di Malaysia. .MY memberikan identiti jenama yang unik di dalam talian kepada syarikat, perniagaan, organisasi dan individu di Malaysia.

## Teras Perkhidmatan

<b>1. Domain - Kategori Terbuka</b>						
						
<b>2. Domain - Kategori Tertutup</b>			<b>3. Domain Diantarabangsakan (IDN)</b>			
						
<b>Servis Pendaftaran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Database</li> <li>• WHOIS</li> <li>• DNS Resolution</li> </ul>		<b>Perkhidmatan Nilai Tambah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• .my Dispute Resolution Services (MYDRP)</li> <li>• Sensitive Names Dispute Resolution Policy (SNDRP)</li> </ul>		<b>Perkhidmatan Pendaftaran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan pendaftaran dalam talian</li> <li>• Khidmat Pelanggan &amp; Perkhidmatan Sokongan Wakil Jualan</li> </ul>		

## Inisiatif Utama

Platform Perniagaan & Kehadiran Dalam Talian

			
<p> </p> <p>Wanita</p>	<p> </p> <p>Syarikat, Organisasi &amp; Individu</p>	<p> </p> <p>Pelajar</p>	<p> </p> <p>Media Baru</p>
<p><b>.EDU.MYProgramme</b> — Institusi Pendidikan</p>			

Bagi mencapai visi MYNIC untuk menjadi pembekal pendaftar dan perkhidmatan alamat internet yang paling inovatif di rantau Asia Pasifik, MYNIC juga terlibat dengan beberapa program antarabangsa seperti berikut :

- Ahli 'Working Group Asia Pasific Top Level Domain' (APTLD). Dilantik sebagai Ahli Lembaga APTLD 2010-2014
- Ahli 'Arabic Script Working Group on Internationalized Domain Names' (ASIWG)
- Ahli 'Country Code Names Supporting Organization' (ccNSO)
- Pemerhati dalam 'ccNSO-gNSO Internationalized Domain Name (IDN) Working Group' dalam ICANN
- Ahli 'Malaysia IPv6 Working Group' di bawah *Malaysian Technical Standards Forum Bhd* (MTSFB)

Selepas perpindahan ke KKMM, MYNIC meneruskan fungsi dan peranannya bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Antara program dan aktiviti berkenaan adalah expo dan pameran, karnival, bengkel, kalobarasi dengan jabatan dan agensi dalam projek antarabangsa, aktiviti promosi, program bersama penulis blog dan sebagainya.

## Expo dan Pameran

MYNIC telah terlibat dengan penyertaan beberapa expo dan pameran sepanjang tahun 2013. Expo dan pameran berkenaan adalah seperti jadual di bawah.

**Jadual : Senarai Expo dan pameran yang disertakan MYNIC pada tahun 2013**

NO	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1.	20 May 2013- 21 May 2013	<i>SSM National Conference</i>	Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
2.	6 Jun 2013- 8 Jun 2013	<i>The 14<sup>th</sup> Malaysian International Food and beverage Trade Fair</i>	KL Sentral Kuala Lumpur
3.	25 Jun 2013- 27 Jun 2013	Program SME	KL Sentral Kuala Lumpur
4.	12 November 2013 – 14 November 2013	World Innovation Forum, Kuala Lumpur (WIF KL)	Kuala Lumpur Convention Centre

## Karnival

MYNIC juga terlibat dalam beberapa program sebagai penaja korporat. Misalnya menerusi program Karnival ICT dan Inovasi yang diadakan pada 27 Oktober 2013 di Taman Tasik Datuk Keramat, MyNIC telah menaja sebanyak RM7,000 kepada Majlis Belia Kawasan Titiwangsa selaku penganjur program.

## Bengkel

MyNIC mengadakan Bengkel 1Nita bagi membantu para peniaga wanita SME Malaysia mahir dalam menjalankan perniagaan mereka secara dalam talian. Bengkel diadakan bermula Jun hingga Disember 2013 di Perlis, Johor, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan, Selangor dan Kedah dengan penyertaan seramai 3,640 orang.

Talian 1Nita diwujudkan sebagai tempat perkumpulan para peniaga wanita berniaga secara dalam talian bagi memudahkan pembeli memilih produk dan servis yang dikehendaki dengan hanya melawati kedai dalam talian [www.1nita.my](http://www.1nita.my). Sebanyak 13 jenis produk dan servis ditawarkan di dalamnya.

## Kolaborasi Dengan Jabatan dan Agensi Dalam Projek Antarabangsa

Sepanjang tahun 2013, MYNIC telah berkolaborasi dengan berbagai agensi dan persatuan dalam menjayakan projek-projek bertaraf nasional untuk manfaat para peniaga dalam talian. Antara projek-projek berkenaan adalah :

- » MyNIC telah menjadi Rakan Kongsi kepada SKMM, Google Malaysia dan iTrain bagi melaksanakan Program *Get Malaysian Business Online* (GMBO). GMBO telah menawarkan nama domain .my percuma selama setahun bagi 10,000 pendaftar terawal perusahaan kecil dan sederhana (SME); pembaharuan nama domain RM23 setahun; iklan percuma oleh Google dan pembinaan laman sesawang percuma.
- » MYNIC dan *The Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* (KLRCA) telah bekerjasama dalam menjayakan sambutan ulang tahun ke-10 MYNIC's *Domain Name Dispute Resolution Policy* (MYDRP) pada 26 September 2013 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. KLRCA adalah rakan kongsi MYNIC sejak tahun 2003 dalam menyelesaikan masalah pertikaian nama domain .my.

- » MYNIC telah bekerjasama dengan Majlis Belia Selangor (MBS), Gerakan Belia 4B, Rakan4Biz & Tabung Kebajikan dan Pendidikan Gerakan Belia 4B (M) Shah Alam (T4BUNG) bagi melaksanakan program .myBuddies. MyNIC telah menyumbangkan sebanyak RM223,000 kepada MBS dan T4BUNG bagi melaksanakan majlis pelancaran program dan seminar mengenai .myBuddies pada 17 Disember 2013 Dewan Sri Bestari Intekma Resort & Pusat Konvensyen, Shah Alam.



Majlis pelancaran program dan seminar mengenai .myBuddies pada 17 Disember 2013 Dewan Sri Bestari Intekma Resort & Pusat Konvensyen, Shah Alam.

## Aktiviti Promosi

MYNIC telah melaksanakan pelbagai promosi jenama dan produk MYNIC melalui pentandingan, acara tahunan, potongan harga, pendaftaran nama domain dan promosi produk-produk MYNIC. Kesedaran jenama dan produk adalah amat penting sementelah nama domain .my adalah nama domain nasional bagi Malaysia.

Berikut adalah pertandingan-pertandingan yang diadakan oleh MyNIC:

- » *Makankosappo-DBZ Energy Attacks*
- » *Let's Gwiyomi* (14 Mei 2013 – 30 Mei 2013)
- » *Make it Rain* (11 Jun 2013 - 10 September 2013)
- » *Me, Myself and I* (1 Oktober 2013- 31 Oktober 2013)
- » Penulisan blog iChoose.my (31 Oktober 2013-31 Disember 2013)

## Program Blogrrr

Program *Blogrrr* dilaksanakan oleh MyNIC menerusi *Blogger Most Wanted 2013* pada 14 Disember 2013 di *Mines International Exhibition & Convention Centre (MIECC)* dan telah mengumpul kehadiran seramai 496 penulis blog.

Ketua Eksekutif MYNIC, Hasnul Fadhly Hasan telah merasmikan *blogrrr: Blogger Most Wanted 2013* dan disaksikan oleh Datuk Bridget Anne Chin Hung Yee, Pengerusi MYNIC.

Program telah memberi pengiktirafan kepada 11 penulis blog sebagai penghargaan dan memperakui penulis-penulis blog Malaysia dalam memanfaatkan kecanggihan teknologi informasi di Malaysia. Selain itu, program turut mengadakan 130 gerai jualan dan telah mendapat hampir 1,200 pengunjung. Menerusi program ini juga MyNIC telah mengenal pasti sebanyak 564 penulis blog menggunakan .my.



## Pembangunan Projek Anycast@myDNS

MyNIC terlibat dalam Projek Anycast@myDNS bersama UPM Education & Training Sdn. Bhd. (UPMET) iaitu anak syarikat UPMHoldings (syarikat milik penuh Universiti Putra Malaysia). Majlis Penyerahan Dokumen Projek sebagai simbolik kerjasama di antara MYNIC Berhad dan UPMET telah diadakan pada 1 Oktober 2013 di Dewan Persidangan, UPM Education & Training Sdn. Bhd.

## iChoose.my

Pada 31 Oktober 2013, MyNIC telah melancarkan iChoose.my bagi pemetaan daripada Wordpress.com, .com, .net, .biz & .info dan pemetaan ke domain .my, .com.my & .org.my sahaja. Harga bagi .my adalah RM120 manakala bagi.com.my RM80 dan bagi .org.my adalah RM80.